

Samudera



TENTERA LAUT DIRAJA MALAYSIA • ROYAL MALAYSIAN NAVY

BIL 01-2004 • ISSN 0127-6700

Edisi Khas
27 April
Hari Ulang Tahun
TLDM ke-70

KEPIMPINAN BERKESAN TLDM CEMERLANG

ISSN 0127-6700



Dealing with all kinds of ceremonial clothing, military related prod | services.



Committed for quality, reliable and sincere services.



PAKAIAN SALING ERTI • KARISMA WIRA SDN BHD



15, Jalan Jelatek 2, Pusat Perniagaan Jelatek, 54200 Kuala Lumpur, Malaysia. Tel: 603-4252 5555 Fax: 603-4252 6666

Kandungan

FOKUS: Kelmarin, Kini dan Esok.....	5
EKSESAIS: Kerismas & Naga Emas.....	10
KUALITI: Projek Q' 2005.....	13
ARMADA: Skuadron MCMV.....	14
JOIN NAVY: Pasukan Projek Kapal Selam di Perancis.....	16
PERSONALITI: Naib Canselor Universiti Malaya.....	18
PALAPES LAUT: Universiti Malaya.....	19
ILS: Teknologi Maklumat.....	20
DALAM KENANGAN: Pesawat WASP.....	22
ILMU KELAUTAN: Ilmu Pelayaran.....	24
ISU MARITIM: 350 Billion & Keselamatan Negara.....	26
SIHAT: Obesiti.....	27
PENCAPAIAN: Ironman PASKAL.....	28
RIADAH: Mini Olimpik TLDM Ke-18.....	29
RIADAH: Prestasi Sukan 2003.....	32
ISU MARITIM: Pelanun.....	34
TRED KERJAYA: PASKAL.....	36
PROFIL: Markas Pendidikan dan Latihan TLDM.....	38
TIPS IT: Virus.....	40
BSC: Pengenalan Balanced Scorecard.....	42
GALLEY SAMUDERA: Lasagna De' Nam.....	44
BAKAT LAUT	45
PERSPECTIVE: Commanding Officer.....	46
KAUNSELING: Sistem Divisyen.....	48
PENCAPAIAN: BMW Regatta.....	50
PERSONALITI: RSM TLDM & Penembak Negara.....	52
SENI: Gelombang Biru.....	54
TRIBUTE: Sidang Redaksi & Silangkata.....	56
SUMBER MANUSIA: Sijil Kemahiran Malaysia.....	57
ASET BARU: KD SRI SEMPORNA.....	58
NAVY PEOPLE	60
KRITIS: Sekali Sauh Dilabuh.....	62



Dari Meja Ketua Pengarang



Assalamualaikum w.b.t. dan Salam Sejahtera,

Kini genap setahun **Samudera** menjadi lidah rasmi TLDM. Seajar dengan penekanan kepada majalah berkualiti, imej dan konsep baru yang dihasilkan **Samudera** ternyata berjaya menarik minat lebih ramai pembaca. Sasaran 4 keluaran setahun tercapai dan statistik yang menunjukkan peningkatan pembaca serta maklum balas positif dari pembaca sentiasa memberi kepuasan kerja kepada kami. Sekaligus hasrat murni kami untuk *position* atau meletakkan TLDM di mertabat yang tinggi di kalangan masyarakat umum selain sebagai wadah menyalurkan ilmu pengetahuan maritim telah berjaya dicapai.

Sebagai Ketua Pengarang **Samudera**, saya amat berbangga dengan komitmen yang telah ditunjukkan oleh Sidang Redaksinya dalam mendokong objektif serta sasaran yang telah digariskan. Walaupun cuma dengan 14 ahli yang juga mempunyai tugas harian masing-masing, tim yang diketuai oleh Lt Kdr Fadhill telah menghasilkan **Samudera** yang kini sinonim dengan majalah tentera yang berkualiti. Begitu juga setinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua penyumbang yang telah sama-sama mewarnai majalah kebanggaan TLDM ini.

Sambutan Hari TLDM tahun ini bertema 'Kepimpinan Berkesan TLDM Cemerlang' membawa mesej yang sangat jelas untuk semua peringkat warganya. Sebelum ini kerajaan kita juga pernah melaungkan slogan serupa iaitu 'Kepimpinan Melalui Tauladan' yang memberi penekanan kepada kualiti pemimpin dalam menempa kemajuan. Sebagai individu, sama ada disedari atau tidak, kita semua adalah pemimpin di dalam konteks yang tersendiri. Ciri-ciri kepimpinan sebenarnya sedia wujud di dalam diri setiap insan sebagaimana FirmanNya yang membawa maksud bahawa insan diciptakan sebagai khalifah di muka bumi.

Mengimbas pencapaian TLDM dalam tempoh setahun lalu, banyak yang telah berlaku dan kita wajar bersyukur kepadaNya. Antaranya adalah pelaksanaan kontrak pembelian 2 kapal selam jenis SCORPENE, ketibaan 2 kapal *New Generation Patrol Vessel* (NGPV), penerimaan 6 helikopter Super Lynx dan 6 helikopter Fennec serta pembinaan pangkalan baru di Langkawi dan Sepang, termasuk Pangkalan Hadapan TLDM di Semporna yang telahpun dirasmikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri baru-baru ini. Begitu juga dengan program peningkatan jangka hayat dan keupayaan ke atas aset-aset sedia ada yang telah dan sedang giat dilaksanakan, di mana proses ini turut merangkumi kapal-kapal serta infrastruktur bantuan dan kemudahan di pangkalan termasuk peningkatan kualiti hidup untuk warga TLDM dan keluarga.

Warga TLDM juga boleh berbangga dengan pelbagai anugerah dan pengiktirafan yang terus diterima sehingga kini. Di dalam bidang pengurusan, kita amat dikenali sebagai sebuah organisasi yang mengamalkan Pengurusan Kualiti Menyeluruh (TQM) secara serius di semua peringkat pengurusan. TLDM juga telah diberi kepercayaan oleh kerajaan untuk mempelopori penggunaan sistem pengukuran prestasi *Balanced Scorecard* (BSC) yang pertama di kalangan organisasi pentadbiran kerajaan. Setiap yang dihasilkan atau *outcome* harus diukur dan kenyataan *whats get measured gets done!* boleh dijadikan panduan bagi semua organisasi khususnya bagi *non-profit driven organization*.

Akhir sekali dalam kita meraih kejayaan dan pengiktirafan, perlu juga kita beringat bahawa kebanggaan boleh membuat kita leka dan kelekaan boleh membawa kegagalan. Cabaran bagi kita warga TLDM seterusnya perlu ditumpukan kepada perubahan sikap agar lebih berfikiran positif serta menerapkan budaya kerja yang menekankan kualiti dan efisiensi sama ada di peringkat individu, keluarga mahupun organisasi.

70 tahun telah berlalu dan dalam senario yang semakin kompetitif ini, sewajarnya kita merenung sejenak pencapaian silam dalam merintis jalan ke arah kejayaan yang lebih gemilang di masa hadapan.

SYABAS TLDM - SEDIA BERKORBAN

Samudera

SIDANG REDAKSI

PENAUANG/PENASIHAT

Laksamana Madya Dato' Ilyas bin Hj Din

KETUA PENGARANG

Kept Ahmad Kamarulzaman bin Hj Ahmad Badaruddin TLDM

PENGARANG

Lt Kdr Fadhill bin Abdul Rahman TLDM

Lt Rosdi bin Mohamad TLDM

WARTAWAN

BK PBS (I) Sabaruddin bin Abas

LK 1 KNA Halimahton Sa'adiah binti Kamsani

LK 1 KNA Iswardi bin Rashidi

LK 1 KNA Che Alang bin Che Latiff

WAKIL LUMUT

Lt Karimah binti Awi TLDM

Lt Masliza binti Maaris TLDM

LK 1 RGR Normahaily binti Mohd Nor

WAKIL MAWILLA 1

Lt Kamaruzaman bin Ahmad TLDM

LK 1 RGR Azza binti Alwee

WAKIL MAWILLA 2

Lt Rosilawati binti Mamat TLDM

WAKIL PULAREK

Lt Nurkahayu @ Nurfatimah binti Khalid TLDM

GAMBAR EHSAN

PR KEMENTAH

PR Markas Tentera Laut

PR Markas Armada

Warisan Advertising

REKABENTUK

Azman bin Ahmad

Warisan Advertising Sdn Bhd

No. 25-2, Wisma Warisan

Jelatek Business Park, Jalan Jelatek

54200 KUALA LUMPUR

Tel: 03-42527279

Faks: 03-42527281

Samudera diterbitkan sebanyak empat kali setahun oleh Markas Tentera Laut Diraja Malaysia dan diedarkan secara percuma. Samudera mengalu-alukan sumbangan rencana, berita, gambar, cerpen, puisi dan seumpamanya daripada seluruh warga TLDM dan para pembaca yang budiman. Sila hantarkan sumbangan anda sama ada secara pos atau E-mel kepada:

**Pengarang Samudera,
Markas Tentera Laut,
Kementerian Pertahanan,
Jalan Padang Tembak,
50634 KUALA LUMPUR.
Tel: 03-20713165/3218
Faks: 03-26927677**

E-mel: editorsamudera@yahoo.com



Tentera Laut Diraja Malaysia *Kelmarin, Kini dan Esok...*

Oleh: **Kept Ahmad Kamarulzaman bin Hj Ahmad Badaruddin TLDM**
MBA (UK) MA (Defence Studies) UKM



Pada tanggal 27 April 2004 genaplah usia 70 tahun Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) yang mempunyai peranan penting dalam menentukan kedaulatan perairan negara kita yang tercinta. Peranan masa aman TLDM adalah menjaga keselamatan serta mempertahankan kepentingan negara yang merupakan sumber ekonomi maritimnya terutama sekali sumber dasar laut, minyak dan gas, industri perkapalan, pelancongan dan perikanan. TLDM juga memainkan peranan utama dalam aktiviti pengukuran hidrografi dan penyelidikan oseanografi. Ia juga bekerjasama dengan agensi maritim yang lain dalam menguatkuasakan undang-undang maritim di Zon Ekonomi Eksklusif (EEZ) khususnya dalam aktiviti membentasi lanun dan perompak laut. Lain-lain peranan sekunder meliputi bantuan kepada operasi Tentera Darat Malaysia (TDM) dan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) serta membantu operasi Mencari dan Menyelamat (SAR) dan operasi bantuan bencana alam atau *disaster relief*. Dalam waktu konflik pula, selain dari menentukan keselamatan laluan perkapalan atau *Sea Lanes of Communication (SLOC)* yang merupakan nadi ekonomi negara, TLDM, TDM dan TUDM akan memastikan segala ancaman kepada tanah air dapat dihapuskan.

Bagaimanapun, skop peranan TLDM masa aman mahupun masa konflik kini bertambah luas dan menjadi semakin kompleks. Ini kerana persekitaran dunia kita berubah dan keadaan ini tentunya akan berterusan dalam era globalisasi. Perubahan yang telah dan akan terus memberi impak kepada TLDM boleh dilihat dari pelbagai perspektif merangkumi politik, ekonomi, sosial, teknologi, alam sekitar, perundangan dan juga

dari dimensi ketenteraan. Perubahan-perubahan mendadak ini mempunyai implikasi kepada senario keselamatan global. Lantaran itu TLDM perlu lebih dinamik dan proaktif serta bersedia untuk menangani cabaran masa depan dengan meningkatkan keupayaannya.

Menyingkap kembali sejarah kewujudannya di tahun 1934 dengan cuma beberapa kerat anggota mengendalikan bot-bot kecil, pembangunan TLDM kini telah berjaya melonjak jauh ke hadapan sebagai satu angkatan yang kredibel di rantau ini. Keanggotaan TLDM kini telah mencapai 14,000 pegawai dan anggota. TLDM juga boleh bermegah dengan Armadanya yang serba canggih dengan berbagai jenis kapal perang moden yang berupaya menangani ancaman dari semua dimensi peperangan maritim. Perolehan aset terkini TLDM turut meliputi skuadron 6 helikopter SUPER LYNX dari United Kingdom dan skuadron 6 helikopter FENNEC dari Perancis bagi mempertingkatkan keupayaan cawangan udaranya. Tahun 2003 juga mencatat sejarah bagi TLDM apabila kontrak bagi perolehan 2 buah kapal selam yang termoden di dunia, jenis SCORPENE, dimeterai. Angkatan kapal selam TLDM ini kelak akan memberikan keupayaan peperangan bawah permukaan air yang kredibel dan dianggap *niche* memandangkan tidak banyak Tentera Laut di dunia memiliki angkatan kapal selam.

Selaras dengan konsep *self-reliance and partnership* dengan industri tempatan, program nasional bagi pembinaan 27 kapal peronda generasi baru atau *New Generation Patrol Vessels (NGPV)* kini sedang giat dilaksanakan. Skuadron pertama 6 buah kapal jenis MEKO yang kini dalam pembinaan di limbungan tempatan mempunyai rekabentuk *modular* dengan *system architecture* yang fleksibel bagi memudahkan



Kapal Korvet Kelas Laksamana

peningkatan keupayaan di masa akan datang. Secara ringkas, dengan rekabentuk tersebut serta mengambilkira situasi semasa, TLDM sedang merancang untuk menukar peranan NGPV dari kapal ronda kepada kapal jenis korvet dengan keupayaan tempur yang lebih mapan. Dengan pelaburan tambahan yang kecil, pendekatan ini akan memantapkan lagi keupayaan TLDM sejajar dengan fokus kepada bisnes terasnya iaitu *war-fighting*.

Dua buah kapal friget baru iaitu KD JEBAT dan KD LEKIU adalah bukti pelaburan bijak yang telah meningkatkan keupayaan tempur Armada TLDM. Hakikat ini terbukti melalui kejayaan yang telah

KD JEBAT belayar meninggalkan Pangkalan TLDM Lumut





**Bot Tempur PASKAL -
KD INDERAPUTRA di latar**

perolehi semasa operasi, latihan dan eksekusi yang dijalankan. Prestasi cemerlang yang ditunjukkan, diukur melalui maklum balas diterima dari pelbagai sumber, boleh dijadikan justifikasi bagi TLDM merancang perolehan 4 buah friget lagi sebagai melengkapi skuadron 6 buah kapal friget. Konsep ini juga akan mengurangkan kos sepanjang hayat atau *Life-Cycle Costs* bagi setiap kapal khususnya keperluan latihan dan bantuan logistik. Ini secara tidak langsung memberi pulangan pelaburan (ROI) yang tinggi kepada kerajaan.

Pembangunan juga dapat dilihat dari aspek infrastrukturnya di mana beberapa pangkalan baru seperti di Samporna telah siap dibina dan diserahkan kepada TLDM. Manakala pembinaan pangkalan baru lain seperti Markas Wilayah Laut 2 di Sepang, Sabah serta Markas Wilayah Laut 3 di Langkawi sedang giat dilaksanakan. Pangkalan baru bagi angkatan kapal selam kita di Sapangar juga kini dalam perancangan akhir. Selain dari itu juga, kemudahan simulator anjungan dan simulator *Damage Control and Fire-Fighting* di Pangkalan TLDM Lumut telah beroperasi sepenuhnya.

TLDM kini dalam proses untuk menyelaras atau konsolidasi segala keperluannya termasuk struktur organisasi dan polisi-polisi yang berkaitan dalam usaha menjayakan transformasi

Armada masa kini (*Existing Fleet*) kepada Armada masa akan datang (*Future Fleet*). Berbagai program khusus seperti *Ship Life Extension Programme* (SLEP) kini sedang dilaksanakan ke atas aset sedia untuk mempertingkatkan keupayaan sistem pengesanan (*sensors*), persenjataan dan komunikasi yang kritikal untuk memenuhi keperluan semua dimensi peperangan. Sebagai contoh, kapal korvet kelas KASTURI kini telahpun selesai menjalani SLEP bagi menggantikan sistem misil EXOCET MM38 kepada MM40 serta penggantian beberapa sistem *sensory* yang lain. Program yang sama kini sedang dilaksanakan bagi skuadron lain termasuk kapal jenis Penangkis Perik Api atau *Mine Counter Measure Vessels* (MCMV), skuadron kapal logistik dan skuadron korvet kelas LAKSAMANA. Beberapa konsep senggaraan baru seperti *Reliability Centered Maintenance* (RCM) dan *Operational Centered Maintenance* (OCM) telah diperkenalkan dalam falsafah senggaraan asetnya yang baru bagi menghasilkan ROI yang maksimum seterusnya menjimatkan wang kerajaan dalam jangka panjang.

Dari aspek material pula, TLDM kini sedang mengadoptasi serta mengimplimentasikan konsep logistik bersepadu (ILS) dengan lebih agresif. Sebagai contoh, peningkatan dalam *Supply Chain Management* berdasarkan konsep

Just In Time atau JIT kini akan diperluaskan supaya pegangan inventori stor dan alat ganti dapat dikurangkan bagi meningkatkan efisiensi dan mengelakkan pembaziran. Dalam konteks yang sama, TLDM berhasrat mempromosikan konsep perkongsian pintar dengan industri pertahanan tempatan di mana dengan adanya visi yang sama, semua pihak terlibat boleh memainkan peranan penting bagi menghasilkan kesiagaan serta keberkesanan tempur secara kolektif.


Senario geo-strategik yang sentiasa berubah akan terus memberi impak kepada *security landscape* serta keadaan ekonomi negara, dan ini sewajarnya akan memberi cabaran kepada organisasi yang dinamik seperti TLDM. Bagi menangani cabaran yang mendatang kita perlu bertindak secara proaktif dengan berpandangan jauh serta berfikir strategik apabila berdepan dengan isu-isu penting seperti hala tuju, fungsi, peranan, isu kemanusiaan atau *people*, aspek proses, struktur organisasi dan polisi yang berkaitan.

Tentera Laut Diraja Malaysia harus terus maju atau *evolve* bahkan lebih penting lagi TLDM perlu sentiasa di hadapan dan menjadi penanda aras atau *benchmark* untuk organisasi lain. Pendekatan ini wajar disebabkan persaingan yang semakin mencabar dalam situasi di mana



NGPV bakal menyertai Armada TLDM

**SUPER LYNX terbang melintasi mercu
tanda negara -
Menara Berkembar Petronas**



sumber semakin terhad. Kini setiap organisasi yang dinamik dan efektif sentiasa mengharapkan produktiviti yang lebih dengan sumber atau usaha yang sama ataupun kurang. Memetik kata-kata Panglima Tentera Laut "***the Navy will need to avoid doing more of the same, rather the navy need to achieve improvement through the application of creative and innovative solutions***". Bagi menentukan semua inisiatif dilaksanakan dengan berkesan, TLDM perlu terus mengkaji semula dan mencabar proses-proses sedia ada termasuk dasar serta struktur organisasinya secara lebih objektif lagi bagi mencapai peningkatan yang berterusan.

Menyedari hakikat bahawa TLDM amnya adalah sebuah angkatan laut yang kecil, kita harus mengoptimalkan atau *leverage* teknologi pertahanan dan teknologi pengurusan bagi memperolehi *competitive advantage*. Selain dari pelaburan ke atas ICT bagi meningkatkan keupayaan tempur dan efisiensi, pelaburan dalam bidang teknologi juga akan membantu kita untuk melonjak maju ke hadapan. Usaha ini akan terus mempertingkatkan prestasi TLDM khususnya dalam aspek operasi dan bantuan logistik. Sejalan dengan perkembangan teknologi semasa kita perlu lebih terbuka dalam mengadoptasikan dan memperkenalkan konsep baru seperti *multi-skilling*, memupuk budaya kualiti di kalangan tenaga kerja kita dan seterusnya mencapai konsep *doing more effectively with less*.

Apabila difokus kepada bisnes teras TLDM iaitu keupayaan tempur, pelaburan bagi memperolehi teknologi terkini untuk aset-aset baru serta program peningkatan bagi kapal-kapal sedia ada telah mula menampilkan hasil yang positif dari

aspek kesiagaan serta keberkesanan tempur Armadanya. Kini TLDM mula menumpukan usaha terhadap isu-isu baru seperti Pengurusan Berdasarkan Maklumat atau *Knowledge Based Management* (KBM) dan juga Peperangan Berpusatkan Rangkaian atau *Network Centric Warfare* (NWC) bagi mencapai sinergi di dalam sario peperangan masa hadapan apabila kebanyakan operasi akan dikendalikan secara bersama atau *joint*. Oleh itu TLDM, TDM dan TUDM perlu mengoptimalkan teknologi untuk mewujudkan satu angkatan yang bersepadu dan *multi-dimensional* sekaligus meningkatkan *jointness* dalam ATM ke arah menghasilkan *collective joint effort*.

Oleh yang demikian bagi menangani cabaran di hari esok, TLDM perlu membangunkan tenaga kerjanya dalam kepakaran atau *skill* baru serta mengadoptasikan budaya kualiti sejajar dengan program pembangunan strategik yang lebih *structured* dan fokus. Kini setiap hasil atau *output* wajar berdasarkan prestasi, dan bagi membantu proses pengukuran prestasi di semua peringkat, sistem *Balance Scorecard* kini sedang diperkenalkan dan akan diimplimentasikan dalam masa terdekat. Kepimpinan yang efektif dan budaya pengurusan moden juga akan ditegaskan bagi pemimpin di semua peringkat dalam organisasi TLDM. Program pembangunan strategik TLDM kini akan lebih holistik merangkumi bukan sahaja *hardware* (peralatan dan infrastruktur) bahkan lebih penting lagi *humanware* iaitu warganya bagi menjadikannya organisasi yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

Dalam ertikata lain, semua warga TLDM

sentiasa perlu mengkaji semula bagaimana kita menjalankan bisnes kita dengan mempunyai objektif yang jelas dalam apa sahaja yang dikerjakan serta menghayati visi TLDM yang harus dikongsi bersama. Semangat kekitaan perlu wujud, sasaran baru yang lebih mencabar harus ditetapkan dan strategi yang berkesan perlu diadakan bagi apa sahaja yang dilaksanakan sejajar dengan visi dan objektif yang dihasratkan. Hanya dengan visi yang jelas, realistik serta pelaksanaan strategi-strategi yang mantap dan juga sistem pengawasan yang efektif maka hasrat murni pucuk pimpinan dapat diperkotakan - InsyaAllah.

Menyingkap kembali Perutusan Ulung Panglima Tentera Laut, perjalanan kita menuju kejayaan dan kecemerlangan yang dihasratkan adalah seperti analogi pelayaran yang tidak mudah oleh kerana kapal perlu mengharungi gelora dan pelbagai rintangan merbahaya. Walau bagaimanapun, berpandukan 6 agenda teras nakhoda kita Laksamana Dato' Sri Mohd Anwar, cabaran yang bakal dihadapi boleh ditangani dengan baik jika kita bersama dengan satu hati, dengan semangat kekitaan yang jitu bagi mencapai visi yang dikongsi berpandukan kenyataan ***TLDM adalah kita dan kita adalah TLDM***.

Akhir kata, dalam TLDM meraih kejayaan dan kemerlangan, janganlah kita terlalu berbangga sehinggakan kita leka, oleh kerana sikap leka dan alpa ini pasti mendatangkan kecelakaan dan kegagalan. Oleh itu mari kita beringat dan saling mengingatkan sesama kita! **S**

Syabas TLDM!

menemui sahabatku, Azian

ape khabar geng? Lama tak dengar cerita?

Harap-harap sihat selalu

Kini saya bekerja di sebuah **AGensi PENGikLANan**,
saya suke sangat keje kat sini!!!

Kita orang buat kerja-kerja **Reka Bentuk, Percetakan,**
Periklanan Radio dan TV, Bill Board,

acara-acara khas, pameran dan Ekspo
dan macam-macam lagi
(ape-ape yang berkaitan dengan pengiklanan).

Nampaknya sampai sini saja dapat saya coretkan.
Ikutkan hati banyak lagi yang saya nak ceritakan!!!

Saya kene siapkan persembahan **Multimedia** untuk klien sa
jangan lupe saya kat sini Rajin-rajin lah tulis surat
dari sahabatmu

MURUL ANI

P/s : saya ada kirimkan gambar terbaru saya.
Kalau ada klien, jangan lupe saya ye!

Call 03-4252 7279

Hubungan erat terjalin tidak semudah disangkakan...

Kami hargai keakraban yang terjalin di antara agensi-klien kerana ia membolehkan kita mencapai matlamat yang hakiki. Pengalaman yang dikongsi, aspirasi serta kejayaan bersama menghasilkan persefahaman yang lebih bermakna. Segala cita-cita, segala tujuan lebih mudah dicapai apabila kita bersefahaman.

WARISAN Ad

Warisan Advertising Sdn Bhd

(258090/T)

25, Wisma Warisan, Jalan Jelatek 2
Jelatek Business Park, 54200 Kuala Lumpur
Tel: 603-4252 7279, 4252 7280. Faks: 603-4252 7281
Email: warsb@tm.net.my



EKSESAIS KERISMAS

OLEH: ABOY, PR FOC RMN

Ekseksais KERISMAS 24/04 merupakan siri latihan Armada ke 24 yang dilaksanakan oleh Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) sehingga kini. Ia adalah juga sebagai ekseksais tahunan terpenting yang diadakan bagi menilai keupayaan sebenar Armada TLDM dalam melaksanakan bisnes terasnya iaitu mengungguli peperangan maritim apabila keadaan memaksa. Ekseksais kali ini membabitkan seluruh kawasan Selat Melaka dan Perairan Laut China Selatan hingga ke Perairan Sarawak. Perancangan awal dan kajian teliti secara berterusan telah dijalankan sejak tahun lalu dengan mengambil kira pengalaman sebelumnya bagi memantapkan lagi keberkesanan ekseksais kali ini.

Di samping konsep 'Latihan Operasi Maritim' yang dipraktikkan, TLDM juga mengoptimalkan penggunaan ICT termasuk "Video Conference" (VC) sebagai salah satu media komunikasi antara



Serius...Laksma Nordin (kiri) dan Laksdya Datuk Ramlan (kanan)



Turun padang...
Laksdya Dato'
Ilyas

di dalam inventori TLDM. Ekseksais ini sekaligus menjadi medan menguji kemampuan helikopter yang baru diperolehi dari United Kingdom pada tahun 2003.

Misi ekseksais kali ini adalah untuk menilai dan menguji keupayaan dan ketahanan Armada TLDM dalam melaksanakan operasi maritim. Bagi mencapai misi tersebut beberapa objektif telah digariskan iaitu:

- Melatih dan menilai keupayaan Armada TLDM di dalam aspek peperangan maritim.
- Menilai ketahanan Armada TLDM di dalam melaksanakan operasi maritim.
- Menilai keberkesanan Sistem Komunikasi TLDM.
- Menilai keberkesanan kerjasama operasi antara TLDM dan TUDM.
- Mengketengahkan helikopter SUPER LYNX ke dalam Armada TLDM.
- Menunjukkan operasi maritim sentiasa dipergiat khususnya di kawasan berkepentingan.
- Meningkatkan semangat kerjasama dan "esprit de corp".

Ekseksais yang bermula dari 24 Mac sehingga 10 April ini diterajui oleh Panglima Armada, Laksamana Madya Datuk Ramlan Mohamed Ali sebagai Pengarah Ekseksais, manakala Panglima Wilayah Laut 1, Laksamana Pertama Mohammed Noordin bin Ali selaku Panglima Angkatan Tugasan.

Kapal-kapal yang terlibat memulakan pelayaran dari Pangkalan TLDM Lumut dan menamatkan ekseksais di Tanjung Gelang, Kuantan. Selain dari pembabitan kapal TLDM dan pesawat TUDM, ekseksais ini juga mendapat sokongan logistik bersepadu dari kesemua pangkalan TLDM. Secara keseluruhannya, ekseksais kali ini telah dapat menilai kerjasama dan "interoperability" antara TLDM dan TUDM, di samping mempraktikkan proses membuat keputusan operasi yang melibatkan elemen-elemen Markas Angkatan Tentera Malaysia secara realisme. Selain itu, skop utama ekseksais ini juga merangkumi dan bermula dengan pengawalan bencana alam (*disaster control*), keselamatan pangkalan hingga ke operasi maritim yang dibuat secara berperingkat hingga tercetusnya konflik dan peperangan di laut. **S**

pemerintah. Pelancaran ekseksais telah disempurnakan oleh Panglima Tentera Laut (PTL), Laksamana Dato' Sri Mohd Anwar di Markas Tentera Laut, Kuala Lumpur dan disaksikan oleh kesemua markas formasi melalui kemudahan VC.

Selain membabitkan 2 unsur utama iaitu kapal dan pesawat, hasil kerjasama erat antara TLDM dan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), ekseksais kali ini turut menampilkan penglibatan helikopter SUPER LYNX yang menjadi aset terbaru



EKSESAIS NAGA EMAS UJI KETANGKASAN PASKAL

OLEH: **ABOV, PR FOC RMN**

Eksesais-NAGA EMAS yang berlangsung baru-baru ini menyaksikan kehebatan Pasukan Khas Laut (PASKAL) menangani penganas yang cuba menawan kapal MV BUNGA KEMIRI, milik sebuah syarikat perkapalan negara.

Apa yang dapat dilihat melalui senario yang diberikan, MV BUNGA KEMIRI ditawan oleh sekumpulan penganas dari negara JINGGA di kawasan Perairan Pulau Pangkor. Isyarat kecemasan dihantar serta-merta oleh kapal tersebut ke ibu

pejabat *Malaysian International Shipping Corporation Berhad* (MISC), yang kemudiannya telah memaklumkan kepada pihak berkuasa berkaitan. Satu arahan kemudiannya dikeluarkan kepada Markas Tentera Laut (MTL) bagi Panglima Armada TLDM menggerakkan PASKAL untuk melaksanakan operasi menyelamat. Berdasarkan maklumat yang diterima, PASKAL telah melaksanakan operasi menggempur melalui udara, permukaan air dan bawah air bagi menyempurnakan misi tersebut. Ketangkasan PASKAL berjaya merampas kembali kapal tersebut tanpa membahayakan keselamatan tebusan dan kargo yang dibawanya.

Senario yang diberikan itu sebenarnya bukanlah sengaja direka tanpa asasnya. Kapal yang belayar di perairan kita terutama di Selat Melaka biasanya membawa muatan bernilai jutaan ringgit dan sememangnya terdedah kepada ancaman rampasan atau rompakan, tidak kira di tengah laut mahupun di pelabuhan. Justeru itu tidak hairanlah jika Eks-NAGA EMAS, siri latihan melawan keganasan di kapal MISC telah dimulakan sejak 1989 sebagai persediaan bagi menghadapi situasi sebenar.

Eks-NAGA EMAS 43/04 yang berlangsung pada 16 Mac lalu adalah latihan fasa taktikal yang dikendalikan PASKAL dengan kerjasama dan sokongan daripada Markas Armada TLDM, KD MAHAWANGSA dan kapal milik MISC, MV BUNGA KEMIRI.

PASKAL sebagai pasukan elit tentera laut sangat terlatih untuk berdepan dengan situasi berbahaya sebegini. Eksesais ini juga menjadi satu dari siri latihan penting bagi memastikan semua anggotanya berada dalam keadaan bersedia, berwaspada dan bertindak pantas serta cekap. Tidakkah menghairankan eksesais kali ini telah sekali lagi berjaya membuktikan kecekapan dan ketrampilan PASKAL.

Dalam masa yang sama, eksesais ini sekaligus memberikan pendedahan berguna kepada agensi kerajaan yang lain, serta syarikat perkapalan di Malaysia tentang betapa pentingnya latihan seumpama ini dilaksanakan. Secara tidak langsung menggalakkan mereka untuk membuat latihan sebagai persediaan dalam menangani kejadian seumpamanya. Ia juga turut memperlihatkan keseimbangan koordinasi antara Jabatan Kerajaan yang bertanggungjawab seperti Bahagian Keselamatan Negara dan syarikat perkapalan seperti MISC. **S**



Misi merbahaya...



PASKAL menyeludup masuk tanpa dikesan



Perampas berjaya ditawan



Juruterbang dan 'sniper' berbincang sebelum mula misi menyelamat



Penembak Tepat PASKAL bersedia untuk bertindak

WITH IZAR,
THERE ARE
NO LIMITS



Frigate "Álvaro de Bazán" fires a Standard missile during trials.

IN NEWBUILDINGS

There is no place for second best when specifying warships. That's why the world's navies look to **IZAR** for the very latest technology, the most advanced designs. **IZAR** is still the only shipbuilder in the world to have built an aircraft carrier for another country's navy. And this was no one-off: currently under construction are two series of new-generation frigates for European navies. We've achieved our unique position by consistently challenging our preconceptions and those of our customers. **IZAR: no limits.**



IZAR
www.izar.es

build

repair

power

systems



PROJEK Q' 2005

Oleh: **Kdr Ang Chin Hup TLDM** MSc in EBM (Warwick) BBA (RMIT), **MTL-IJ**



Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) adalah angkatan laut yang tidak asing lagi dalam bidang kecemerlangan berasaskan Pengurusan Kualiti Menyeluruh (TQM). Semenjak beberapa formasinya iaitu Markas Pendidikan dan Latihan TLDM, Markas Wilayah Laut Satu, Markas Armada dan Hospital Angkatan Tentera Lumut menjuarai Anugerah Kualiti Menteri Pertahanan (AKMP) mulai tahun 1999, TLDM telah membuktikan kesungguhan dalam bidang pengurusan kualiti. Perjalanan ke arah TQM telah mencapai kemuncak apabila TLDM memenangi Anugerah Kualiti Perdana Menteri (AKPM) dalam kategori Teknologi Maklumat pada tahun 2002.

Projek Kualiti 2005

Kini TLDM sedang melangkah ke arah satu lagi peningkatan dalam aktiviti TQM dengan menyertai pertandingan Anugerah Kualiti Perdana Menteri (AKPM) untuk tahun 2005. Langkah yang digelar 'Projek Kualiti 2005' ini akan diterajui oleh Markas Tentera laut (MTL) dan melibatkan semua

formasi, unit dan kapal TLDM. Bagi merebut anugerah kualiti yang terunggul di Malaysia ini, TLDM perlu cemerlang dalam semua bidang pengurusan seperti tertera di dalam Malcolm Baldrige Criteria for Performance Excellence Framework. Bidang yang dinyatakan ialah Leadership, Strategic Planning, Customer Focus, Information & Analysis, Human Resource Focus, Process Management, Strategic & Action Plans dan Business Result.

- **Leadership.** Dalam langkah menuju kecemerlangan, isu '*leadership*' ataupun kepimpinan adalah fungsi pengurusan yang paling dititikberatkan oleh TLDM. Bagi mengendalikan aset barunya seperti kapal ronda, kapal selam Scorpene, helikopter jenis Super Lynx dan Fennex dengan optimumnya, setiap Pegawai Memerintah dan pegawai TLDM perlu mempunyai kebolehan untuk memimpin. Oleh yang demikian, semasa Seminar Pegawai Kanan TLDM tahun ini, tajuk *Creating Synergy Through Effective Leadership* telah dipilih sebagai tema seminar.

- **Strategic Planning.** Wawasan TLDM ialah 'menjadi sebuah angkatan laut yang berkualiti' dan misinya ialah 'menyedia dan mengatur gerak angkatan laut untuk melindungi kepentingan maritim Malaysia semasa aman dan memastikan kemenangan ketika perang'. Dalam usaha untuk mencapai wawasan dan misi ini, TLDM sentiasa melaksanakan perancangan strategik di peringkat MTL dan formasi TLDM. Melalui perancangan strategik tersebut, TLDM dapat memfokuskan kepada visi, misi, matlamat, objektif dan nilainya.

- **Customer Focus.** Bagi menjadi angkatan laut yang berkualiti, TLDM tidak lupa terhadap pelanggan utamanya iaitu Kementerian Pertahanan khususnya dan rakyat negara amnya. Dalam perkara ini, TLDM telah menubuhkan Jawatankuasa TQM di MTL dan semua formasi supaya TLDM dapat memberi perkhidmatan yang cemerlang terhadap pelanggannya.

- **Information & Analysis.** Pada era globalisasi dan teknologi maklumat ini, TLDM juga sedang giat meningkatkan sistem teknologi maklumat dengan mewujudkan sistem TLDMNet. Kemudahan ini dapat menyediakan komunikasi yang lebih efektif antara markas dan kapal seterusnya membantu meningkatkan sistem 'information & analysis' TLDM.

- **Human Resource Focus.** Sebagai angkatan laut dengan keanggotaan 16,000 pegawai dan anggota lain-lain pangkat (LLP), TLDM sedar bahawa kekuatannya bergantung kepada sumber manusianya. Oleh yang demikian, pucuk pimpinan TLDM sentiasa prihatin terhadap struktur kerjaya, latihan dan pendidikan serta kebajikan anggota dan keluarga mereka.

- **Process Management.** Bagi menjadi sebuah angkatan laut yang berkualiti, TLDM



Anugerah Kualiti Perdana Menteri 2002 - Teknologi Maklumat

sentiasa menekankan pengurusan prosesnya yang efektif. Dalam usaha ini, TLDM sentiasa menggalakkan formasi dan unitnya menyerap sistem pengurusan kualiti ISO 9000 bagi melicinkan proses dan dokumentasinya.

• Strategy & Action Plans.

TLDM mempunyai strategi dan pelan tindakan yang menyeluruh apabila membentuk sasaran kerja tahunan (SKT) pada setiap tahun. SKT tersebut dinilai semasa mid-term review dan retreat tahunan bagi memastikan ianya dilaksanakan dengan sempurna.

- **Business Result.** Segala strategi dan pelan tindakan TLDM akan dinilai dengan menggunakan sistem penilaian Balanced Scorecard. Melalui sistem tersebut, TLDM dapat menilai business resultnya dalam perspektif stakeholder, internal process, learning & growth dan resources.



Pelbagai Anugerah terus diungguli...

Komitmen TLDM

TLDM melancarkan Projek TQM 2005 bagi menuju ke arah memenangi Anugerah Kualiti Perdana Menteri 2005. Dengan pelancaran ini, pucuk pimpinan dan seluruh warga TLDM membuat komitmen untuk mencapai kecemerlangan dalam semua bidang pengurusan kualiti menyeluruh seterusnya memenangi anugerah kualiti yang terunggul ini. **S**



SKUADRON PENANGKIS PERIUK API KE 26 MEMBEBAHKAN PERAIRAN NEGARA DARIPADA ANCAMAN PERIUK API

Oleh: Kdr Chan Peng Cheong TLDM MBA (UM) BBA Hons (UKM)



Pada tahun 1980, di bawah Program Pembangunan TLDM, kerajaan Malaysia telah membuat keputusan untuk menggantikan kapal-kapal Penyapu Periuk Api Persisiran Pantai (*Coastal Mine Sweeper*) jenis "Ex British TON Class" dari Skuadron Penyapu Periuk Api Ke 25. Kapal-kapal tersebut telah digunakan oleh TLDM sejak awal tahun 1964. Dalam mendapatkan penggantian yang terbaik untuk meningkatkan keupayaan dan memenuhi keperluan operasi semasa dalam peperangan periuk api, satu kontrak telah ditandatangani pada 5 Januari 1981 antara kerajaan Malaysia dan *Intermarine Shipyard, Sarzana, Italy* untuk pembelian 4 buah kapal Penangkis Periuk Api jenis "LERICI Class" yang lebih dikenali sebagai "Mine Counter Measure Vessel" (MCMV). Keempat-empat kapal ini mempunyai sedikit perbezaan jika dibandingkan dengan jenis "Italian Lerici Class" terutamanya dari segi peralatan mengesan periuk api yang dipasang untuk menyesuaikan keperluan operasi TLDM. Setelah menjalani ujian penerimaan di pelabuhan dan di laut, keempat-empat kapal tersebut telah diterima oleh kerajaan Malaysia dan seterusnya ditauliahkan sebagai Skuadron Penangkis Periuk Api Ke 26 (SPP Ke 26) pada 11 Disember 1985.

SPP Ke 26 terdiri daripada KD MAHAMIRU, KD JERAI, KD LEDANG dan KD KINABALU. Kapal-kapal ini direkabentuk khas untuk mengesan dan memusnahkan periuk api. Misi utamanya ialah mengekalkan keselamatan perairan negara dan mewujudkan laluan yang bebas daripada ancaman periuk api. Untuk mencapai misi tersebut, tugas SPP Ke 26 meliputi mengesan dan mengenal pasti jenis periuk api, lokasi serta tahap keupayaan periuk api, membuat laluan bebas periuk api dan mengetuai kapal-kapal dalam laluan bebas periuk api. Disamping itu, SPP Ke 26 juga bertanggungjawab dalam mengenalpasti objek bawah permukaan dan menghalang segala usaha masuk melalui penyerapan dan penyeludupan.

Peperangan periuk api merangkumi aspek penanaman periuk api (*mine laying*) dan penangkisan periuk api (*mine countermeasures*). Keupayaan peperangan periuk api SPP Ke 26 banyak bergantung kepada prestasi dan integrasi peralatan-peralatan yang digunakan.

KD MAHAMIRU



Sistem Penangkis Periukapi (*IBIS V*) yang asal telah diberi nafas baru dan ditingkatkan dengan 'Mine Warfare Tactical Display System (MTDS)'. Sistem ini merupakan sistem induk untuk operasi peperangan periuk api. Antara peralatan yang diintegrasikan kepada MTDS ini merangkumi sonar, radar navigasi, echo sounder, Mine Hunting Auto Pilot System (MAPS), gyro, EM Log, Sweep Navigation System, Helmsman Indicator dan Differential Global Positioning System (DGPS).

Setiap kapal dari SPP Ke 26 juga dilengkapi dengan 2 x Mine Disposal Vehicle (MDV) jenis PAP 104 MK IV dari ECA Spa sebagai Original Equipment Manufacturer (OEM). Pada bulan Disember 2003, PAP 104 MK IV di KD KINABALU telah digantikan dengan 2 x MDV jenis OLISTER buatan syarikat yang sama sebagai peningkatan kepada keupayaan peralatan yang sedia ada agar operasi mengesan dan memusnah periuk api dapat dilaksanakan dengan lebih cepat dan berkesan.

Salah satu ciri istimewa yang terdapat pada sistem kuasa gerak SPP Ke 26 adalah Auxiliary Propulsion System (APS). Sistem ini terdiri daripada Hydraulic Power Unit (HPU) dan Auxiliary Propulsion Unit (APU) yang dikawal menggunakan sistem kawalan Auxiliary Propulsion Control System (APCS) atau Enhanced Auxiliary Propulsion Control System (E-APCS). HPU merupakan penjana tekanan minyak hidrolik untuk menggerakkan propulsor (APU) semasa operasi mengesan dan menangkis periuk api. E-APCS merupakan alat kawalan yang mengawal dan memantau operasi HPU dan APU berdasarkan arahan yang diberikan. APCS adalah alat kawalan versi lama. E-APCS dipasang di KD MAHAMIRU dan KD JERAI manakala KD KINABALU dan KD



KD JERAI



LEDANG masih menggunakan APCS dan menunggu proses peningkatan taraf ke E-APCS.

SPP Ke 26 juga dilengkapi dengan peralatan dan aksesori peralatan selam yang membolehkan operasi mengesan dan menangkap periuk api dilaksanakan dengan lebih berkesan. Antaranya adalah alat selam gas campuran (MGBA) jenis Carleton, alat komunikasi bawah air jenama SAFARE model Erus 2, Divers Sonar System Hand Held Sonar jenama EDO WESTERN Model 384A dan Pemampat Udara jenama Bauer.

SPP Ke 26 berkemampuan mengesan jenis periuk api dasar dan berupaya menyapu jenis periuk api lampung. Hull SPP Ke 26 diperbuat daripada Glass Reinforce Plastic (GRP) dan jangka hayatnya mampu bertahan sehingga 25 ke 30 tahun sekiranya disenggarakan dengan baik.

Pembangunan Peperangan Periuk Api hendaklah sentiasa dititikberatkan agar TLDM terus menerajui bidang Peperangan Periuk Api di rantau ini dalam menuju ke arah "World Class" .. S

Panjang	: 51 meter
Lebar	: 9.56 meter
Sesaran	: 610 ton
Perjawatan	: 5 x Pegawai dan 37 x LLP
Kelajuan	: 12 knot (ekonomi) 16 knot (maksimum)
Jangkauan	: 2,000 batu nautika
Persenjataan	: 1 x 40/70 mm
Mine Disposal Vehicle	: 2 x PAP 104 (MAHAMIRU, JERAI, LEDANG) 2 x OLISTER (KINABALU)
Propulsion Main	: 2 x MTU Diesel Engines Associate with 2 x CPP KaMeWa System
Auxiliary	: 2 x Riva Calzoni Thrusters 2 x Hydraulic Power Unit
Janakuasa	: 2 x MTU Generating Plant 2 x MTU Minehunting Generating Plant

KD KINABALU





Aidil Adha Celebration (1424 Hijrah) In Cherbourg

By: **Cdr Abdul Rahman Ayob RMN, RMSFPT**

Aidil Adha for year 1424 Hijrah was celebrated on 1st February in a quiet but cheerful mood by the Malaysian community in Cherbourg. In conjunction with the celebration, a reception co-hosted by Her Excellency Tunku Datuk Nazihah bt Tunku Mohd Rus, the Ambassador of Malaysia to France, and the Head of Project of the Royal Malaysian Navy Submarine Force Project Team (RMNSFPT), First



Sweet aroma of satay in winter - Too many 'experts' volunteered to grill it

Admiral Dato' Kamal bin Darus was held for the local community on the same day. The proposal to host the event came from Her Excellency the

information, the Chilean Navy Project team has been in DCN Cherbourg to oversee the construction of their Scorpene submarines since late 90s while the Pakistani Navy delegation is here for their AGOSTA 90B submarines post construction program with DCN. The reception was also graced with the presence of a number of Cherbourg-Octeville Muslims and Mosque Committee members who arrived a little late at the reception due to the 'Korban' event they had to perform out earlier.

Despite the chilly weather and a relatively small reception hall at the house, the occasion went well. The guests were received with the usual 'Malaysian' hospitality. During the reception, the guests were treated with a variety of Malaysian delicacies such as *satay*, *rendang*, *kuah lodeh*, *mee rebus* and *pulut kuning* only to name a few. Her Excellency the Ambassador herself who is known for her exquisite culinary skills prepared some of the food such as the *rendang*, *mee rebus* and *pulut kuning* while the rest of the food by the RMNSFPT members and families.

In Cherbourg the preparation for the event started a few days earlier, with the delegation of tasks in preparing the many cuisines. Generally, most of the RMNSFPT members and families were not used to preparing cuisines in large scale. However, this great feat was all taken in a stride. All the RMNSFPT members and families worked hard together and the resultant was definitely a joint effort of many.

The *satay* was a dish that as it is delicious is also tedious to prepare. The scene where the many kgs of meat were cut the



"Spicy but nice" - First Admiral Dato' Kamal serving the guests.

Excellency once again went down to the 'field' to put her last few touches on the already delicious food. The commitment of Her Excellency the Ambassador to the success of the reception further boosted the team's enthusiasm.

The invitations for the event had to be kept to a minimum due to constraints such as size of the site and of course financial. Nevertheless the event was seen as a good opportunity to introduce the traditional Malaysian cuisines and the celebrations of our many festivals. It was also hoped to be a starting point to making the presence of the Malaysian project team known by the community in Cherbourg.

Principally, the RMNSFPT are based here to oversee the construction of the Malaysian submarines at the DCN Shipyard in Cherbourg. The team consist of nineteen personnel and their families and is headed by First Admiral Dato' Kamal. The first group of family came in March 2003 and the rest came in batches a few weeks later. By and large most of the team members have settled in fairly well and being a small unit here, team spirit is strong among us. The challenge here is not only to oversee the successful implementation of the Malaysian Submarine project but also to adapt and raise the children of the team and ensure the best education possible, here in this foreign land. As no international school is available in Cherbourg, the language barrier was great and many efforts were made to minimize the barrier.

As we expect to be in Cherbourg for a rather lengthy period, it is the team's hope and aspiration to cultivate great relationships in Cherbourg specifically and France generally as well as to further enhance the good name of our beloved country, Malaysia. The RMNSFPT members and families also would like to welcome any Malaysian who plans to visit us in Cherbourg. Anyone wishing to do so may contact us at the following. **S**



**Royal Malaysian Navy Submarine, Force Project Team (RMNSFPT)
DCN Cherbourg (Code 2699), BP 440 - Place Bruat
50104 CHERBOURG OCTEVILLE, Cedex, France
Tel : 02 33 95 88 70**

Ambassador. It was to be the first event involving the local community organised by the RMNSFPT.

The reception, aimed at bridging the gap between Malaysian community and the local population as well as fostering relationship among them was held at the house of RMNSFPT Head of Policy and Administration Unit's, Capt Mohammad Rosland bin Omar RMN, in Tourlaville. Approximately 150 people attended the reception including the management of the DCN Cherbourg Shipyard and the Chilean Navy as well as the Pakistani Navy delegation in Cherbourg. For

night before the reception was a big '*kenduri*' in itself. On the day of Aidiladha came the last step of the preparation of the *satay*, which was of course barbecuing it. The wintry weather did not make this task any easier. Nevertheless the RMNSFPT members tasked for the job smiled and were merry in the chilly wind fanning the coal while our guests looked in amazement. Perhaps the *satay* was made more delicious knowing the effort that went into it. The amount of cuisines brought in from Paris by Her Excellency the Ambassador was also a sight to behold. After the Aidiladha prayers, Her

Karnival Sukan Malaysia 2004 di Paris -PPAKS TLDM Juara

Oleh: **BM KNA Nik Abdul Rahman bin Tuan Yaakub, PPAKS TLDM**

Penglibatan sesebuah organisasi di dalam aktiviti sukan pada dasarnya bukan sekadar untuk mencungkil bakat para atlet yang berpotensi untuk diketengahkan ke peringkat yang lebih tinggi. Sebaliknya, ianya menjadi medan untuk menguji kecergasan fizikal serta memupuk semangat kesukanan di kalangan anggota. Pada masa yang sama, pendekatan melalui pembabitan tersebut juga turut menyumbang potensi dalam usaha merapatkan hubungan di antara organisasi tersebut dengan pihak lain.

Sehubungan itu, Pasukan Projek Angkatan Kapal Selam (PPAKS) TLDM telah mengorak langkah pragmatik dengan turut serta mengambil bahagian di dalam Karnival Sukan Malaysia 2004 anjuran Kedutaan Besar Malaysia di Paris, Perancis. Karnival ini telah diadakan pada 5 dan 6 Mac 2004 bertujuan untuk memupuk semangat kesukanan serta merapatkan hubungan silaturrahim di kalangan rakyat Malaysia yang bermastautin di Perancis. Sebuah piala pusingan atau *Challenger Trophy* sumbangan TYT Duta Besar Malaysia ke Perancis, Tuanku Datuk Nazihah bte Tuanku Mohamad Rus turut disediakan untuk pasukan yang menjuarai karnival ini.

Karnival selama 2 hari ini menyaksikan 7 acara sukan telah dipertandingkan merangkumi badminton, karom, dart, congkak (untuk kanak-kanak), tenis meja, bowling dan *scrabble*. Manakala pasukan-pasukan yang mengambil bahagian ialah *Home Base Staff (HBS)*, *Locally Recruited Staff (LRS)*, *Malaysian Association in France (MAF)* dan Kementerian Pertahanan yang dianggotai sepenuhnya oleh PPAKS TLDM dan semua anggota ATM yang berada di Perancis.



Kepten Rosland menerima trofi kejuaraan dari TYT Duta Besar Malaysia

Walaupun menerima saingan sengit di dalam acara badminton dan bowling, PPAKS TLDM telah berjaya meraih gelaran juara keseluruhan dan berjaya membawa pulang Piala Pusingan bagi Karnival Sukan Malaysia yang diadakan buat julung kalinya ini. Syabas kepada semua yang mengambil bahagian. **S**

Krew TV3 Kunjungi PPAKS TLDM

Menjalani Kehidupan di negara empat musim – dengan kembang mekar di musim semi, melihat pepohon rontok di musim luruh serta berbalut kedinginan di musim salji pasti menjanjikan suatu pengalaman unik. Apatah lagi, ianya ditempuh bersama oleh suatu komuniti kecil yang memikul tanggungjawab besar memantau perkembangan perolehan aset pertahanan yang amat bernilai untuk negara – kapal selam *Scorpene*.

Keunikan tersebut telah menggamit personaliti TV3, Azizah Ariffin untuk menyorot kehidupan seharian warga PPAKS TLDM di Cherbourg, Perancis. Azizah, yang dalam rangka menyiapkan tugas berkaitan dunia fesyen di Kota Paris, berkesempatan berkunjung ke Cherbourg pada 13 Mac 2004. Turut bersama beliau ialah Pengarah Rekreasi dan Keluarga Sri Pentas, Tuan Zahiah Arifah Bte Tuan Yusof berserta dua krew dan jurugambar.

Kunjungan sehari tersebut, walaupun secara mengejut, telah mencoret kenangan manis kepada warga PPAKS serta keluarga di Cherbourg. Peluang sebegini digunakan sepenuhnya oleh warga PPAKS TLDM dan keluarga untuk mengenali selebriti TV3 dengan lebih dekat lagi. Sempat juga kami menyaksikan sendiri serba sedikit selok belok penggambaran yang nampaknya mudah di kaca tv tetapi sebenarnya cukup rumit dan memakan masa. Begitu juga bagi krew TV3, kehadiran mereka di Cherbourg telah membolehkan mereka memahami tujuan dan tugas kami berada di sini serta susah-senang kehidupan dan cabaran yang kami alami di perantauan.

Terima kasih juga diucapkan khasnya kepada TYT Duta Besar Malaysia ke Perancis dan kepada semua pihak yang bertanggungjawab menguruskan kedatangan krew TV 3 ke Cherbourg tempohari. **S**



Dah siap sedia untuk disiarkan... "Kami warga PPAKS TLDM mengucapkan Selamat Hari...!"

KOMANDAN PALAPES UNIVERSITI MALAYA



Oleh: Lt Rosdi bin Mohamad TLDM, PR MTL



Naib Canselor Universiti Malaya, Kepten Dato' Profesor Dr Hashim Yaacob PSSTLDM, 55 adalah Komandan Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) Universiti Malaya (UM) dan beliau tidak asing lagi dalam dunia pendidikan global. Beliau adalah pegawai Pasukan Simpanan Sukarela TLDM (PSSTLDM) yang pertama dilantik sebagai Komandan PALAPES UM berpangkat Kepten TLDM. Ini menjadi kebanggaan seluruh warga PSSTLDM khususnya dan TLDM amnya, kerana minat yang ditunjukkan oleh kalangan ahli akademik dan intelek untuk menyertai pasukan simpanan semakin meningkat saban hari. Anak jati Kelantan yang dilahirkan pada 12 Mei, mula menyertai PSSTLDM bermula 1 Jun 1990.

Kehadirannya dalam PPSTLDM dan juga selaku tonggak utama PALAPES UM telah berjaya membakar semangat sebahagian besar penuntut universiti dan warga pasukan simpanan. Ini kerana komitmen dan kesungguhannya dalam semua aktiviti yang berkaitan dengan PALAPES Laut tidak pernah disorokkan dari pandangan umum. Hakikat ini dibuktikan beliau apabila buat pertama kalinya, sebagai Naib Canselor universiti terunggul di Malaysia, telah mengenakan Pakaian Istiadat Nombor 1 TLDM semasa Istiadat Konvokesyen Universiti Malaya baru-baru ini.

Dr Hashim mempunyai pendirian tersendiri tentang pasukan simpanan dan PALAPES. Menurut beliau, "Menggunakan Pakaian Istiadat TLDM semasa konvokesyen ialah cara saya mempromosi dan melahirkan kesedaran kepada ibu bapa. Kesedaran golongan intelek dan ibu bapa pelajar akan lahir dengan pelbagai pertanyaan seperti, **Baju apa yang dia pakai tu?** Hakikat kurangnya pendedahan dan keprihatinan masyarakat secara umumnya kepada peranan penting yang dimainkan oleh warga ATM perlu ditangani secara serius dan

dimulakan tahun ini dan percaya ia akan menjadi pemangkin kearah penyertaan lebih ramai lagi muda-mudi dalam pasukan-pasukan simpanan ATM. Secara tidak langsung juga PKN dapat melatih remaja untuk berdikari, bekerjasama dan bertanggungjawab terhadap negara sendiri.

Sebagai Komandan PALAPES UM yang cintakan pasukan simpanan, pelbagai aktiviti dan insentif ditawarkan untuk menarik minat staf dan penuntutnya. Ujarnya "Dalam kebanyakan majlis di UM, persembahan aktiviti PALAPES seperti pertunjukan kawat pasti akan diadakan". Cara ini diharap dapat menimbulkan minat dan kesedaran di kalangan staf dan pelajar lain untuk menyertai PALAPES dan pasukan simpanan sesuai dengan sasaran nisbah 1:3 untuk anggota simpanan.

Beliau juga menyanjung tinggi kredibiliti pucuk pimpinan TLDM yang sentiasa membangunkan TLDM ke arah **'Quality Navy'** yang bertaraf dunia. Beliau cukup berbangga dengan pencapaian TLDM kini ditambah pula kehadiran aset moden yang canggih. Aset baginya adalah sesuatu yang amat bernilai dan harus disusuli



Majlis Konvokesyen



Makan Beradat sempena Pertaualihan Pegawai Muda PALAPES UM - 2003



Kebanggaan TLDM

bijaksana oleh kerajaan, menurut beliau lagi. Tindakan Dr Hashim ini adalah antara usaha beliau dalam menarik minat golongan intelek, pelajar dan ibu bapa untuk sama-sama menyumbang dan membantu Angkatan Tentera Malaysia (ATM) memelihara kedaulatan negara.

Di samping itu, Dr Hashim juga melahirkan pandangan yang jujur tentang peranan dan tanggungjawab pasukan simpanan khususnya PSSTLDM. "Pihak tertentu perlu mengambil langkah bijak dan drastik untuk menjadikan pasukan simpanan terus cemerlang" katanya lagi. PSSTLDM juga perlu diberikan keistimewaan tertentu untuk menarik minat rakyat menyertainya dan berbangga dengan gelaran PSSTLDM. Tambah beliau, **satu undang-undang khusus perlu diwujudkan bagi mewajibkan majikan melepaskan pekerja mereka untuk menghadiri latihan pasukan simpanan.** Beliau merasa gembira dengan Program Khidmat Negara (PKN) yang

dengan sumber manusia yang terlatih. Anggota pasukan simpanan juga adalah aset bernilai yang akan membantukan angkatan tetap dalam apa jua situasi. **"Pendedahan teknologi terkini kepada anggota PSSTLDM wajar bagi membantu angkatan tetap"** ujarnya.

Justeru, beliau sangat berharap agar sebarang latihan yang dirancang dan dilaksanakan oleh pasukan tetap dapat juga disertai oleh sekurang-kurangnya seorang anggota PSSTLDM. Melalui kaedah ini, anggota PSSTLDM dapat didedahkan secara langsung dengan teknologi yang ada selain berkeupayaan untuk mengendalikan pelbagai aset terkini TLDM apabila keadaan memerlukan.

Kepten Dato' Profesor Dr Hashim selanjutnya menegaskan bahawa beliau akan terus menyokong semua aktiviti PALAPES UM khasnya dan PSSTLDM amnya serta berharap dapat menarik lebih ramai penuntut mengambil bahagian dimasa hadapan. **S**

PALAPES LAUT UNIVERSITI MALAYA

Oleh: Lt Muda Zawati binti Mat Disa PSSTLDM BA Linguistic (UM)

Universiti Malaya (UM) adalah universiti pertama di Negara kita yang menubuhkan Pasukan Simpanan Sukarela. Ianya ditubuhkan semasa ancaman konfrontasi dari Indonesia. Tenaga pengajar dan staf UM telah mengambil inisiatif menubuhkan Pasukan Simpanan Sukarela Tentera Darat. Pasukan ini juga telah dipimpin oleh pegawai-pegawai UM sendiri.

Bermula 15 September tahun 2000, seramai 45 pelajar telah dipilih sebagai perintis menyertai Pasukan Latihan Pegawai Simpanan Tentera Laut Diraja Malaysia (PALAPES LAUT). Idea penubuhan PALAPES LAUT di UM telah diilhamkan oleh Naib Canselor ketika itu iaitu Kepten (Kehormat) Profesor Dato' Dr. Anuar Zaini bin Md Zain PSSTLDM.

Kini, PALAPES LAUT terus bergerak maju di bawah naungan dan bimbingan Naib Canselor, Kepten Dato Dr Hashim Yaakob PSSTLDM yang juga menjawat tugas sebagai Komandan PALAPES UM. Organisasi



Naib Canselor UM menerima tabik hormat sebelum istiadat Konvokesyen

sehingga tamat pengajian mereka. Mereka juga diberi keistimewaan untuk ditempatkan di mana-mana unit TLDM yang berkaitan dengan bidang pengajiannya, bagi menjalani Latihan Industri (LI). Penginapan, sajian serta gaji penuh, mengikut pangkat semasa, turut diberikan sepanjang tempoh LI tersebut.

Sepanjang menyertai PALAPES LAUT, pelajar-pelajar didedahkan dengan siri dan program latihan yang menarik. Antara latihan yang dijalani adalah latihan tempatan dan latihan tahunan yang menggabungkan 5 IPTA lain yang turut menawarkan PALAPES LAUT sebagai cabang matapelajaran Ko-Kurikulumnya.

Latihan yang didedahkan kepada pelajar-pelajar ini adalah latihan di dalam bidang Navigasi, Ilmu Kelautan, Ilmu Persenjaan, Istiadat dan Tradisi TLDM, Mengawal Kerosakan Kapal dan Melawan Kebakaran (*Damage Control and Fire Fighting (DCFF)* dan *Nuclear Biological Chemical Defence (NBCD)*). Selain itu pelajar juga berpeluang menjalani latihan di atas kapal serta unit-unit latihan TLDM seperti Penyelaku Anjungan (*Bridge Simulator*), Penyelaku Mengawal Kerosakan (*Damage Control Training Unit, DCTU*) dan Pusat Selam TLDM.

Latihan-latihan yang dijalankan memberikan pendedahan yang meluas berkenaan tugas dan peranan TLDM. Selain ia turut memberikan penekanan kepada aspek membina ketahanan mental dan fizikal pelajar. Hanya pelajar yang memiliki semangat juang dan komitmen yang tinggi dapat mengharungi dan menamatkan program latihan tersebut sehinggalah ditauliahkan.

Beberapa perancangan dan strategi telah disusun bagi meningkatkan lagi prestasi organisasi ini. PALAPES LAUT UM bakal ditempatkan di bangunan khas yang dilengkapi dengan segala kemudahan dan kelengkapan latihan termasuk kelengkapan multimedia bagi menjadikan latihan di bilik kuliah lebih menarik.

Segala perancangan dan strategi yang bakal dilaksanakan ini kelak akan menjamin kecemerlangan prestasi PALAPES LAUT UM sebagai sebuah organisasi yang sentiasa menghasilkan pegawai-pegawai simpanan yang berkaliber dan berkualiti sebagai aset

pertahanan negara. Dari sudut lain pula, secara tidak langsung PALAPES LAUT juga bersama-sama IPTA menjalankan tanggungjawab mendidik para graduan bukan sahaja dari segi akademik malahan dari segi ketahanan mental dan fizikal, sebagai persediaan untuk mengisi keperluan sumber manusia berkualiti untuk negara. **S**

Akibat banjir tidak terkawal... Terpaksa bergantung nasib dengan Life Raft!



Latihan mengawal kebocoran di simulator DCFF KD PELANDOK

pemerintahan PALAPES LAUT UM terdiri daripada anggota tetap TLDM dan anggota Pasukan Simpanan Sukarela TLDM (PSSTLDM). Organisasi ini dipimpin oleh Naib Canselor selaku Komandan PALAPES dan TLDM pula menyediakan seorang pegawai berpangkat Leftenan Komander selaku Ketua Jurulatih. Beliau dibantu oleh pegawai-pegawai simpanan dan anggota tetap TLDM selaku jurulatih.

Pengambilan Pegawai Kadet (PK) PALAPES LAUT dilakukan setiap tahun dengan jumlah seramai 30 PK setiap pengambilan. Jumlah keanggotaan masa kini adalah seramai 30 PK dan 35 PKK (Pegawai Kadet Kanan).

Pelbagai keistimewaan diberikan kepada pelajar yang menyertai pasukan PALAPES sebagai aktiviti Ko-kurikulum mereka. Pelajar yang menyertai PALAPES diberikan kemudahan penginapan di kolej kediaman khas iaitu di Kolej Kediaman Ke 5. Sebagai anggota PALAPES, mereka diperuntukkan dengan pakaian, elaun latihan, penginapan dan sajian sepanjang menjalani latihan.

Setelah menamatkan latihan selama 3 tahun dan ditauliahkan sebagai pegawai sukarela berpangkat Leftenan Muda PSSTLDM, para pegawai muda ini terus mendapat kemudahan penginapan di Wisma PALAPES

Dalam isu yang lepas kita telah membincangkan pengurusan dan keberkesanan bantuan logistik bersepadu yang harus bermula dari diri kita sendiri. Setiap warga TLDM mempunyai tanggungjawab dan peranan masing-masing dalam memastikan ILS dilaksanakan secara berkesan. Selaku tonggak pertahanan negara, isu asas ini perlu dititik berat oleh semua warga TLDM bagi membolehkan TLDM meningkatkan tahap kesiapsiagaan armadanya agar dapat memastikan keselamatan perairan negara. Kesiapsiagaan bergantung kepada kebolehsenggaraan peralatan yang diselenggarakan oleh TLDM.



PENGURUSAN ILS MELALUI SISTEM TEKNOLOGI MAKLUMAT

Oleh: **Kdr Mohd Nazri bin Ahmad TLDM**

Pelaksanaan Bantuan Logistik sepanjang hayat bagi sistem dan peralatan TLDM menjadi semakin kompleks dan memerlukan perancangan yang awal dan efektif. Sistem dan peralatan TLDM semakin canggih dan keanggotaan pula perlu dikurangkan melalui pelaksanaan automasi. Hasilnya konsep *smart manning* telah diterapkan dalam organisasi TLDM bagi mengimbangi kekurangan anggota yang akan mengoperasi dan menyelenggarakan peralatan yang kompleks ini. Latihan bagi warga TLDM menjurus ke arah menyediakan kebolehan *multi skill* bagi mencapai hasrat ini. Bagi sistem yang bergantung kepada *mission-critical* ini, keperluan operasi dan senggaraan perlu dicapai seiring dengan memaksimumkan kesiapsiagaan operasi, mengurangkan kos bantuan logistik dan mengekalkan tahap operasi yang selamat.

Dalam konteks ini, selain mengoptimalkan potensi perkembangan teknologi, TLDM telah mengorak langkah dengan melaksanakan pembangunan rangkaian infrastruktur teknologi maklumat baik untuk operasi mahupun pentadbiran. Fasa 2A dan 2B bagi sistem TLDMNet telah beroperasi manakala aplikasi perdana dalam fasa 2C akan dilancarkan apabila peruntukan diperolehi.

Dalam isu ini kita akan membincangkan mengenai keperluan automasi bantuan logistik bersepadu bagi memastikan pengurusan bantuan sepanjang hayat sistem dan peralatan TLDM dilaksanakan dengan berkesan.

Keperluan Sistem Teknologi Maklumat

Bantuan pengkomputeran adalah salah satu elemen dalam ILS. Pada amnya ia didefinisikan sebagai pengenalan, perolehan dan pengurusan sesuatu perkakasan, perisian, dokumentasi dan sumber-sumber komputer yang lain yang diperlukan untuk memproses data atau bantuan komputer kepada pengendalian, penyenggaraan, pembekalan, latihan dan keperluan pentadbiran untuk sesuatu peralatan.

Pengurusan sistem teknologi maklumat adalah penting bagi mengurus bantuan dan senggaraan sepanjang hayat keseluruhan sistem dan peralatan TLDM. Ianya perlu dirangkai kepada keseluruhan markas dan unit-unit TLDM. Setiap unit dan formasi akan dibekalkan dengan stesen kerja yang berupaya untuk mencapai sistem maklumat pengurusan logistik atau *Logistic Management System*.

Unit operasi mewakili unit di bawah kategori *mission critical* yang perlu dibantu seperti kapal selam, helikopter, kapal perang dan bot-bot kecil. Manakala unit bantuan merangkumi semua pangkalan, depot dan juga unit

Upacara "Keel Laying" Kapal Selam Scorpene TLDM



bantuan senggaraan pada lokasi yang tetap. Pada amnya unit tetap akan disambung dengan sistem pengurusan logistik dan berkeupayaan untuk berkongsi maklumat dan berkomunikasi antara satu sama lain. Dengan menggunakan sistem satelit, kapal-kapal juga boleh memuaturunkan informasi yang diperlukan dari stesen kerja tetap di pangkalan. Data-data ini dikemaskini di kapal dan diselaraskan semula setelah kembali dari misi atau operasi. Sebagai contoh bagi sistem ini adalah sistem MIS/SMIS yang sedang dibangunkan oleh PSC-ND untuk Kapal PV.

Pendekatan Teknologi

Sistem Pengurusan Logistik yang sedang dibangunkan adalah sistem *Commercial Off-The-Shelf* yang mana perisian dan perkakasannya boleh diubahsuai mengikut keperluan pengguna berdasarkan aplikasi yang diperlukan. Infrastruktur komputer adalah berdasarkan *State Of The Art* dan teknologi semasa.

Unsur Bantuan Pengkomputeran Untuk ILS

Unsur bantuan pengkomputeran untuk ILS meliputi dua bidang tanggungjawab. Bidang-bidang tersebut adalah:

• Melaksanakan proses-proses ILS termasuk:

Sistem pengendalian data ILS yang efektif dan efisien yang membekalkan pengurusan maklumat yang efisien dan tepat pada waktunya.

Aplikasi memodelkan bantuan logistik seperti Pengkoston Kitar Hayat (LCC). Analisa Aras Pembaikan (LORA), Kesan Mod Kegagalan dan Analisa Kritikal (FMECA) dan Senggaraan Berpusatkan Senggaraan (RCM); serta

Pengurusan dan Laporan Analisis Bantuan Logistik (LSAR) dan penjaan Ringkasan Laporan.

• Isu bantuan logistik yang berkaitan dengan senggaraan komputer dan perisian di dalamnya:

Sistem peralatan baru samada keupayaan terbenam (embedded) atau di dalam disket.

Peralatan ujian dan latihan, penyelaku atau stesyen ujian automatik.

Sistem pengkomputeran pembangunan projek; atau

Sebarang sistem pembangunan perisian yang diperlukan.

NGPV dalam pembinaan



Pengurusan data laporan Analisis Bantuan Logistik (LSAR) dan penjaan Ringkasan Laporan.

CIRI-CIRI ASAS

Ciri-ciri asas aplikasi yang perlu ada dalam pembangunan sistem pengurusan logistik adalah seperti berikut:

- Pengurusan Konfigurasi
- Dokumentasi
- Pengurusan Senggaraan
- Pengurusan Inventori
- Pengurusan latihan dan Sumber Manusia
- Pengumpulan Data Operasi
- Carta Aliran Kerja secara automasi
- Keupayaan untuk di *antaramuka* dengan sistem lain.

Bagi memastikan keberkesanan sistem pengurusan logistik, setiap aplikasi ini perlu diintegrasikan antara satu sama lain dengan memberikan keutamaan yang sama.

Setiap aplikasi yang perlu ada ini, akan dibincangkan dalam isu yang akan datang. **S**



Pesawat Fennec baru tiba



Nostalgia 'SI PENYENGAT'

Oleh: PW II KNA Kamal Abdul Muid, PR MTL



Kehadirannya sering digeruni. Keupayaannya mengesan pasti membuat pihak musuh tidak lama di persembunyian. Begitulah hebatnya 'si penyengat' helikopter Westland WASP Anti-Submarine MK 1 (WASP HAS MK 1) milik Cawangan Udara Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), KD RAJAWALI. Walaupun tidak lagi berlegar-legar di ruang udara, helikopter WASP masih mampu menarik perhatian ramai apabila dipamerkan di beberapa buah muzium di seluruh negara.

Mengimbas kembali sejarah pengoperasian WASP, sejak April 1988 TLDM telah memulakan gerak langkah dalam bidang *Naval Aviation* apabila Cawangan Udara TLDM ditubuhkan dengan pembelian 6 buah helikopter terpakai jenis WASP HAS MK 1 beserta alat ganti dari Tentera Laut Diraja British. Perolehan pesawat tersebut telah menjadi *force multiplier* dan membuka lembaran baru kepada keupayaan TLDM dalam dimensi peperangan maritim. Seterusnya, pada 11 Mei 1990, Stesen Udara pertama TLDM KD RAJAWALI ditubuhkan oleh Panglima Tentera Laut ketika itu, Laksamana

Madya Tan Sri Abdul Wahab bin Hj Nawli. Pada awal penubuhannya, banyak pihak meragui kemampuan warga TLDM mengendali dan menyelenggara pasukan udaranya sendiri.

Pembelian dan pengoperasian pesawat WASP adalah satu langkah strategik jangka panjang TLDM kerana bermula dari situ Cawangan Udara TLDM dapat mempelajari serta mendalami pelbagai aspek pengoperasian helikopter dalam senario peperangan maritim termasuk khidmat sokongan logistik. Pengalaman operasi ini tidak hanya terhad kepada warga KD RAJAWALI sahaja bahkan turut dikongsi bersama oleh Armada TLDM.

Dengan kehadiran pesawat WASP ini, TLDM telah dapat melatih juruterbang dan tim kejuruteraan udaranya untuk melaksanakan pelbagai tugas operasi maritim bersama armada kapal-kapal TLDM.

WASP mampu melaksanakan tugas seperti *surface surveillance*, *over the horizon targeting*, *load lifting* dan *personnel transport*. Sepanjang perkhidmatan dalam TLDM, WASP telah melaksanakan banyak penerbangan ehsan dari Lumut ke Ipoh dan Kuala Lumpur. Helikopter ini juga telah diberi tanggungjawab untuk melaksanakan pelbagai tugas seperti berikut:

- Sebagai pelantar senjata untuk peperangan anti kapal selam.
- Pengawasan permukaan di waktu siang dan malam.
- Mencari dan menyelamatkan (search and rescue).

Evolusi pemindahan logistik antara kapal



- d. Pemindahan *medevac* dan *casevac* antara kapal di laut dan daratan.
- e. Membantu pengumpulan maklumat perisikan bagi keperluan armada.
- f. Pemindahan anggota melalui '*vertrep*' (vertical replenishment) antara kapal di laut atau daratan.
- g. Pendaratan geladak dengan kapal.
- h. Penerbangan formasi.
- i. Membawa penerjun bebas dan *sniper*.
- j. Latihan *spie rig* dengan PASKAL.

Semasa melaksanakan sesuatu operasi atau latihan, WASP ditempatkan di kapal-kapal TLDM untuk jangka waktu tertentu. Ia dioperasikan oleh dua juruterbang dan tujuh teknisyen. Helikopter jenis ringan ini dilengkapi dengan satu enjin serta peralatan radio UHF dan VHF untuk berkomunikasi dengan pangkalan atau kapal. Pesawat ini juga telah dilengkapi dengan peralatan navigasi iaitu *global positioning system* (GPS) untuk memudahkan pandu arah pesawat.

Walaupun helikopter WASP mempunyai kemampuan dan jangkamasa penerbangan yang terhad, helikopter ini telah memberi khidmat yang terbaik kepada TLDM. Sepanjang tempoh 13 tahun pengoperasiannya, ia telah berjaya mencatat lebih 10,000 jam penerbangan dan lebih 5000 kali pendaratan di geladak kapal (*deck landing*) pada waktu siang dan malam serta melaksanakan latihan untuk juruterbang dan jurutekniknya sendiri.

Pesawat WASP juga telah mengekalkan rekod keselamatan penerbangan yang cemerlang dan memenuhi semua penugasan yang dipertanggungjawabkan dengan jayanya tanpa sebarang kecelakaan (*zero-accident*). Namun begitu, perkhidmatannya terpaksa ditamatkan kerana kos penyelenggaraan yang semakin tinggi serta kesukaran mendapatkan bekalan alat ganti. Pelucutan tauliah pesawat ini telah dilakukan di KD RAJAWALI pada 21 Disember 2001 oleh Panglima Tentera Laut ketika itu iaitu Laksamana Tan Sri Abu Bakar bin Abdul Jamal. Bersesuaian dengan pemodenan ATM, TLDM seterusnya telah memperolehi helikopter yang serba canggih iaitu Super Lynx yang dibina oleh GKN Westland Helicopters Limited, UK dimana kemampuan dan kecanggihan helikopter ini begitu terserlah semasa Eksesais Kerismas 24/04. Sementara itu, pada 28 Mac 2004 TLDM telah menerima empat helikopter **AS 555 SN FENNEC** dari jumlah enam yang dibeli dari Perancis. Pesawat akan menjalani pemasangan semula di KD RAJAWALI yang akan dilakukan oleh pegawai dan staf kejuruteraan KD RAJAWALI sendiri. Kedua-dua jenis helikopter ini akan dioperasikan sepenuhnya menjelang akhir tahun 2004.

Selain Malaysia, negara-negara lain yang pernah mengoperasikan pesawat WASP ialah United Kingdom, New Zealand dan Indonesia. Walaupun WASP tidak lagi beroperasi, tetapi perkhidmatan helikopter ini telah menyediakan laluan yang bermakna dalam operasi udara maritim kepada Cawangan Udara TLDM khasnya dan TLDM amnya. Kini, 6 buah helikopter berkenaan telah diserahkan kepada muzium dan institusi pengajian tinggi iaitu Muzium Maritim Melaka, Muzium TUDM Sg. Besi, Muzium Negeri Pahang, Universiti Sains Malaysia, Tronoh, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai dan yang terakhir akan diabadikan di Istana Alam Shah, Klang. Penyerahan WASP kepada pihak muzium membolehkan pihak berkenaan memberi pendedahan kepada orang ramai tentang sejarah serta sumbangan pesawat WASP milik TLDM ini kepada negara. **S**



Perintis dunia aviation TLDM

Nama	: Westland WASP HAS MK1
Jenis	: Helikopter 1 Enjin
Tugas	: Anti Kapal Selam/Pelbagai Guna
Jumlah Krew	: Bergantung Kepada Tugas
Tarikh Dibuat	: 6 Disember 1969
Jumlah Tempat Duduk	: 5
Jentera Utama	: Nimbus Mk 10301
Kapasiti Minyak	: 650 Liter
Jumlah Blade/Kipas Utama	: 4
Jenis Kawalan	: Fully Articulated Mechanical Linkage Hydraulic Powered Assisted With Manual Reversion
Hala Pusingan	: Melawan Pusingan Jam
Jumlah Blade /Kipas Belakang	: 2
Jenis Kawalan	: Semi Articulated Cable And Screwjack
Halapusingan	: Mengikut Pusingan Jam
Alat Pendaratan	: Fixed Undercarriage 4 Tayar Dilengkapi Alat Penyerap Hentakan.
Radio	: UHF/VHF-ARC 182, UHF-ARI 23057, STR 40 Radar Altimeter-ARI 23113/3, X-Band Transponder-ARI 5954, Intercom-ARI 18012, Hand Held Warning Receiver-ARI 23241/1 IFF PTR446-ARI 3970.
Akronim	: WASP - Westland Anti Submarine HAS - Helikopter Anti Submarine

5000 kali pendaratan di geladak kapal tanpa kemalangan





Ilmu Pelayaran

Bahagian 2

Oleh: Lt Mohamad Hamdan bin Mohd Shamsuddin TLOM

Sesi kali ini akan mendedahkan Teori Pelayaran (Arah Pelayaran) untuk pengetahuan anda yang ingin menceburkan diri di dalam aktiviti sukan riadah ini.

Bagaimana Memulakannya?

Belayar bersama dengan pelayar yang mahir merupakan satu langkah terbaik di mana anda boleh memerhatikan apa yang perlu dilakukan mengikut keadaan angin, arus dan gelombang yang sentiasa berubah.

Jurulatih akan sentiasa memberi peluang kepada pelayar baru untuk mengendalikan bot pada setiap waktu yang sesuai.

Pelayar baru biasanya akan mengalami kesukaran untuk mengemudikan sesebuah bot layar. Ini kerana keadaan tersebut berkait rapat dengan perubahan arah angin. Oleh itu, kaedah menyesuaikan haluan pelayaran mengikut perubahan arah angin adalah pengetahuan yang sangat penting kepada pelayar untuk mengemudikan bot layar.


Belayar melawan arah angin (*winward*) adalah mustahil. Dalam keadaan ini layar berada di tengah-tengah bot bertentangan dengan arah angin dan bot tidak akan bergerak. Ini adalah kerana layar tidak dapat menahan angin untuk mendapatkan tekanan dan seterusnya meluncur ke hadapan.

Bot hanya boleh belayar sekiranya kedudukan bot berada beberapa darjah dari sudut arah angin.


Untuk memulakan pelayaran, haluan bot hendaklah menghala keluar dari arah angin dengan menarik 'tiller extension' dan menarik tali layar dalam keadaan berkadaran. Layar akan menahan angin dan menghasilkan tekanan untuk menggerakkan bot ke hadapan. Angin akan bertiup melalui bahagian hadapan dan belakang layar di mana berlakunya perbezaan tekanan iaitu tekanan tinggi di bahagian hadapan layar (*winward*) dan tekanan rendah di bahagian belakang layar (*leeward*).

Perbezaan tekanan ini akan menyebabkan terhasilnya tenaga untuk mengangkat beban. Dalam konteks ini bentuk layar adalah menyerupai 'hidrofoil' dan juga berbentuk seperti sayap sebuah kapal terbang ataupun 'glider' sekiranya di pandang dari atas.

Dengan keadaan ini, bot layar akan meluncur ke hadapan dan kelajuannya adalah bergantung kepada kelajuan angin dan juga kedudukan arah bot daripada arah angin seperti gambarajah 1.



Gambarajah 1



Gambarajah 2

Istilah pelayaran berpandukan gambarajah 2 di atas adalah seperti berikut:

- 1 Port Tack
- 12 Starboard Tack
- 2 & 11 Close Hauled.

Arah-Arah Pelayaran

Gambarajah ini menerangkan tentang arah-arah pelayaran (*Points of Sailing*). No.1 hingga 6 bot berada dalam kedudukan 'Port Tack' manakala dari No. 7 hingga 12, bot berada di dalam kedudukan 'Starboard Tack'.

Kedudukan bot samada 'Port Tack' ataupun 'Starboard Tack' adalah bergantung kepada kedudukan layar sesebuah bot. Sekiranya layar berada di sebelah 'Port' maka bot tersebut berada dalam kedudukan 'Starboard Tack' begitulah juga sebaliknya apabila layar berada di sebelah 'Starboard' maka bot tersebut berada di dalam kedudukan 'Port Tack'.

Bot berada dalam kedudukan 45° dari arah angin (tak kira dari mana arah angin datang). Kedudukan ini adalah sudut maksima sesebuah bot dari arah angin. Sekiranya sudut bot semakin rapat ke arah angin maka kelajuan yang sepatutnya diperolehi akan menurun disebabkan tekanan pada layar berkurangan.

Sekiranya keadaan ini berterusan (*Luffing-Up or Heading-Up*), berkemungkinan bot akan terhenti atau menukar haluan dan seterusnya berada dalam kedudukan 'tack' yang baru.

3 dan 10 Close Reaching

Bot berada di antara kedudukan 'Close Haul' dan 'Beam Reach'. Keadaan ini menunjukkan arah bot terkeluar sedikit dari arah angin bergantung kepada arah dan tujuan seseorang pelayar.

4 dan 9 Beam Reaching




Bot berada di dalam kedudukan 90° dari arah angin. Pada kedudukan ini kelajuan maksima sesebuah bot akan diperolehi.

5 & 8 Broad Reaching

Kedudukan bot berada melebihi 90° dan tidak melebihi 135° dari arah angin dan angin bertiup dari arah tepi bahagian belakang bot. Sekiranya keadaan ini (*Bearing Away*) berterusan maka bot akan menghala keluar dari arah angin

6 & 7 Running

Angin bertiup dari arah belakang. Dalam kedudukan ini arus, gelombang dan angin (*gust*) memberikan kelebihan kepada pelayar-pelayar untuk meningkatkan kelajuan bot. Bagi bot layar kecil seperti jenis Laser, selain daripada kelebihan laju, bot juga mudah terbalik (*capsize*). Oleh itu, kecekapan mengimbang, mengendalikan tali dan peralatan bot dalam setiap keadaan sangatlah penting. **S**



Kuasa Berlawanan (Rintangan) Dari Keel dan Centreboard

RM350 Billion dan Keselamatan Negara

Oleh: Iskandar Sazlan, Penyelidik Kanan Institut Maritim Malaysia (MIMA)

Istilah harga pasaran yang perlu dibayar oleh negara mengenai keselamatan negara terutamanya di sektor maritim. Ketidaktentuan tahap keselamatan sektor maritim adalah sebahagian dari beberapa senarai isu atau masalah keselamatan negara yang telah sedia ada. Semuanya adalah dari ledakan 11 September yang telah mewujudkan ketidaktentuan keselamatan global.

Malaysia ialah sebuah negara maritim. Sehubungan dengan itu, isu-isu maritim merupakan salah satu dari paksi asas kepada dasar luar dan pertahanan negara.

Tidak ramai yang menyedari isu-isu keselamatan maritim bukan lagi bersifat nasional atau serantau tetapi kini telah menjangkau hingga ke peringkat global. Secara tidak langsung ini merupakan arah aliran yang baru kepada dasar luar dan keselamatan negara.

Apa yang lebih menarik ialah ianya juga berkait terus dengan pertumbuhan ekonomi negara. Semuanya ini adalah kesan dari globalisasi. Sama ada kita suka atau tidak, kita tidak dapat mengelak bahawa apa yang berlaku di lain-lain tempat di muka bumi ini akan memberikan kesan kepada negara.

Contoh yang jelas ialah ledakan 11 September telah menamatkan konsep pasca perang dingin. Apabila Amerika Syarikat mengeluarkan pelbagai syarat yang ketat berkaitan transaksi perdagangan, dunia hanya melihat atau menurutnya sahaja walaupun terdapatnya sedikit bantahan di sana sini. Ini adalah disebabkan dunia masih bergantung kepada perdagangan luar dengan Amerika Syarikat selaku kuasa utama ekonomi dan ketenteraan dunia. Kegagalan mematuhi syarat-syarat ketat yang dikenakan oleh Amerika Syarikat akan menyebabkan sesebuah negara sama ada terpinggir dari perdagangan dunia atau pun menghadapi tekanan ekonomi dan politik. Malahan tindakan oleh Amerika Syarikat ini telah disusuli oleh Kesatuan Eropah yang juga mengenakan tahap keselamatan maritim yang ketat.

Adalah menjadi tanggungjawab sebagai sesebuah negara yang mengamalkan perdagangan luar seperti Malaysia, melihat kembali tuntutan semasa dan perdagangan antarabangsa yang mahukan ciri-ciri keselamatan yang ketat sebelum apa-apa barangan produk luar tiba di mana-mana pelabuhan negara pengimport. Di dalam konteks pasaran bebas dan terbuka, pasaran barangan keluaran mana-mana negara perlu bersaing hebat untuk menembusi mana-

mana negara khususnya untuk pasaran Amerika Syarikat.

Nilai eksport negara pada tahun lepas dianggarkan bernilai RM350 billion dan hampir 90% perdagangan luar Malaysia adalah melalui laut seperti dua sumber utama negara iaitu petroleum/gas dan minyak sawit.

Kini, menjadi tanggungjawab kita untuk menjamin tiadanya apa-apa unsur keganasan ke atas kapal, barangan dibawa bukan untuk pengganas, anak kapal bukan warga pengganas dan juga tahap piawai keselamatan pelabuhan yang tinggi dan diakui oleh dunia. Apa yang membimbangkan ialah kewujudan kumpulan-kumpulan pengganas global dewasa ini telah menjejaskan keharmonian perdagangan bebas dunia yang sedia ada. Kesannya, setiap negara mulai membina prasangka antara satu sama lain, termasuk barangan perlu melalui pemeriksaan ketat sebagai jaminan tiadanya elemen pengganas yang menyeludup masuk ke negara pengimport. Apakah akan berlaku jika barangan negara tidak dapat diekspor dan kesannya kepada keselamatan ekonomi negara?

Secara tidak langsung konteks keselamatan maritim negara sebenarnya telah beralih daripada isu-isu ketenteraan dan ketenteraman di laut kepada isu perdagangan bebas yang selamat. Ini adalah anjakan kepada peringkat atau tahap keselamatan dan ianya tidak lagi berkisar kepada isu tuntutan kepulauan Spratlys, pencerobohan nelayan asing, aktiviti ketenteraan asing di perairan negara atau pun rompakan di laut.

Kita tidak menafikan kepentingan isu-isu tersebut kepada keselamatan maritim dan pertahanan negara tetapi ianya hanya berkisar kepada isu semasa dan tidak memberikan apa-apa impak yang nyata kepada pertumbuhan ekonomi dan jaminan pasaran terbuka untuk barangan negara.

Perubahan perspektif keselamatan dunia hari ini dan juga masa hadapan akan bergantung kepada arah dan tahap keselamatan sektor maritim. Di dalam erti kata yang sebenarnya, sama ada kita sedari atau tidak, kita tidak lagi berbicara mengenai berapa ramai nelayan asing yang berjaya ditangkap, berapa orang perompak di laut diberkas, tetapi kita akan berbicara tentang bagaimana mempertingkatkan ciri-ciri keselamatan barangan Malaysia di pasaran dunia. Pertumbuhan sektor pengeksporan akan menjamin pertumbuhan ekonomi yang merupakan tunjang kepada keselamatan negara. **S**

Latihan penembakan misil TLDM satu pembaziran...?





OBESITI...

ADAKAH BMI CUKUP UNTUK MENILAI FAKTOR RISIKO?

Oleh: Lt Kol Dr Maznorila Mohamad
Nutritionist, Hospital Angkatan Tentera Lumut

SIRI PERTAMA

Kesedaran tentang wujudnya obesiti dalam Angkatan Tentera Malaysia (ATM) telah bermula sejak tahun 1992 lagi apabila ATM mula memperkenalkan indeks massa tubuh atau body mass index (BMI) sebagai indikator kegemukan untuk semua anggotanya (AFMATI Julai 1992). Dalam AFMATI Arahan no 3.32 keluaran Mei 1995 menyebut betapa pengawalan berat badan sebagai isu penting dalam menentukan anggota ATM sentiasa berada dalam keadaan cergas untuk memenuhi kehendak dan kelasakan kerja harian, latihan dan sentiasa bersedia untuk berperang.

Isu obesiti diperangi secara agresif oleh ATM bagi mengelakkan tanggapan negatif masyarakat terhadap organisasi ini. Bagi mempamerkan ketrampilan ATM, semua warganya perlu menunjukkan imej ketenteraan yang mantap lagi meyakinkan rakyat sesuai dengan peranan dan tugas mereka. ATM tidak mampu mempamerkan imej negatif kepada masyarakat umum akibat rupa fizikal anggotanya yang obes.

Selain dari soal ketidakterampilan anggota dan penjagaan imej profesional ATM dalam menangani isu obesiti, kita juga perlu melihat obesiti dari sudut kesihatan, yang juga boleh memberi kesan kepada keupayaan menyeluruh ATM dalam mempertahankan negara. Kajian-kajian epidemiologi menunjukkan ada pelbagai penyakit yang dikaitkan dengan obesiti seperti penyakit koronari jantung, hipertensi, strok, diabetes mellitus type II, gallbladder, kanser, osteoarthritis dan rheumatoid arthritis. Penyakit ini apabila dihidapi boleh mengakibatkan prestasi dan produktiviti pekerja menjadi rendah kerana dibebankan dengan masalah kesihatan mereka.

Selain dari itu, perbelanjaan untuk merawat dan mengawal penyakit berkaitan obesiti perlu diambilkira. WHO (1998) menyatakan bahawa tanggungan ekonomi sesebuah negara terhadap penyakit yang berkaitan dengan obesiti sangatlah besar. Kajian mendapati sekitar 2% hingga 7% dari perbelanjaan keseluruhan penjagaan kesihatan sesebuah negara, secara langsungnya diakibatkan oleh kegemukan yang berlebihan dan/atau obesiti.

Definisi Obesiti

Obesiti didefinisikan sebagai keadaan di mana wujudnya pengumpulan lemak dalam tisu adipos secara berlebihan yang boleh membawa kepada masalah kesihatan. (Garrow, 1988). Masalah kesihatan yang mengancam nyawa seperti penyakit-penyakit kronik yang berkait dengan obesiti adalah terbahagi kepada 4, iaitu (a) Penyakit kardiovaskular termasuklah penyakit jantung koronari, hipertensi dan strok. (b) Keadaan yang berkait dengan rintangan insulin seperti Type II Diabetes Mellitus. (c) Beberapa jenis penyakit kanser, terutamanya yang berkait dengan hormon dan juga kanser usus besar. (d) Penyakit gallbladder.

Perbezaan di antara individu yang obese bukan hanya kepada banyak mana lemak mereka disimpan di badan, tetapi juga di mana lemak itu terkumpul di dalam badan (WHO, 1998).

Method atau kaedah penilaian obesiti

Ada pelbagai kaedah yang dapat digunakan untuk mengukur lemak tubuh dalam pelbagai situasi klinikal dan juga untuk tujuan penyelidikan obesiti. Kaedah-kaedah ini amat berguna dari segi genetik dan persekitaran dalam mengenalpasti penyebab obesiti dan bagaimana tindakbalasnya. Ini kerana keduanya membolehkan kepelbagaian obesiti dan keadaan obesiti yang kompleks itu dapat dibahagikan kepada beberapa komponen yang berbeza.

Oleh yang demikian, ciri-ciri pengukuran obesiti dapat dibahagikan kepada beberapa kaedah seperti pengukuran komposisi tubuh (BMI, timbang berat badan dalam air, sinaran x-ray, bioelektrik impedans, lipatan ketebalan kulit), taburan lemak tubuh (WHR, lilitan pinggang, ultrasound, magnetic resonance imaging, tomografi komputer), pengambilan tenaga (ingatan diet dan soalselidik diet) dan pengeluaran

tenaga (tahap aktiviti fizikal, heart rate monitor, motion detector). (WHO, 1998)

Body Mass Indeks (BMI)

Indeks Quetelet adalah indeks BMI yang paling diterima ramai penyelidik kerana ianya berkorelasi dengan pengukuran ketebalan kulit (Keys et al. 1972 dan Killen et al. 1978) dan juga mempunyai hubungan linear dengan indeks peratusan berat yang diingini (National Diabetes Data Group, 1979). Definisi obesiti dan berat badan berlebihan yang berdasarkan saiz badan (BMI) ini digunakan kerana ianya mempunyai korelasi yang sangat rapat dengan kegemukan (lemak) tubuh. Peningkatan risiko pula mempunyai hubungan rapat dengan meningkatnya BMI. (The Asia – Pasific Perspective, 2000).

BMI yang dikira berdasarkan ketinggian tubuh dan berat badan merupakan satu indeks yang agak mudah untuk mengelaskan obesiti di kalangan orang dewasa. BMI 30 kg/m² atau lebih telah diterima ramai sebagai titik pemisah bagi obesiti sebagaimana yang telah disarankan oleh WHO (WHO, 1998). Bagi penduduk di Asia, nilai titik pemisah bagi obesiti ini mungkin akan direndahkan lagi kerana terdapat bukti yang menunjukkan bahawa risiko penyakit yang berkaitan dengan obesiti telah mula meningkat pada BMI yang lebih rendah iaitu 23 kg/m² (WHO Expert Consultation on appropriate BMI for Asians, 2002)

Billewicz et. Al 1962 menyatakan bahawa masalah utama perbandingan berat ialah ianya tidak dapat membezakan di antara lemak adipos, otot dan edema. Penggunaan BMI sebenarnya tidak berupaya untuk membezakan di antara berat yang berkaitan dengan otot ataupun berat yang berkaitan dengan lemak. Kajian populasi menunjukkan BMI tidak saling berhubungan dengan darjah kegemukan seperti yang ditunjukkan oleh Swinburn et al (1996)

di mana pada nilai BMI yang sama, orang Polinesia mempunyai peratus lemak tubuh yang rendah berbanding dengan orang Caucasian manakala Ross et al (1994) pula mendapati kaum wanita mempunyai peratus lemak tubuh yang tinggi berbanding dengan kaum lelaki sungguhpun nilai BMI mereka adalah sama.

Arahan ATM Berkaitan Obesiti

Bagi Tentera Laut Diraja Malaysia, Memo Am TLDM No. 3/93 telah memberi amaran kepada semua warga TLDM tentang masalah kegemukan dalam perkhidmatan. Ia berikutan dari laporan tentang kajian yang dilakukan ke atas keadaan fizikal warganya di mana hasil kajian menunjukkan bahawa 17.3% dari anggota TLDM dikategorikan sebagai 'bermasalah', iaitu kurus, gemuk dan sangat gemuk. Walau bagaimanapun memo ini tidak menyatakan dengan jelas tentang kaedah dan titik pemisah yang digunakan untuk penentuan obesiti.

TLDM kemudiannya mengeluarkan Memo Am TLDM No. 17/94, di mana indeks jisim tubuh (BMI) telah diperkenalkan untuk semua anggota TLDM. Dalam memo ini nilai BMI 25 kg/m² menjadi indikator kegemukan yang memerlukan perhatian Bahagian Sumber Manusia Markas Tentera Laut. Semua Laporan Penilaian Prestasi tahunan/khas, Borang Sokongan Menyambung Perkhidmatan, Tauliah Tetap, menghadiri kursus, sokongan kenaikan pangkat serta semua perkara yang melibatkan kemajuan kerjaya perlu dicatatkan nilai BMI anggota tersebut.

Berlanjutan arahan AFMATI 3.22 pada Mei 1995, TLDM kemudiannya mengeluarkan satu dasar berkenaan BMI di mana nilai BMI 28.0 kg/m² dijadikan sebagai titik pemisah bagi obesiti dan sekatan kenaikan pangkat serta menghadiri kursus akan dikenakan kepada mereka yang mempunyai BMI melebihi nilai ini (Memo Am TLDM No. 11/2003)

Prevalens Obesiti Dalam ATM

Sejak dari keluarnya arahan-arahan tersebut, kesedaran setiap anggota tentera terhadap masalah kegemukan berlebihan atau obesiti telah meningkat. Tidak diketahui setakat mana kejayaan ATM dalam mengawal prevalens obesiti sejak BMI diperkenalkan sehingga kini kerana tiada data lengkap mengenainya.

Data yang telah dikumpulkan oleh TLDM pada tahun 1992 menunjukkan prevalens obesiti warganya adalah 3.6%, di mana Pegawai dan anggota Lain-Lain Pangkat mempunyai prevalens yang masing-masingnya adalah 4.0% dan 3.6%.

Di Malaysia, prevalens obesiti (BMI $\geq$ 30 kg/m²) di kalangan orang dewasa yang berumur 18 – 60 tahun adalah 4.7% bagi lelaki dan 7.9% bagi wanita (Ismail et al. 1995)



Anggota PASKAL Ketuai Pasukan Ironman Triathlon ATM

Oleh: Lt Kdr Ahmad Nazree bin Abu Hassan TLDM



BM PPP (PKL) Rozaini Bin Ismail bukanlah nama asing dalam TLDM. Selain dipilih sebagai **Lasykar Terbaik TLDM 1999**, beliau dikenali kerana bergiat aktif dalam sukan lumba basikal dan marathon. Penglibatan di dalam sukan lasak bermula pada tahun 2002 setelah berehat selama 3 tahun akibat kecederaan dan pembedahan pada kaki kirinya. Cinta beliau pada aktiviti mencabar mendorongnya menyertai sukan Ironman Triathlon yang kebetulan seialiran dengan kerjayanya sebagai anggota **PASKAL**.

Hasil kerja keras dan sikap tidak mengenal kalah, beliau telah berjaya menamatkan perlumbaan sulungnya di kejohanan Ironman Langkawi 2002, sekaligus warga TLDM pertama bergelar Ironman Malaysia. Lebih membanggakan kejayaan yang dicapai adalah atas usahanya sendiri, tanpa bimbingan jurulatih. Dengan rekod cemerlang dan kualiti kepimpinan yang dinamik, Angkatan Tentera Malaysia (ATM) telah melantik beliau mengetuai pasukan ATM, dianggotai 13 atlet lain dalam pelbagai kejohanan kebangsaan dan antarabangsa..

Kejohanan **Ironman Langkawi Malaysia Triathlon** pada 29 Februari 2004, membariskan atlet bertaraf dunia yang disertai oleh 459 peserta dari 38

negara. Sembilan atlet ATM telah berjaya menamatkan cabaran dengan catatan masa yang baik. Kejohanan ini membabitkan acara **3.8 km berenang, 180.2 km berbasikal dan 42.2 km berlari**. Peserta perlu menamatkan pelumbaan dalam tempoh 17 jam bagi melayakkan diri digelar Ironman Malaysia. Pasukan ATM muncul sebagai pasukan terbaik keseluruhan sekaligus menjadi juara pasukan beruniform terbaik dunia.

Beliau menasarkankan untuk melayakkan diri menyertai Kejohanan Ironman Triathlon Dunia di Kona, Hawaii pada bulan Oktober 2004. Menjadi harapannya agar lebih ramai warga muda TLDM tampil kehadapan mewarnai cabaran ini. Dengan pengalaman luasnya, beliau pasti mampu membimbing sebuah pasukan TLDM yang mantap dan cemerlang. Teruskan kecemerlangan anda dan kibarkanlah bendera TLDM serta negara di persada dunia. **SYABAS!! S**

Beberapa rekod kejayaan BM Rozaini:

- | | |
|---|--------------------|
| • Triathlon Antarabangsa A Famosa Melaka 2003 | Tempat Pertama |
| • Triathlon Antarabangsa Sarawak 2003 | Tempat Ke - 2 |
| • Triathlon Antarabangsa Desaru Johor 2003 | Tempat ke - 5 |
| • Triathlon Antarabangsa Port Dickson 2003 | Tempat ke - 4 |
| • Ironman Langkawi 2002 | 12 jam 14 min |
| | No: 9 - Kebangsaan |
| • Ironman Langkawi 2003 | 12 jam 1 min |
| | No: 6 - Kebangsaan |
| • Ironman Langkawi 2004 | 11 jam 29 min |
| | No: 5 - Kebangsaan |

Antara kejohanan yang akan disertai sepanjang 2004:

- | | |
|--|----------------|
| • Triathlon Antarabangsa A Famosa, Melaka | 17 April 2004 |
| • Malakoff Malaysian Duathlon Dataran Merdeka | 11 April 2004 |
| • Malakoff Malaysian Duathlon Lumut, Perak | 30 Mei 2004 |
| • Malakoff Malaysian Duathlon Johor Baharu | 25 Julai 2004. |
| • Malakoff Powerman Duathlon Putra Jaya | September 2004 |
| (Duathlon : Berlari 10 km, berbasikal 60 km dan berlari 10 Km) | |





Kejohanan Mini Olimpik TLDM Ke-18 Siapa Juara?

Acara Tradisi - Renang Selat

Oleh: **Lt Masliza Maaris TLDM, PRO MPL.**

Persiapan Kejohanan Mini Olimpik (KMO) ke-18 di Pangkalan TLDM Lumut berjalan lancar dan mengikut jadual, demikian kata Pengerusi Pengelola Kejohanan Mini Olimpik kali ini, Kepten Mohd Ghazi Ismail TLDM. Menurut beliau lagi, ini ialah kali ke 4, Markas Pendidikan dan Latihan TLDM (MPL TLDM) diberi kepercayaan menganjurkannya dan akan berusaha sedaya upaya menjadi pengelola yang terbaik bagi temasya sukan dwitahunan TLDM ini. "Penganjuran KMO menjadi satu tanggungjawab yang perlu dilaksanakan sebaik mungkin untuk kegemilangan sukan TLDM," katanya lagi.

Penganjuran KMO pasti lebih mencabar kerana ia mempertandingkan 27 acara, berbanding 26 acara di kejohanan dua tahun lalu. Acara itu ialah badminton, bola keranjang, bola tampar, bola sepak, futsal, golf, hoki, hoki geladak, kayak, kriket, memanah, mendayung, menembak, mini

marathon, olahraga, perahu layar, ping pong, polo air, ragbi, renang, renang selat, sepak takraw, skuasy, SMD, tenis, tinju dan bola jaring. Keempat-empat formasi dijangka akan mengambil bahagian dalam kesemua acara yang dipertandingkan.

Seperti biasa, 4 kontinjen iaitu formasi Markas Pendidikan dan Latihan, Markas Armada, Armada dan Markas Bantuan dengan kira-kira 600 atlet dan pegawai akan terlibat semasa KMO ke-18 yang dijadualkan pada 20 hingga 29 Mei 2004. KMO ke-18 akan menawarkan 1,358 pingat, 572 pingat emas, 572 perak dan 214 gangsa untuk dimenangi. Selain fasiliti di Kompleks Sukan Pangkalan TLDM Lumut, beberapa acara tertentu akan diadakan di lokasi lain seperti Kelab Perahu Layar TLDM.

Menurut Ketua Kompleks Sukan, Lt Kdr Azizan Hj Atan TLDM, jadual penggunaan semua gelanggang telah disusun teliti agar semua formasi dapat menjalankan latihan dengan teratur dan konsisten. Kerja pembaikan dan naik taraf bagi beberapa kemudahan juga berjalan lancar. Tambah lagi, sejumlah RM 50,000 diperuntukkan bagi pembelian peralatan sukan baru untuk menampung keperluan latihan dan kejohanan itu nanti.

Semua atlet kini sedang giat menjalani latihan yang berterusan bagi memastikan kemenangan untuk formasi yang diwakili. Dilihat dari senario dan semangat kesukanan yang melanda bagai wabak di pangkalan ini



Robin Hood laut?

sejak sebulan lalu, semarak KMO ke-18 kian dirasai. Semenjak KMO diperkenalkan pada tahun 1976, Markas Pendidikan dan Latihan telah memenangkannya sebanyak 8 kali, diikuti Markas Armada -5 kali dan Armada -3 kali. Siakah yang bakal menjulang Juara Keseluruhan Kejohanan Mini Olimpik ke-18 tahun ini? Mari kita sama-sama saksikannya nanti...S

Kompleks Sukan Pangkalan TLDM Lumut



Hoki Geladak - Sukan unik Tentera Laut



Pengurusan semua aktiviti sukan TLDM diletakkan di bawah tanggungjawab Lembaga Kawalan Sukan TLDM (LEKAS). Ianya bertindak sebagai badan pengurusan tertinggi mengenai hal ehwal sukan manakala pelaksanaan aktiviti setiap jenis sukan pula diuruskan oleh persatuan sukan masing-masing. Sesuai Perlembagaan LEKAS, terdapat 27 jenis sukan yang diiktiraf olehnya merangkumi sukan-sukan gelanggang, padang mahupun yang berbentuk riadah.

Sepanjang 2003, pencapaian keseluruhan LEKAS terutama di peringkat ATM (Kejohanan

Antara Perkhidmatan) dianggap sederhana di mana TLDM muncul di tempat Kedua di belakang TD manakala TUDM di tempat yang terakhir. Daripada 23 acara sukan yang dipertandingkan, TLDM hanya berjaya menjuarai 7 acara, 11 naib johan dan 5 tempat ketiga. Analisa terperinci menunjukkan bahawa prestasi persatuan sukan sepanjang 2003 adalah merosot. Malahan, kita juga gagal mempertahankan kejuaraan dalam beberapa acara *favourite*.

Pelaksanaan aktiviti sukan sesungguhnya memerlukan sumber kewangan yang tetap dan LEKAS sendiri tidak dapat lari dari hakikat ini. LEKAS mempunyai sumber kewangannya sendiri melalui dana kewangan yang dinamakan Tabung Sukan TLDM. Sumber utama pendapatannya diperolehi melalui yuran sukan tahunan warga TLDM, 10% kutipan yuran sukan ATM, faedah daripada simpanan tetap dan juga sumbangan pihak swasta. Manakala pembelanjaan oleh persatuan-persatuan pula meliputi perkara-perkara seperti berikut :

- Elaun latihan .
- Yuran pertandingan.
- Subsidi pembangunan.
- Subsidi latihan/pertandingan.
- Skim insentif.
- Hadiah.

Pembangunan

Walaupun peranan utama LEKAS ialah menyelaras dan mengkoordinasikan aktiviti sukan, namun LEKAS juga mengendalikan



Trek larian stadium TLDM Lumut

pelbagai kursus sukan untuk memastikan peningkatan dan pembangunan atlit serta pengurusan persatuan di tahap yang baik. Kursus pembangunan ini terbahagi kepada 2 kategori; kursus pembangunan persatuan iaitu kursus peningkatan yang dikendalikan sepenuhnya oleh persatuan sendiri; dan kursus pembangunan yang dikendalikan oleh LEKAS dan terbuka kepada semua yang mempunyai kaitan dengan hal ehwal aktiviti sukan. Kedua-dua kursus ini menggunakan peruntukan kewangan Anggaran

PRESTASI LEMBAGA KAWALAN SUKAN TLDM SEPANJANG 2003

Oleh: Lt Kdr Gagarin bin Mohd Zainal TLDM, Pegawai Staf 2 Sains Sukan - MTL



Belanja Mengurus (ABM) Cawangan Pembangunan Sumber Manusia, Markas Tentera Laut.

Bagi tahun 2004, LEKAS TLDM telah menetapkan bagi kursus peningkatan, persatuan sukan yang dipilih adalah Hoki, Kriket/Pentanque, Tenis, Olahraga dan Skuasy. Manakala kursus pembangunan yang akan dikendalikan adalah seperti berikut :

- Pengurusan sukan.
- Kecergasan dan kesihatan pegawai.
- Kesedaran kesihatan dan kecergasan.
- Instruktur kecergasan.
- Psikologi sukan.
- Tenaga pengajar kecergasan kebangsaan.
- Rawatan kecederaan sukan.
- Pengurusan peralatan sukan.
- Kursus jurulatih senamrobik.
- Kursus jurulatih rekreasi luar.
- Kursus kejurulatihan sains sukan tahap 1/2/3.
- Bengkel pengurusan persatuan sukan.

Program Semasa

Sepanjang 2004, aturcara sukan utama yang akan dilaksanakan di Pangkalan TLDM Lumut ialah Kejohanan Mini Olimpik Ke 18/2004. Kejohanan ini adalah kejohanan yang diadakan setiap 2 tahun. Markas Pendidikan Dan Latihan TLDM ditugaskan untuk mengelola kejohanan kali ini. Ia dijadualkan berlangsung pada 22 – 29 Mei. Pada kejohanan kali ini satu sukan baru diperkenalkan iaitu FUTSAL dan penambahan bagi acara sukan untuk wanita pula ialah dalam acara Memanah, Tenis dan Seni Mempertahankan Diri.

Selain dari itu sukan lain yang dijangka akan diadakan ialah Kejohanan Bola Sepak Piala Zain pada bulan April bersempena dengan sambutan Hari TLDM ke 70. Kejohanan ini melibatkan seluruh formasi, pangkalan dan unit-unit di dalam TLDM. Diperingkat ATM pula, TLDM telah dipilih sebagai penganjur/pengelola Kejohanan Antara Perkhidmatan bagi sukan-sukan berikut :

- Sepak Takraw.
- Angkat Berat & Bina Badan.
- Menembak.
- Ragbi.
- Tinju.
- Kriket.
- Bola Sepak – Liga Tentera.

Amanat Pengerusi LEKAS

Laksamana Madya Dato' Ilyas bin Hj. Din, Timbalan Panglima Tentera Laut yang juga Pengerusi LEKAS melalui Mesyuarat Agong pada 16 Februari yang lalu telah menegaskan bahawa beliau mengambil perhatian serius terhadap aktiviti sukan di dalam TLDM. Beliau menekankan setiap peringkat yang terlibat di dalam persatuan perlu memainkan peranan mereka di samping memberi komitmen yang tinggi bagi menentukan kejayaan dapat dicapai. Beliau juga mahukan penyertaan di setiap pertandingan yang disertai perlu mempunyai matlamat iaitu untuk memperoleh kemenangan. Baginya adalah sia-sia sekiranya sesuatu persatuan itu menyertai pertandingan sekadar untuk mengambil bahagian sahaja. Cara ini bukan sahaja

membuang masa, tenaga dan membazir tenaga kerja dari segi keanggotaan unit terbabit, malahan ianya juga akan memberi imej negatif kepada TLDM kerana gagal menyediakan pasukan yang kredibel.

Oleh itu beliau menegaskan mulai dari sekarang setiap pertandingan yang disertai ianya hendaklah dengan maksud mencapai kemenangan. Secara umumnya semua pihak akan suka berada di dalam pasukan yang berjaya kerana masyarakat hanya akan mengingati pasukan yang menang sahaja. Jika dilihat secara kasar sesungguhnya ia adalah suatu matlamat yang agak tinggi, namun ia bukanlah satu perkara yang mustahil untuk di capai. Semua pihak yang terlibat di dalam persatuan perlu memainkan peranan masing-masing dengan memberi fokus kepada cara-cara mewujudkan pasukan yang berwibawa serta mantap. Di dalam erti kata lain, sebagai atlit beliau perlu menilai dan melihat aspek kecergasan, *skill*, pencapaian individu dan teknik diri sendiri, manakala peranan jurulatih pula ialah menyediakan program latihan yang sesuai untuk setiap individu serta pasukan bagi menyematkan '*team spirit*'.

Pengerusi LEKAS seterusnya mengingatkan agar semua pihak peka bahawa segala pelaburan yang telah diberikan perlulah membawa pulangan yang setimpal. Pelaburan yang dimaksudkan ialah dari segi masa yang digunakan untuk mengikuti latihan/pertandingan, jumlah tenaga kerja yang dikerah/digunakan dan yang lebih pentingnya ialah pelaburan di dalam bentuk kewangan yang diberikan seperti kursus, penyertaan, elaun dan subsidi di manfaatkan dengan sebaik mungkin. Tujuan utama LEKAS menyediakan pelaburan ini ialah untuk melahirkan '*Winning Team*' dan membuktikan bahawa TLDM ialah sebuah organisasi yang terbaik di dalam segala segi termasuk di bidang sukan. Sekiranya ini dapat direalisasikan, ia bukan sahaja dapat menonjolkan imej TLDM di peringkat ATM malahan diharap dapat melahirkan atlit yang berkebolehan mewakili negara ke pertandingan di peringkat antarabangsa. **S**





As in any outdoor activity, diving has a degree of hazards and dangers which comes with it. Being aware of these hazards and dangers is not only important but will also ensure that this activity can be enjoyed without fear. As we all know **ignorance is bliss**. However it is not so when it comes to diving. In extreme cases paralysis and even death can be an occurrence if individuals intending to pursue this activity continue to ignore the dangers and risks involved in diving. As we all know we are not built for the underwater world. Our bodies are exposed to various forces when we endeavour to enjoy the wonders of the underwater world. One obvious force, which our bodies are exposed to, is pressure. Pressure itself does many funny things to various parts of our body when we are underwater. Understanding what happens when pressure is exerted on our body, understanding why it happens and finally knowing how to



Diving Compression Chamber

Diving Related Maladies

Part 1

By: Lt Cdr Muhammad Feekry Choo bin Abdullah RMN
Diving Paramedic (DMT Australia)

overcome it is very important and essential to divers and individuals wanting to pursue this activity. For divers in the navy they are taught the fundamentals of pressure and how it affects gases at the earliest stage of their career. Four simple and basic laws of physics (in relation to gases and pressure) are all that encompasses the knowledge, which all divers need to understand and know to avert any accidents. The four basic laws of physics are as follows:

- **Boyle's Law** - describes the relationship between pressure and volume of gas.
- **Guy-Lussac's Law** - describes the

relationship between volume of gas and temperature.

- **Dalton's Law** - Also known as the 'Law of Partial Pressure'. This law has and must be understood when dealing with mixture gases e.g. **Nitrox (Oxygen + Nitrogen) or Heliox (Helium + Oxygen)**.
- **Henry's Law** - describes the amount of gas dissolved in a liquid in relation with pressure exerted.

One might wonder why is it important to understand these basic and fundamental laws of physics related to diving. It must be made known

that any one of these laws or a combination of these four can and will affect a diver in various manners. Again a non-diver might ask how so?

As mentioned above **Boyle's Law** states 'At a constant temperature, the volume of gas will vary inversely with the absolute pressure'. In simple English, when pressure increases the volume of gas decreases and vice versa'. As any diver or non-diver would know our lungs can only hold certain amount of gas (4 to 5 litres). The amount of gas in our lungs therefore decreases as we dive and increases when we surface from a dive. Here, it must be understood that if we hold our breath when we surface bearing in mind that our lungs already hold 4 to 5 litres of gas, will expand beyond 4 to 5 litres when approaching the surface (due to the **decreasing pressure as we surface**), and cause our lungs to expand to a point of rupture (burst). When this happens the lung tends to collapse. Therefore, **NEVER HOLD YOUR BREATH WHEN SURFACING FROM A DIVE, ALWAYS BREATHE OR BLOW OUT**. This is to ensure that the amount of gas in our lungs do not exceed its capacity.

Now how does absorption of gas affect a diver? Our body is made up of 75% liquid (blood); oxygenated blood is pumped throughout our body when our heart beats. In a sense our heart is a pump, constantly pumping oxygenated blood throughout the vital organs of our body. It is how we survive as humans. When we breathe in (inhale) oxygen from the atmosphere is absorbed



Safety is paramount...

into the blood via the alveoli, which is how blood gets oxygenated. As in any other gasses (not only oxygen) the body also absorbs other gases such as nitrogen. **Henry's Law** states; *the amount of gas that will dissolve in a liquid at a given temperature is almost directly proportional to the partial pressure of that gas.* In layman's terms if **one unit** of gas is dissolved at **one bar** (atmosphere) then two units will be dissolved in two bars (atmospheres) three units at three bars (atmosphere) and so on. As divers dive, although oxygen is absorbed by the blood, nitrogen and other inert gasses are also absorbed.

long and how deep a diver has dived, his decompression stops vary in time and depth. These stops are

designed as to ensure that all inert gases are dispersed from a diver's body before he reaches the surface. Whereby these gases if properly dispersed will not form bubbles on completion of his dive.

When diving using mixture gasses the law of physics which divers must understand clearly is, **Dalton's Law or otherwise known as The Law of Partial Pressures.** Dalton's Law states; **the total pressure exerted by a mixture of gasses is equal to the sum of the pressures of each of the different gases making up the mixture.** Reading it for the first time what Dalton's Law states even gave me a headache!!! In simple words,

as an example, if a mixture gas consisting of 60% oxygen and 40% nitrogen were available in a tank the total pressure of oxygen and nitrogen would remain the same in the tank if it were alone occupying the tank. Understanding the Law of Partial Pressure is important to a diver because he has to ensure that the partial pressure of oxygen available to him when diving using mixture gases does not exceed 1.6.

Although the maximum partial pressure of oxygen able to be withstood by a human being is 2.8, this level is only limited for therapeutic purposes. A diver must ensure that he has calculated the mixture he wants to use meticulously to ensure his safety. Before diving using any mixture gas the diver must also ensure that the mixture is correct by testing it. There are various types of kits available in the market today, which

can be obtained off the shelf for this purpose. Among the commonly used diving gas mixtures are:

- 60% oxygen/40% nitrogen - no deeper than 24 metres
- 40% oxygen/60% nitrogen - no deeper than 42 metres
- 84% helium/16% oxygen - no deeper than 99 metres.

Finally we come to the final law of physics, which will affect a diver. **Guy-Lussac's Law** generally does not have much effect to the human body. It pertains mostly to the filling and storing of gas (e.g. compressed air) in a tank. **Guy-Lussac's Law** states; **if pressure is constant, the volume will change directly as the absolute temperature.** Again in simple English, if a tank is being filled or stored it should be filled (tanks must also be kept cool during filling) and stored in a dry cool area. Although the increase of pressure may seem minimal for every 1 degree Celsius, if it is accumulated, the pressure increase will be significant. There have been cases where filled tanks of compressed air, which are left in the sun have blown up. When filling, the tanks should also be kept cool as to ensure that the correct amount of gas is filled as well as to prevent the tank from blowing up during the filling exercise.

As we begin to understand the laws of physics it is very clear that the knowledge and understanding of these laws is **vital**. Divers must be aware that when entering the water, it is a foreign environment to the human body. As divers understand and being aware of these laws will help them enjoy this very pleasurable outdoor activity. For us in the navy safety is paramount therefore knowledge of these laws of physics must be understood very clearly. **S**

Navy divers are trained to do almost everything possible underwater

It is these inert gases within the body, which will cause problems for divers. The deeper a diver dives the more inert gases which he absorbs. What dangers do these gases pose to a diver? How does a diver overcome this phenomenon?

Let us first understand what dangers do these inert gases pose to the diver. Gases, which are useless to the human body, is exhaled or dispersed by the body. Unfortunately when diving these gases take time to disperse. If a diver does not realise this, these gases which are not dispersed appropriately will form bubbles especially when the diver surfaces. Bubbles in the bloodstream can cause a multitude of problems. Bubbles create stoppages in the bloodstream especially at the joints. From a simple itch to paralysis or even brain damage and death can be caused by bubbles in the bloodstream. How does a diver ensure that there are no bubbles in his circulation system? As a diver surfaces, the pressure exerted on his body is reduced. Therefore he absorbs less gas, depending on the duration and depth of the dive, which he has completed, the diver has to conduct **decompression stops**. These stops can be conducted in the water or on the surface (in a decompression chamber if available on site). These stops are calculated according to the duration and depth of a dive. Depending on how



Pelanunan: Istilah dan Takrifan

Oleh: Lt Muhammad Fauzi Abd Kadir TLDM (Bersara) MA Policy Analysis (UKM)

Dalam memberi pengertian atau takrifan kepada istilah 'lanun' dan 'pelanunan', wujud beberapa perbezaan pendapat atau persepsi di kalangan para sarjana, organisasi kerajaan, organisasi bukan kerajaan dan institusi antarabangsa. Walau apa pun takrifan yang diberikan, kebanyakannya menjurus kepada maksud yang sama iaitu sesuatu yang melibatkan 'keganasan'.

'Lanun' ialah individu atau sekumpulan individu yang terlibat dengan keganasan, dan 'pelanunan' ialah aktiviti dan bentuk keganasan yang dilakukan oleh individu atau sekumpulan individu tersebut. Perbezaan takrifan ini kerap dipengaruhi oleh persekitaran tempat dan budaya, bentuk aktiviti dan modus operandi, kategori keganasan atau kesalahan, jenis golongan atau kumpulan yang terlibat, dan motif pelanunan sama ada untuk keuntungan atau kepentingan politik.

Istilah lanun atau 'pirate' atau 'peirato' buat pertama kalinya diperkenalkan oleh sarjana sejarah berbangsa Roman iaitu 'Polybius' pada 140 BC. Seterusnya, takrifan lanun ini telah dikemukakan di zaman keagungan Greek oleh sarjana sejarah berbangsa Greek iaitu 'Plutarch' pada 100 AD. Beliau telah mentakrifkan lanun sebagai, "those who attacks without legal authority not only ships, but also maritime cities". Menyentuh mengenai aktiviti pelanunan, dalam konteks era zaman moden dan kenegaraan, bagi Amerika Syarikat mereka mentakrifkannya sebagai, "whoever being a citizen of the United States, commits any murder or robbery, or any act of hostility against the United States or against any citizen thereof, on the high seas under color of any commission from any foreign prince or states or on pretense of authority from any person, is a pirate, and shall be imprisoned for life".

Apakah pula perbezaan antara dua istilah ini, 'pirate' dengan 'privateers'?

'Pirate' atau 'lanun' diertikan sebagai, "a person who randomly attacks ships for personal gain. However, a privateer is a person commissioned to a attack ships by a country". Contohnya, England mengupah 'privateer' untuk menyerang kapal Sepanyol yang membawa emas supaya perbendaharaan negara Sepanyol lumpuh. Lazimnya 'privateer' perlu memberi sebahagian hasil rampasan atau rompak kepada negara berkenaan sebagai pertukaran untuk perlindungan dan keselamatan di pelabuhan.

Menurut kamus Oxford, pelanunan pula ditakrifkan sebagai, "robbery, kidnapping, or violence at sea or from the sea without lawful authority". Dalam pada itu, di kurun kesembilan belas kerajaan British telah memberi takrifan pelanunan sebagai, "is a criminal if done, as by definition it must be outside the territorial jurisdiction of any state no matter what the nationality of the accused pirate". Bagaimanapun institusi antarabangsa seperti Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) telah mengemukakan takrifan yang lebih komprehensif. Dalam konteks ini, 'United Nations Convention on Law of the Sea (UNCLOS) III 1982' - Artikel 101 telah mentakrifkan pelanunan sebagai,

a. Any illegal acts of violence or detention, or any act of depredation, committed for private ends by the crew or the passengers of a private ship or private aircraft, and directed:

1. on the high seas, against another ship or aircraft, or against persons or property on

such ship or aircraft;

2. against a ship, aircraft, persons or property in a place outside the jurisdiction of any state;
- b. Any act of voluntary participation in the operation of a ship or of an aircraft with knowledge of facts making it a pirate ship or aircraft;
- c. Any act of inciting or of intentionally facilitating an act described in subparagraph a. and b. "

Dalam Artikel 102, UNCLOS III 1982 juga turut mengklasifikasikan seseorang atau sekumpulan orang yang melakukan 'dahagi' atau 'mutiny', atau 'pemberontakan', atau 'mengambilalih pemerintahan atau merampas sesebuah kapal perang' atau pesawat kerajaan dengan paksaan tanpa persetujuan' juga dianggap telah melakukan pelanunan. Artikel 103 pula telah memberi takrifan ke atas 'kapal lanun', dan Artikel 104 pula mengemukakan status 'kapal lanun' dalam perundangan antarabangsa seperti kapal tersebut boleh hilang taraf kewarganegaraan di mana kapal itu didaftarkan. Manakala Artikel 105, telah mengemukakan bentuk tindakan yang boleh diambil ke atas kapal yang terlibat dalam pelanunan di 'laut dalam' atau 'high seas' atau di luar yuridiksi sesebuah negara, umpamanya, "mana-mana negara boleh menahan kapal lanun tersebut dan menahan warga kapalnya serta merampas harta benda kepunyaan kapal tersebut".

Organisasi bukan kerajaan seperti 'International Maritime Bureau (IMB)' pula telah mentakrifkan pelanunan sebagai, "An act of boarding or attempting to board any ship with the intent to commit theft or any other crime and with the intent or capability to use force in furtherance of that act".

Takrifan ini merangkumi tindakan melanun (merompak) atau cubaan melanun sama ada ketika kapal belayar, berlabuh di pelabuhan atau bersauh. Menurut IMB di dalam 'Piracy Report 1993', aktiviti pelanunan boleh dikategorikan seperti berikut:

1. Cubaan dinaiki oleh lanun.
2. Dinaiki dan digeledah oleh lanun.
3. Dinaiki dan ditawan untuk sesuatu tempoh tertentu oleh lanun.
4. Diekori, dikejar dan ditembak oleh lanun.
5. Dikejar oleh kapal atau bot yang tidak dikenali atau disyaki lanun.
6. Rompak atau pelanunan di pelabuhan ketika kapal berlabuh atau bersauh.

Manakala 'Pusat Penyelidikan Penguatkuasaan Maritim (PPPM)' atau 'Maritime Enforcement Coordination Center (MECC)' mempunyai perspektif yang agak berbeza di mana PPPM berpendapat takrifan yang dikemukakan oleh UNCLOS III 1982 dan IMB agak kabur atau tidak jelas, tidak tepat dan memberi isyarat dan maklumat yang salah. Aktiviti pelanunan yang dimaksudkan sepatutnya diasingkan kepada tiga kategori iaitu 'mencuri', 'rompak di laut' dan 'penculikan' yang setiap satunya memerlukan dan mempunyai tindakan yang berbeza untuk mengatasinya.

Dalam Artikel 15 kepada 'Geneva Convention of the High Seas 1958' pelanunan telah ditakrifkan sebagai, "a violent seizure on the high seas of a private ship or the illegal detainment of persons or property aboard said ship for the purpose of private gain". Pelanunan merangkumi, "a wide spectrum of criminal behaviour, ranging from in-port pilferage and hit-and-run attacks to temporary seizure, long term seizure and permanent

theft of a ship".

Walaupun pelbagai takrifan mengenai pelanunan telah dikemukakan oleh para sarjana, organisasi kerajaan dan bukan kerajaan, serta institusi antarabangsa, tetapi masih terdapat beberapa kelemahan atau 'grey area' dan permasalahan dalam mendapatkan satu takrifan yang bersepadu, tepat dan jitu. Justeru itu, sesetengah sarjana kerap mengaitkan pelanunan dengan 'keganasan maritim' atau 'maritime terrorism', atau 'pelanunan' sebahagian dari keganasan maritim atau sebaliknya. Hakikatnya, memang terdapat beberapa persamaan antara dua istilah ini terutamanya dari segi bentuk aktiviti yang dilakukan dan modus operandi yang diimplimentasikan oleh lanun atau sekumpulan lanun yang terlibat. Bagaimanapun sesetengah sarjana cuba membezakan antara dua istilah ini khususnya berhubung dengan motif aktiviti itu dilakukan. Sehubungan dengan itu, dalam mesyuarat yang diadakan pada bulan Februari 2002, 't "blank" Council for Security Cooperation in the Asia-Pacific (CSCAP) Working Group on Maritime Cooperation' telah mentakrifkan keganasan maritim sebagai, "the undertaking of terrorist acts and activities:



1. within the marine environment,
2. using or against vessels or fixed platforms at sea or in port, or against any one of their passengers or personnel,
3. against coastal facilities or settlements, including tourist resorts, port areas, and port town or cities".

"The definition adopted does not define either terrorist acts and activities or what is included under marine environment. Criminal acts and activities undertaken for a political purpose can be qualified of terrorist. Hence, maritime terrorism is distinct from piracy, which is committed for purely personal gains. The use of the expression marine environment is wise, since it does not distinguish between the international law classification of high seas and territorial waters".

Menurut Adam Young dan Mark J Valencia dalam artikel mereka, 'Piracy, Terrorism Threats Overlap' mentakrifkan keganasan maritim atau sebagai, "is that of political piracy:..... any illegal act directed against ships, their passengers, cargo or crew, or against sea ports with the intent of directly or indirectly influencing or a group of individuals".

Manakala Kepten (Bersara) Mat Taib Yassin TLDM dalam artikelnya, 'Threats of Maritime Terrorism in Malaysia' di 'Conference on Maritime Terrorism: Threats and Impact on Malaysia', MIMA mengemukakan takrifan keganasan maritim sebagai, "the use of violence by a party (state or non-state) against a target at sea or close to the sea to achieve their political objective".

Walaupun pelbagai takrifan telah diberikan, istilah pelanunan dan keganasan maritim sememangnya mempunyai kaitan antara satu sama lain, walaupun hakikatnya berbeza dari motif tindakan yang dilakukan. Kedua-dua istilah ini membawa kepada tindakan keganasan yang boleh mengakibatkan pembunuhan, kecederaan, kemalangan dan kerugian harta benda. Justeru itu, ianya perlu dikekang dan diperangi habis-habisan, kerana kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan pelanunan berluasa. Dan fenomena ini akhirnya pasti menjejaskan kesejahteraan sosial rakyat, kestabilan ekonomi dan keselamatan negara dan serantau seluruhnya. **S**



Aviation Services

- Total System Integration • Aircraft Maintenance • Aircraft Manufacture & Assembly •
- Helicopter Refurbishment • Aircraft Leasing Programs • Avionics Upgrades • Aircraft Customisation •

Aviation Products

- Eagle 150B • Eagle Aerial Reconnaissance Vehicle (ARV) • Lancair Columbia Aircraft • BO 105 Helicopter •



BERET UNGU DAN TRIMEDIA Identiti Kemegahan PASKAL



Oleh : Lt Kdr Ahmad Nazree bin Abu Hassan TLDM, Pasukan Khas Laut

Beret Ungu merupakan lambang keberanian dan ianya sebagai satu pengiktirafan keistimewaan PASKAL sebagai sebuah pasukan khas di dalam TLDM. Trimedia PASKAL pula adalah rencana pelbagai kemahiran PASKAL yang menggabungkan keupayaan anggotanya beroperasi di darat, laut dan udara. Trimedia PASKAL mengandungi :

- **Pisau Komando** : Kemahiran taktik hutan dan ikhtiar hidup
- **Payung Terjun dan Sayap** : Keupayaan dalam operasi udara
- **Pelitup Muka & Kaki Itik** : Kemampuan beroperasi di permukaan dan di bawah permukaan. Menjadikan laut sebagai medan utama.
- **Sauh dan Tali** : Lambang TLDM dan ikatan setiakawan.

Sebelum berkah memakai Beret Ungu dan menyemat Trimedia PASKAL di dada, pelbagai tahap ujian dan latihan perlu dilalui. Di peringkat awal, setiap pelatih akan mengikuti kursus Pra-Asas atau lebih dikenali peringkat **Pemanasan** selama sebulan. Pada peringkat ini, setiap pelatih akan diberi penekanan terhadap keupayaan dan ketahanan fizikal merangkumi aktiviti berlari, berenang dan pembentukan fizikal. Ianya sebagai persiapan awal sebelum pelatih yang melepasi piawaian yang ditetapkan diserap untuk mengikuti kursus Asas Komando PASKAL. Lazimnya lebih 65 peratus akan menarik diri atau gagal. Mereka yang gagal akan di hantar ke unit masing-masing atau kembali ke kepakaran asal.

Setiap pelatih perlu melepasi dan lulus kursus Asas Komando PASKAL selama 12 minggu. Kursus yang mencabar ini memerlukan daya ketahanan mental dan fizikal sekaligus menguji tahap maksima

seseorang pelatih. Kursus ini merangkumi beberapa fasa yang mempunyai cabaran yang tersendiri.

Fasa Pertama. Fasa paling mencabar dalam suasana kem yang serba kekurangan. Fasa ini menekankan tahap pembentukan fizikal dan semangat setiakawan. Pelatih akan mendapati mereka akan terus berlari dan berenang dalam jarak yang semakin jauh sehingga limitasi maksima. Mereka akan sentiasa terdedah kepada cuaca panas terik dan pelbagai keadaan medan seperti paya, pantai, laut dan hutan rimba. Meskipun jurulatih akan memberi tekanan secara berterusan namun tekanan tersebut akan mencungkil dan mempertingkatkan tahap inisiatif dan kerjasama antara mereka. Ianya menyerlahkan suasana latihan yang positif dan berdaya saing. Seperkara yang mencuit hati apabila kami dibangunkan pada tengah malam dan bermain bolasepak dengan jurulatih tanpa sebarang alas kaki. Bolanya adalah sebuah tin minyak manakala jurulatih pula berkasut 'spike boot'. Di akhir perlawanan, tin minyak yang dijadikan bola berubah bentuk hanya sebesar bola tenis.

Fasa Kedua. Pelatih akan mempelajari pelbagai taktik dan rondaan di dalam hutan di samping ilmu ikhtiar hidup termasuklah membuat perangkap dan mengenali daun-daun herba. Pelatih akan melaksanakan praktikal tinjauan sasaran, serangan khemah musuh, operasi penyusupan teknik 'rapelling' dan 'fast roping' menggunakan pesawat NURI TUDM. Ianya diperlengkapkan dengan pengendalian

pelbagai senjata kecil dan bahan letupan. Kesemua latihan dilakukan menggunakan peluru hidup dan bahan letupan sebenar bagi mendapatkan situasi medan yang realistik.

Di pertengahan latihan, pelatih perlu melalui 3 hari 'Physical Marathon'. Ianya berlangsung selama 3 hari 3 malam secara berterusan. Ia bermula pada hari minggu jam 2359 dan berakhir pada hari Rabu jam 1200. Hari dan waktu yang dilalui tidak dapat dikenali kerana pelatih tidak dibenarkan memakai sebarang jam. Mereka akan dikendalikan oleh beberapa jurulatih secara bergilir dengan pelbagai aktiviti antaranya renang kolam dan laut, jalan lasak, kelas dan sebagainya. Pelatih perlu menggunakan segenap tenaga dan stamina untuk mengharunginya namun semangat kerjasama dan saling membantu adalah aset utama melepasi tahap ini. Tamat pusingan ini, secara purata pelatih telah berenang sekurang-kurangnya 20 km dan berlari tidak kurang dari 150 km.

Fasa Ketiga. Pelatih didedahkan dalam pelbagai aktiviti di laut dan paya. Latihan merangkumi pelbagai tugas pengendalian bot kecil, asas navigasi, pandu arah jarak jauh dan penyusupan dan pengunduran melalui laut. Malahan melaksanakan serangan khemah musuh dan pemusnahan instalasi musuh menggunakan bahan letupan. Pelatih seterusnya akan hidup selama seminggu di paya tanpa bekalan makanan dan pakaian yang sempurna. Di peringkat ini mereka mempraktikkan ilmu ikhtiar hidup bagi mendapatkan makanan di dalam paya dan kawasan persekitaran



menggunakan sumber semulajadi. Dalam masa yang sama pelatih perlu melepasi ujian renang teknik "drown proofing" (kaki dan tangan diikat) sejauh 1 km di laut untuk lulus ke fasa seterusnya.

"Escape and Evasion" merupakan fasa terakhir di dalam Kursus Asas Komando PASKAL. Pelatih dibahagikan kepada beberapa kumpulan dan dilepaskan dalam jarak tertentu dan di beri tempoh tertentu untuk mereka melapor kepada agen di 'check point' yang ditetapkan. Pelatih perlu menggunakan teknik berkomunikasi dengan agen bagi mengelakkan dikesan musuh(jurulatih) yang mengawal kawasan tersebut. Pelbagai teknik penyamaran dan inisiatif perlu diambil sebelum melepasi 'check point' sesuatu kawasan. Sekiranya tertangkap, mereka akan dikenakan denda dan dilayan seperti tawanan perang. Pelatih akan dilepaskan dan dibenarkan menyambung perjalanan untuk tiba ke destinasi terakhir.

Kursus Asas Komando PASKAL bukan sahaja menguji tahap fizikal semata-mata namun ianya mampu memberi impak kepada setiap pelatih dalam mengatasi ketakutan samada pada ketinggian, kedalaman air, ketahanan fizikal di darat dan tidak ketinggalan kepercayaan individu terhadap makluk halus. Malahan ianya berjaya membina keyakinan diri yang tinggi dan sikap bekerjasama dan kreatif bagi mengatasi masalah yang dihadapi.

Sebaik sahaja lulus Kursus Asas Komando PASKAL selama 3 bulan, setiap pelatih perlu melengkapkan 3 kursus utama berikut:

- Penyelam Kapal - 1 Bulan
- Penyelam Tempur Oksigen - 1 Bulan
- Asas Payung Terjun - 1 Bulan

Ini merupakan kursus asas semata-mata. Setiap anggota PASKAL perlu mengikuti sekurang-kurangnya satu kursus tambahan kepakaran sebelum diterima masuk ke dalam skuadron tempur. Meskipun kursus Asas Payung Terjun memerlukan keupayaan fizikal, pada peringkat ini pelatih PASKAL sememangnya melebihi tahap yang diperlukan berbanding rakan-rakan dari Tentera Darat dan Udara.

Anggota PASKAL dilatih menjadikan laut sebagai medan paling selamat dan kembali ke laut untuk bertindak atau meloloskan diri. Jaket keselamatan UDT (hijau tua) merupakan alatan apungan utama yang sentiasa dipakai oleh setiap anggota dalam berbagai aktiviti di laut. Kekuatan PASKAL terletak kepada semangat kerjasama dan persaudaraan yang erat. Ianya wujud kerana setiap pelatih samada pegawai atau anggota LLP melalui proses latihan yang sama. Berkhidmat di pasukan sebegini memerlukan anggota yang cergas, dedikasi, kreatif dan mempunyai disiplin dan kerohanian yang tinggi untuk berhadapan dengan pelbagai risiko tinggi. Apabila timbul ancaman di perairan negara, tidak menghairankan PASKAL menjadi unit pertama dikerahkan untuk bertindak. **S**

*"Beret UNGU segak di kepala
Trimedia megah tersemat di dada
Keupayaan beroperasi darat, laut dan udara
Pasukan khas kebanggaan Tentera Laut Di Raja"*



Kebanggaan keluarga - harapan negara



"Kesemua aksi ini tidak sesuai untuk mereka yang berjiwa lemah..."





Disingkap dari sudut sejarahnya, Kapal Diraja PELANDOK (KD PELANDOK) telah ditubuhkan pada 1 Februari 1971 di Kem Khatib, Sembawang, Singapura. KD PELANDOK mendapat namanya dari kapal latihan Her Majesty Malaysian Ship PELANDOK (HMMS PELANDOK) yang telah berkhidmat dalam Malay Section of The Royal Navy (United Kingdom) dari 1939 hingga 1942.

Sekitar tahun 1979, KD PELANDOK dari kedua-dua bahagian Woodlands dan Sembawang telah berpindah ke Pangkalan Tentera Laut Diraja Malaysia di Lumut, Perak.

Tanggal 22 Ogos 1984, DYMM Sultan Selangor, Almarhum Sultan Salahudin Abdul Aziz Shah Ibni Sultan Almarhum Sultan Hishamudin Shah Al Haj selaku Kepten Yang Dipertua TLDM telah berkenan merasmikan KD PELANDOK dalam satu upacara yang penuh dengan tradisi dan gilang-gemilang. Upacara penyerahan panji-panji KD PELANDOK berlangsung pada hari yang bersejarah itu.

Nama Pusat Latihan TLDM ini kemudiannya telah ditukar kepada KD PELANDOK, Kolej Tentera Laut Diraja dengan mendapat kelulusan Majlis Angkatan Tentera (MAT) ke 359, pada tahun 1997.

Sebagai pusat latihan tunggal TLDM, adalah menjadi teras kepada MPL dalam memberi pendidikan dan latihan kepada setiap warga TLDM agar terampil dan berupaya mendokong Visi dan Misi TLDM yang telah ditetapkan.

Kini, Markas Pendidikan dan Latihan TLDM (MPL TLDM) mengalami arus perubahan pentadbiran sejajar dengan penyusunan semula organisasi seperti yang dirancang.



Kemudahan bilik kuliah moden



Markas Pendidikan & Latihan TLDM

Perkembangan dan Kemajuan Menuju Era K-Navy

Oleh: **Lt Masliza Maaris TLDM**

Pegawai Perhubungan Awam Markas Pendidikan dan Latihan TLDM

Penstrukturan semula ini dibuat sesuai dengan perkembangan yang berlaku dalam perancangan dan pelaksanaan latihan di dalam TLDM terkini agar MPL TLDM dapat bergerak secara mapan dalam melahirkan warga TLDM yang lebih berkualiti dan profesional, selain dapat bersaing dalam arus global semasa selaras konsep *K-Navy* yang ditekankan oleh Panglima Tentera Laut. Kali terakhir penyusunan semula dilakukan di MPL TLDM ialah pada tahun 1994.

Menurut Ketua Cawangan Khidmat Anggota MPL TLDM, Lt Kdr Mohamad Matahab bin Ismail TLDM, konsep penyusunan semula MPL TLDM ini adalah selaras dengan struktur organisasi TLDM yang baru di mana perjawatan Panglima Pendidikan dan Latihan TLDM (PPL TLDM) diwujudkan mempunyai Markas dan unit-unit latihan di bawahnya.

Beliau menjelaskan lagi bahawa konsep penyusunan semula MPL TLDM secara prinsip, telah memberi penekanan pengasingan organisasi pembuat keputusan dan organisasi pelaksana. Ini bagi memastikan MPL TLDM dapat berperanan dalam merancang, melaksana dan seterusnya mengawal mutu pendidikan dan latihan warga TLDM dengan lebih efektif dan efisien.

Secara ringkasnya, Panglima Pendidikan dan Latihan TLDM menerajui MPL TLDM. Beliau bertanggungjawab terus kepada Panglima Tentera Laut mengenai hal ehwal pendidikan dan latihan TLDM. Laksamana Muda Dato' Pahlawan Mohd Rasip bin Hassan merupakan Panglima

Pendidikan dan Latihan TLDM yang ke-19 sejak MPL TLDM ditubuhkan.

MPL bertanggungjawab kepada PPL TLDM dalam merancang, menyelidik dan menggubal dasar latihan TLDM. Markas juga adalah organisasi yang bertanggungjawab dalam mengeluarkan dasar, memberi perkhidmatan dan nasihat kepada unit-unit di bawah naungannya.

MPL di bawah struktur baru, diketuai oleh seorang Ketua Staf (KS). Ini adalah selaras dengan struktur organisasi markas-markas panglima yang lain dalam TLDM. Dalam menguruskan hal-hal pentadbiran dan operasi MPL, KS dibantu oleh Bahagian Tadbir, Bahagian Pembangunan dan Kawalan Mutu Latihan, serta Bahagian Logistik.

Unit-unit latihan di bawah naungan iaitu Kolej Tentera Laut Diraja (KTLD), KD PELANDOK (KDP) dan Pusat Latihan Rekrut (PULAREK TLDM) diwujudkan sebagai organisasi pelaksana kepada pelbagai aktiviti latihan yang dirancang oleh MPL TLDM.

Kolej Tentera Laut Diraja (KTLD), dahulunya dikenali sebagai Fakulti Pegawai bertanggungjawab melatih pegawai-pegawai TLDM. Malahan, KTLD juga mampu menawarkan kursus-kursus kepada pegawai-pegawai agensi luar dan pegawai tentera dari luar negara. Bagi mewujudkan pusat pembelajaran dan latihan yang melahirkan pegawai yang profesional dan berkebolehan, program pembelajaran dan latihan disusun kepada peringkat asas, pertengahan dan lanjutan. Sejajar dengan perkembangan terbaru



ini, KTLD mempunyai Fakulti Latihan Pegawai Asas, Fakulti Latihan Pegawai Lanjutan, dan Cawangan Latihan Laut.

Nama MPL TLDM dahulunya sungguh sinonim dengan KD PELANDOK. Malah ramai diantara warga TLDM sendiri yang masih keliru akan penggunaan nama KD PELANDOK dan MPL TLDM. Organisasi baru ini dapat diperjelaskan bahawa nama KD PELANDOK (KDP) dikekalkan sebagai sebuah kolej yang membekalkan latihan kepakaran asas dan lanjutan kepada anggota lain-lain pangkat (LLP). KDP juga bertanggungjawab dalam melaksanakan kursus dan latihan kepada anggota agensi luar di peringkat setaraf LLP. Diketahui oleh seorang Pegawai Memerintah, KD PELANDOK mewarisi empat buah fakulti asas iaitu Fakulti Kejuruteraan, Fakulti Kelasi, Fakulti Bekalan dan Pengurusan, serta Fakulti Pendidikan.

Tahun 2000, melakarkan sejarah bagi Fakulti Latihan Rekrut apabila ianya dipindahkan ke Tanjung Pengelih Johor dan seterusnya diberi nama Pusat Latihan Rekrut (PULAREK) TLDM. PULAREK TLDM bertanggungjawab dalam memberi latihan dan pengetahuan asas kepada anggota perajurit muda sebelum dihantar ke KD PELANDOK untuk latihan asas. Walau bagaimanapun, organisasi PULAREK TLDM tidak disusun semula kerana perjawatannya masih relevan dan menepati keperluan masa kini.

Dalam menempatkan MPL TLDM sebagai pusat kecemerlangan dalam pendidikan dan latihan maritim di Malaysia dan negara serantau,



Cawangan Penyelidikan dan Pembangunan Latihan MPL TLDM sedang giat berusaha dalam merealisasikan projek Kolej Bestari. Walaupun projek ini dijangkakan siap pada 2010, namun perjalanan 6 tahun menuju impian itu bukanlah satu jalan yang mudah dan singkat.

Sejajar dengan perkembangan ini, pembangunan *Basic Naval Courseware* bagi matapelajaran *Introduction to Coastal Navigation* dan *Introduction to Seamanship* telah dilancarkan dengan kerjasama I-Perintis pada 13 Oktober 2003 dan selesai pada 31 Mar 2004.

Di samping itu, MPL TLDM juga merancang untuk melaksanakan pembangunan pakej latihan berdasarkan *Competency Based Training and Assessment* (CBTA) dalam usaha menambahbaik Sistem Latihan TLDM.

TLDM telah mensasarkan penubuhan lima buah Pusat Latihan Bertauliah yang mendapat pengiktirafan melalui Program Persijilan MLVK. Antara unit lain yang terlibat di dalam program ini adalah KD PELANDOK, KD RAJAWALI, PASKAL, Depot Senggaraan Kenderaan dan Pusat Selam TLDM. Program ini dijangka dapat direalisasikan pada hujung 2005. Dalam mencapai usaha ini, KD PELANDOK mewujudkan Program Pembangunan Kemahiran Dalam yang dirancang sepanjang tahun ini bagi membina kepakaran dalam metodologi persijilan MLVK.

Kini, terdapat tiga program berkembar peringkat Diploma yang sedang dilaksanakan di MPL TLDM iaitu Diploma Pengurusan Teknologi (DPT) bersama UTM untuk latihan pegawai kadet, Diploma Teknologi Marin (DTM) juga bersama UTM untuk latihan perantis dan Diploma Hospitaliti/Kulinari bersama ITAR untuk latihan Pewiga dan Bendari.

Dalam usaha TLDM untuk melahirkan anggota yang berkemahiran dan kepakaran yang tinggi, MPL TLDM telah memperolehi beberapa aset moden dan berteknologi tinggi seperti Penyelaku Anjungan (*Bridge Simulator*), *Damage Control Training Unit* (DCTU), *Fire Fighting Training Unit* (FFTU) dan *Genset*. Selain itu, penambahbaikan dan naik taraf kepada beberapa fasiliti sedia ada di MPL TLDM juga dilakukan seperti makmal bahasa, makmal bagi fakulti kejuruteraan,

perpustakaan, rumah masak D6, dan dewan makan pelatih.

Selain MV Fajar Samudera, MPL TLDM juga memperolehi sebuah kapal latihan iaitu bekas KD RAHMAT selepas perlucutan tauliah kapal tersebut pada 19 Disember 2003 lalu. Kini, bekas KD RAHMAT digunakan sepenuhnya sebagai Kapal Latihan Statik yang menempatkan pelatih LLP yang menjalani Latihan Sambil Kerja.

Dengan perolehan aset baru serta peningkatan aset sedia ada, secara langsung dapat memberi suasana pembelajaran dan latihan yang cukup selesa khususnya kepada pelatih agar dapat dijadikan sumber inspirasi dan motivasi dalam mewujudkan budaya saing di dalam pembelajaran.

ISO merupakan pengiktirafan global yang dijadikan kayu pengukur kepada amalan pengurusan kerja yang berkualiti. Tujuan ISO ialah mewujudkan satu budaya kerja yang konsisten yang menepati prinsip "*doing right the things first time and every time*". MPL TLDM adalah organisasi pertama TLDM yang mendapat pengiktirafan ISO MS 9001:1994 pada tahun 1999. Berkat kerja yang konsisten dan praktikal yang diamalkan menerusi budaya kualiti, MPL TLDM berjaya mengekalkan pengiktirafan yang sama buat kali kedua. Majlis penyerahan sijil ISO MS 9001:2000 telah selamat disempurnakan pada 19 Mac 2004 di Auditorium KTLD.

Menurut Pegawai Waren 1 (Gaji) Tajul Ashikin bin Tajul yang telah berkhidmat di MPL TLDM semenjak tahun 1993, beliau telah menjadi saksi kepada perubahan dan kemajuan yang dialami MPL TLDM dalam tempoh satu dekad. Beliau yang kini menjawat jawatan sebagai Pegawai Waren Tadbir Gaji menjelaskan beliau berasa amat bangga dengan perkembangan yang berlaku kerana pertambahan prasarana dan perubahan organisasi yang berlaku banyak memberi kepada peningkatan budaya kerja warga MPL TLDM.

Konsep *K-Navy* ditekankan kepada warga TLDM dalam melahirkan anggota yang lengkap dengan pengetahuan dan kemahiran bagimengendalikan aset berteknologi tinggi. Perolehan aset moden ini tidak memberi makna sekiranya kita tidak mempunyai sumber manusia yang cekap mengendalikannya. Sebagai sebuah *Learning Organisation*, MPL TLDM menyahut cabaran ini melalui pembangunan sumber manusia yang seimbang dengan perolehan aset berteknologi moden sejajar dengan *Revolution in Military Affairs* dan *Revolution in Business Affairs*. **S**



Bridge Simulator - seperti di kapal sebenar



ANTIVIRUS VS VIRUS

Oleh: Shamsul bin Adam

Sejak akhir-akhir ini terlalu banyak berita mengenai penceroboh (Hackers) yang kita dengar. Malah kehadiran virus baru yang mampu merosakkan komputer atau perisian tertentu juga semakin meningkat. Setiap hari terdapat sahaja individu yang ingin mencuba untuk memasuki pelayan komputer dan cuba mengambil alih pengendalian komputer dan merosakkan sistem operasi orang lain.

Pengesan penceroboh adalah penting untuk memastikan penceroboh tidak dapat mencapai ke dalam sistem komputer anda. Anda juga

penceroboh bebas untuk berbuat apa sahaja terhadap komputer anda samada merosakkan sistem operasi, memindahkan virus mahu pun mencuri data.

Walaupun agak mudah untuk penceroboh menjumpai alamat IP anda tetapi agak sukar bagi penceroboh untuk memasuki komputer yang menggunakan perisian pendinding samada firewall atau antivirus. Ini kerana dengan adanya perisian tersebut komputer anda mempunyai penapis untuk menghalang pencerobohan dan serangan virus.

BAGAIMANA MENGELOK KOMPUTER DARI SERANGAN VIRUS

Gunakan Perisian Antivirus

Perlindungan paling berkesan menentang serangan virus ialah perisian antivirus. Perisian ini merupakan sebuah pendinding kepada serangan virus. Antara perisian yang dicadangkan ialah McAfee VirusScan dan Norton Antivirus

Kemaskini Perisian Antivirus

Pastikan perisian antivirus anda dikemaskini sekerap yang mungkin. Ini akan menolong anda menentang berbagai jenis virus baru yang dicipta setiap hari. Anda boleh mendapatkan perisian kemaskini daripada laman-laman web perisian tersebut.

Berhati-hati

Anda juga hendaklah berhati-hati ketika memindahterima fail daripada laman-laman web kerana bimbang ia mengandungi virus. Selain dari itu, berhati-hati dengan perisian yang anda dapat daripada CD-ROM percuma yang biasanya boleh diperolehi dari majalah. Selain itu juga, jangan buka sebarang mel yang diterima dari orang yang tidak dikenali.

Buang Sahaja

Jangan buka mana-mana mel yang diterima daripada orang yang tidak dikenali. Jika anda was-was dengan e-mel yang anda terima, buanglah sahaja. Jangan buka fail yang disertakan. Adalah lebih baik


berjaga-jaga sebelum kena.

Periksa Disket

Pastikan yang anda memeriksa disket atau CD yang anda terima sebelum ia digunakan di komputer anda. Imbas dulu dengan berhati-hati supaya komputer anda tidak dijangkiti virus.

Kata Laluan

Gunakan kata laluan (password) untuk PC anda dan pastikan ia tidak digunakan oleh orang lain. **S**



Antara perisian Anti-virus yang terdapat di pasaran

hendaklah memastikan komputer anda tidak dibiarkan begitu sahaja ketika tidak digunakan. Penceroboh biasanya bergantung kepada alamat protokol internet (IP) komputer. Alamat IP ini mengecam komputer dalam rangkaian, samada IP itu digunakan untuk internet atau rangkaian peribadi. Penerimaan laman web, penghantaran atau penerimaan e-mel adalah bergantung kepada alamat IP setiap pengguna. Penceroboh memerlukan alamat IP yang sebenar sebelum dapat memasuki sesebuah komputer dan melakukan kerosakan. Dengan kejayaan mengenal pasti alamat IP yang anda gunakan,

PENGUNAAN FIREWALL

Sesiapa yang memasuki internet pasti terdedah kepada pencerobohan. Dengan itu anda hendaklah menggunakan "firewall" iaitu sebuah perkakasan atau perisian yang akan memeriksa trafik masuk kepada komputer anda terutama yang berniat jahat. Pada masa sekarang banyak perisian firewall yang dikeluarkan antaranya ialah cisco firewall, nokia firewall dan banyak lagi. Anda juga boleh mendapatkan maklumat mengenainya di laman web www.firewall.com <<http://www.firewall.com>> atau terus ke laman web Microsoft sendiri.

Your *Thinking* Company



SYSTEM CONSULTANCY



System Consultancy Group of Companies



Prestigious Discovery Sdn Bhd



Digital Aura (M) Sdn Bhd



Dian Kreatif Sdn Bhd



IBS Technology Sdn Bhd



Leapfrog Technologies Sdn Bhd

Head Office

System Consultancy Services Sdn. Bhd. (219906-U)

36, Jalan 1/27F, Pusat Bandar Wangsa Maju (KLSC),

53300 Kuala Lumpur.

Tel: 603-4149 1919 Fax: 603-4149 2121

E-mail: scshq@po.jaring.my

PENGENALAN KEPADA BALANCED SCORECARD

Oleh: Lt Kdr Asmayatim bin Abdul TLDM MBA (Nottingham)

Kaedah Pengukuran Prestasi

Setiap organisasi perlu mengukur prestasi mereka bagi menilai tahap pencapaiannya untuk satu tempoh yang tertentu. Kaedah pengukuran prestasi yang biasanya digunakan, ialah melalui pengukuran prestasi kewangan. Biasanya, bagi sesebuah organisasi yang berorientasikan keuntungan, pengukuran prestasi dinilai dari untung atau ruginya. Bagi sesebuah organisasi bukan perniagaan pula, pengukuran prestasi kebanyakannya tertumpu kepada pengurusan kewangan, di mana ukuran baik atau buruknya prestasi organisasi diukur dari segi keberkesanannya menggunakan sumber kewangan yang diperuntukkan. Selain dari aspek kewangan, sesetengah organisasi juga, tidak kira sama ada ianya sebuah perniagaan atau pun tidak, turut menggunakan petunjuk-petunjuk operasi sebagai ukuran. Sebagai contoh, petunjuk operasi yang sering digunakan oleh syarikat perniagaan ialah jumlah penjualan (*revenue*), peratusan pasaran yang dikuasainya (*market share*) atau kepuasan hati pelanggan. Bagi organisasi seperti TLDM, petunjuk operasi yang penting dan selalu digunakan ialah seperti peratusan kapal yang beroperasi atau purata jangkamasa baik pulih kapal. Kaedah pengukuran prestasi seperti yang dibincangkan di atas digunakan secara meluas dan amat berguna kepada sesebuah organisasi.

Kenapa Perlu *Balanced Scorecard*?

Dalam menghadapi perubahan dunia yang

semakin kompetitif, kebanyakan organisasi merasakan petunjuk prestasi yang berlandaskan kepada kedudukan kewangan atau petunjuk operasi sahaja tidak memadai. Ini kerana petunjuk-petunjuk tersebut hanyalah satu kesan dari tindakan yang telah berlaku (sejarah) dan tidak banyak membantu sesebuah organisasi menilai apa yang bakal dihadapinya. Organisasi masa kini, disebabkan persaingan yang sengit, perlu petunjuk yang dapat memandu mereka ke tahap yang lebih tinggi di masa hadapan. Menyedari kekurangan ini, Nolan Norton Institute (anak syarikat firma akauntan KPMG) pada awal tahun 1990 telah membentuk satu kumpulan kajian yang terdiri dari ahli akademik dan ahli perniagaan dengan tujuan membangunkan satu sistem pengukuran prestasi yang baru. Dua tahun kemudian, idea dan konsep tersebut dihebahkan melalui jurnal *Harvard Business Review* dan mendapat sambutan positif dari ahli-ahli korporat dan ahli akademik dan beberapa syarikat besar di Amerika Syarikat seperti Analog Devices, Pioneer Petroleum dan sebagainya. Pada tahun 1996, Robert Kaplan dari Harvard University dan David Norton, Ketua Pegawai Eksekutif Nolan Norton Institute telah menerbitkan sebuah buku bertajuk *Translating Strategy Into Action: The Balanced Scorecard* (1996). Walaupun tujuan asal *Balanced Scorecard* (BSC) ialah untuk mewujudkan satu kaedah baru yang menyeluruh untuk mengukur prestasi, namun ianya telah dikembangkan menjadi satu sistem pengurusan baru yang lebih fokus dan seimbang.

Balanced Scorecard—Satu Sistem Pengurusan

BSC merupakan satu sistem pengurusan yang bertujuan untuk menghubungkan visi, misi dan strategi organisasi di peringkat pengurusan atasan kepada objektif dan pelan tindak di peringkat pertengahan dan bawahan di dalam sesebuah organisasi. BSC digunakan sebagai satu penunjuk jalan kepada organisasi ke arah mencapai visi dan misi. Sekiranya kita umpamakan organisasi itu sebagai sebuah kapal yang belayar di lautan lepas, BSC boleh diumpamakan sebagai laluan (*track*) yang dilukis di atas carta oleh Pegawai Navigasi (*Navigator*) untuk memandu kapal ke destinasi yang hendak ditujui. Bagaimanakah beliau mengetahui bahawa kapal berada di laluan yang telah dirancangnya? Bagaimana pula beliau mengetahui bahawa kapal sedang belayar di satu laluan yang selamat dan bebas dari bahaya? Bagi pelayar seperti kebanyakan dari kita, kita tahu bahawa *Navigator* sentiasa sahaja mengesan kedudukan kapal dengan mengambil *fix* menggunakan objek-objek yang boleh dilihat menggunakan kompas atau menggunakan bentuk daratan yang dikesan menggunakan radar. Kini kebanyakan kapal dilengkapi dengan peralatan *Global Positioning System* yang boleh mengesan kedudukan kapal sepanjang masa menggunakan satelit. Kaedah BSC juga memberi tumpuan kepada pengukuran prestasi organisasi, seperti Pegawai Navigasi sentiasa menentukan kedudukan kapal, supaya organisasi sentiasa berada di landasan yang betul ke arah mencapai visi, misi dan objektif yang telah ditetapkan.

Apakah Yang Dimaksudkan Dengan *Balanced Scorecard*?

Ungkapan Inggeris ini kalau diterjemahkan secara terus membawa maksud Kad Markah Yang Seimbang. *Scorecard* bermaksud Kad Markah, seperti anak-anak sekolah di mana setiap kali peperiksaan, prestasi markah peperiksaannya dicatat oleh guru dalam Kad Kemajuan yang perlu ditandatangani oleh ibubapa atau penjaga mereka. *Balanced* bererti seimbang. Maksud seimbang di sini ialah, kaedah pengukuran prestasi yang digunakan tidak hanya fokus kepada satu atau dua perspektif yang biasa digunakan iaitu prestasi kewangan atau prestasi operasi tetapi juga merangkumi dua perspektif yang amat penting iaitu proses dan pembelajaran. Seimbang juga membawa maksud bahawa sistem ini turut mengambil kira perspektif jangka pendek organisasi (melalui pengukuran prestasi kewangan dan keberkesanan operasi) dan perspektif jangka panjang (melalui pengukuran nilai-nilai baru yang dicipta atau diperolehi). Oleh yang demikian, objektif jangka pendek akan dapat diselaraskan serta diimbangkan dengan objektif jangka panjang seterusnya ke arah mencapai misi dan visi organisasi. Ia juga seimbang kerana




bukan sahaja mengukur apa yang telah dihasilkan, tetapi juga mengukur potensi masa hadapan sesebuah organisasi. Selain itu, sistem BSC dapat membantu organisasi mengimbangkan perspektif luaran (seperti perlunya memenuhi kehendak pelanggan dan hubungan baik dengan para pembekal) dan perspektif dalaman (seperti keberkesanan proses kerja atau tahap kualiti sumber manusianya).

KERANGKA ASAS **BALANCED SCORE CARD**

Kaplan dan Norton dalam buku mereka menggariskan 4 perspektif asas dalam sistem BSC iaitu:

1. **Kewangan** atau sumber (*Financial/ Resources*).
2. **Pelanggan** (atau boleh ditafsir sebagai Pihak Yang Berkepentingan (*Customer / Stakeholder*)).
3. **Pembelajaran dan Perkembangan** (*Learning & growth*).
4. **Proses Kerja** (*Enabling/Internal Process*).

Gambarajah 1 di bawah menunjukkan kaitan antara perspektif tersebut. Gambarajah 1 juga menunjukkan sistem BSC bersifat *top-down* (dari atas ke bawah) di mana visi dan misi perlu



Gambarajah 1

ditentukan terlebih dahulu oleh pengurusan atasan sesebuah organisasi. Seterusnya pihak pengurusan atasan perlu menggubal strategi bagi mencapai visi dan misi yang telah ditetapkan. Visi, misi dan strategi seterusnya disalurkan ke segenap lapisan dalam organisasi supaya segala usaha dan aktiviti di setiap peringkat menjurus ke arah mencapai objektif-objektif organisasi yang ditetapkan di peringkat pengurusan atasan.

Merujuk kepada Gambarajah 1, wujud hubungan kait (*linkages*) antara perspektif-perspektif berikut:

1. Proses Kerja ↔ Pelanggan ↔ Kewangan.
2. Proses Kerja ↔ Pembelajaran & Perkembangan ↔ Kewangan.

Oleh yang demikian prestasi setiap perspektif perlu diukur kerana ianya memberi kesan kepada prestasi perspektif lain dan seterusnya memberi kesan terus kepada pencapaian objektif, misi dan visi organisasi.

Bagaimana Pengukuran Prestasi Dilaksanakan?

Dari pernyataan wawasan dan misi, organisasi akan menetapkan objektif-objektif yang perlu

OBJEKTIF STRATEGIK (TEMA STRATEGIK)	Proses Kerja			
	Objektif	Ukuran (KPI)	Sasaran	Pelan Tindak
Perkhidmatan Yang Mesra Pelanggan	1. Perkhidmatan pemeriksaan pesakit luar yang cepat dan efisien	1. Purata waktu pesakit menunggu untuk menerima rawatan	1. Waktu menunggu tidak melebihi 30 minit	1. Memasang sistem pendaftaran dan nombor giliran berkomputer.
		2. Peratus aduan / rungutan / ketidakpuasan hati dari pesakit (kajian kepuasan hati pesakit setiap 3 bulan)	2. Aduan / rungutan / ketidakpuasan hati pelanggan tidak melebihi 5%	2. Menyediakan ruang menunggu yang menarik selesa dan selesa.

Contoh *Scorecard*: Perspektif Proses Kerja

dicapai. Dalam sistem BSC, setiap perspektif mempunyai beberapa objektif. Setiap objektif ini pula perlu ditetapkan sasaran yang ingin dicapai dan diukur berdasarkan Penunjuk Prestasi Utama (*Key Performance Indicator - KPI*). Carta di atas ialah satu contoh kad Markah (*Scorecard*) untuk perspektif Proses Kerja sebuah klinik.

Pelaksanaan **Balanced Scorecard** Dalam TLDM

Pengurusan atasan TLDM sentiasa prihatin dengan pencapaian prestasi berkualiti tinggi demi mencapai visi, misi dan objektif TLDM. Ini memerlukan satu sistem pengukuran prestasi yang sistematik dan bersifat strategik seperti BSC. Pelaksanaan BSC mula dilaksanakan di dalam TLDM pada 15 Disember 2003 melalui arahan di Memo Am TLDM No. 10/2003. TLDM sekali lagi melakar sejarah sebagai agensi kerajaan pertama mengimplementasi BSC apabila ia dilancarkan secara rasmi pada 11 Februari 2004 oleh YB Datuk Hj Mohd Shafie bin Hj Apdal,

Timbalan Menteri Pertahanan ketika itu. Sebagai permulaan, pengimplementasian BSC melibatkan

Markas Tentera Laut dan markas-markas formasi. BSC apabila diimplementasikan nanti akan diintegrasikan dalam sistem TLDMNet. BSC dijangka akan diimplementasikan sepenuhnya mulai Julai 2005.

Mengapa Kita Perlu Terlibat?

BSC tidak akan dapat dilaksanakan dengan baik tanpa penglibatan dan sokongan setiap lapisan warga TLDM. Konsep asas BSC sebagai alat penghubung (*communication tool*) antara Pengurusan Atasan dengan semua peringkat warga TLDM perlu dihayati dan difahami dengan jelas. Ini penting supaya visi, misi dan objektif TLDM seperti yang digariskan dapat dicapai melalui satu pelan tindak yang bersepadu (*concerted effort*) di semua peringkat. Artikel ini hanyalah satu dari langkah awal ke arah meningkatkan kefahaman dan pengetahuan kita mengenai BSC. Insyaallah, artikel selanjutnya menyusul dikeluarkan akan datang bagi menerangkan lebih lanjut mengenai subjek ini dan kemajuan pelaksanaan BSC dalam TLDM. **S**

Rujukan: Kaplan, S. Robert dan Norton, P. David (1996). *Translating Strategy Into Action: The Balanced Score Card*, Harvard Business School Press, Boston.



LASAGNA DE' NAM

Selera Itali Pikat Naluri



Oleh : **Aboy, PR FOC RMN**

Galley Samudera kali ini sekali lagi menghidangkan masakan lazat yang pastinya membuka selera pembaca. Aroma **Lasagna De' Nam** yang diadaptasi dari masakan Itali benar-benar menyelerakan. Ia cukup sesuai sebagai hidangan minum petang dan makan malam, terutama bagi yang mengamalkan diet..?



bahan-bahan

Sos (Lasagna)

- 250 gram butter
- 200 gram tepung
- 2 liter susu
- 2 helai bay leaf
- Garam

Inti (Gravy)

- 6 ulas bawang putih
- 4 ulas bawang besar
- 300gram tomato paste
- 500 gm daging hancur (minced meat)
- Lada putih (sulah)
- Garam
- 5 helai bay leaf
- 50 gram oregano
- 100 gram thyme
- 400 gram parmesan cheese
- 500 gram mozzarella cheese
- 250 gram lasagna pasta
- Kertas/bekas aluminium

Untuk membuatnya, dua bahagian perlu kita sediakan terlebih dulu iaitu menyiapkan Lasagnanya dahulu dulu dan diikuti dengan intinya (gravy).

Cara membuat Sos (Lasagna)

1. Masukkan 250 gram butter dalam periuk dan panaskan sehingga cair.
2. Masukkan 200 gram tepung dan kacau sehingga sebat.
3. Masukkan 2 liter susu dan 2 helai bay leaf. Biarkan selama 15 minit dan kacau sehingga pekat.
4. Tambah garam secukupnya.

Cara membuat inti (Gravy)

1. Masukkan sedikit butter dan panaskan sehingga cair.
2. Masukkan bawang putih dan bawang besar yang telah dicincang, biarkan seketika sehingga naik bau.
3. Masukkan 500 gram daging hancur, kacau sehingga mendidih dan biarkan sampai air kering sedikit.
4. Masukkan tomato paste dan tambahkan air agar lebih berkuah.
5. Masukkan 50 gram rempah oregano, 100 gram thyme, bersama 5 helai bay leaf.
6. Masukkan lada sulah, biarkan selama 20-30 minit sehingga daging lembut.

Setelah siap, sediakan kertas aluminium yang telah dipotong mengikut kesesuaian saiz kuih yang hendak dibentuk. Setelah itu masukkan inti yang telah siap dimasak kedalam bekas/kertas aluminium. Kemudian lasagna diletakkan di atas inti tadi sebagai lapisan kedua. Letakkan selapis lagi inti di atasnya dan kemudian sapukan atas permukaan inti tadi dengan lasagna pasta berwarna putih. Tabur mozzarella cheese bersama parmesan cheese untuk menambah seri dan kelazatan. Selepas siap menyediakan seberapa banyak yang dikehendaki, masukkan semua kuih yang telah dibuat ke dalam oven dengan suhu antara 180-190 darjah Celsius selama 45 hingga 60 minit. Setelah masak, keluarkan dari oven dan hasilnya pasti tidak akan mengecewakan. Aromanya pasti memukau selera dan tentunya sesiapa yang terhidu akan rasa tak sabar untuk menikmatinya. Ia sangat sesuai untuk hidangan petang, malam dan pada pada majlis-majlis santai. Selamat mencuba.....





BAKAT Laut "Kehilangan" Orang Kuat

Oleh: **Aboy, PR FOC RMN**

Bakatnya cukup terserlah, dengan hasil tangan yang kreatif dan tutur-katanya yang mesra masih bermain-main di ruang ingatan rakan-rakan yang ditinggalkan. Malah, dia cukup lucu. Mampu menggamatkan suasana yang sedia ceria.

Puan Umi Kalsom bt Amri, bukan nama asing yang perlu diperkenalkan lagi. Nama tersohor ini cukup gah di kalangan anggota-anggota Badan Kebajikan Angkatan Tentera (BAKAT) Laut khususnya dan BAKAT Angkatan Tentera amnya. Limpahan anugerah dan kejayaan yang pernah diraih badan itu kebanyakannya adalah hasil idea unik dan perahan keringat beliau yang tidak pernah kenal erti lelah dan putus asa.

'Orang lama' dalam BAKAT (L), Puan Umi Kalsom sememangnya banyak menyimpan kenangan pahit manis dalam 'kariernya' sebagai orang penting di situ. Memulakan nadinya di dalam badan itu pada tahun 1979 iaitu sebaik sahaja disatukan bersama Kepten Saharani bin Hamid TLDM, Puan Umi banyak mengukir kejayaan bagi badan itu di samping curahan idea yang tak pernah putus dalam meningkatkan reputasi BAKAT (L) yang pada ketika itu menggunakan nama PRISTILA (Perkumpulan Isteri-isteri Tentera Laut).

Menjejakkan kaki ke BAKAT (L) Lumut pada 1987, Puan Umi Kalsom meneruskan khidmatnya merancang 'sesuatu' dan menyusun strategi bagi menaikkan pula nama badan itu. Istimewanya,



Memang berbakat!

sesuatu itu tanpa minat dan keikhlasan. Yang penting, jangan ada 'udang di sebalik batu'," ujar beliau yang selesa membahaskan dirinya 'kakak' untuk lebih mesra.

Walaupun usianya telah menjangkau 51 tahun, namun Puan Umi Kalsom masih bertenaga dalam menguruskan kedua-dua tanggungjawab; BAKAT (L) dan keluarga. Hasil perkongsian hidup bersama suaminya, mereka dikurniakan 4 cahayamata, 2 perempuan dan 2 lelaki serta seorang cucu.

Kini beliau beralih angin ke Putrajaya mengikuti suaminya yang ditugaskan di pasukan nukleus Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM).

Sebagai menghargai jasa dan khidmatnya, Puan Umi telah diraikan dalam satu majlis yang cukup meriah oleh ahli-ahli BAKAT (L) Lumut yang turut dihadiri Pengerusi BAKAT (L) Lumut, Datin Noor Asmah pada 30 Mac. Turut diraikan dimajlis tersebut ialah Puan Nazariah bt Hassan Basri, isteri Kdr Ismail bin Abdullah TLDM. **S**



Untuk album... Puan Umi - barisan hadapan, 3 dari kanan

buah tangan beliau memang menjadi!

Buktinya, kejayaan kumpulan Nasyid yang dipimpin beliau acap kali menggondol tempat pertama di peringkat ATM dan kebangsaan. Selain itu, acara kebudayaan yang dikelolakan beliau di mana menampilkan penari-penari berbakat terdiri dari anggota BAKAT (L) sendiri sering memukau hadirin dengan persembahan yang mantap dan begitu menghiburkan. Tidak dinafikan, cetusan idea dan sentuhan Puan Umi Kalsom sememangnya punyai kelainan dan mampu mencuit rasa serta terkesan di hati sesiapa sahaja. Beliau yang menyandang jawatan sebagai Ahli Jawatankuasa Kebudayaan di situ, memainkan peranan penting sebagai tulang belakang badan tersebut.

Ketika ditemubual, Puan Umi menegaskan bahawa apa yang dilakukan semata-mata kerana minat. Walaupun sering terpaksa mengorbankan masa dan tenaga, beliau tetap akur dengan kehendak diri sendiri.

"Bagi kak Umi, apa yang Kak Umi buat, semuanya kerana minat dan Kak Umi tak mahu melakukan



Seperti suami... sama patriotik





What Can Commanding Officer Do To Better His Ship?



Command Insignia

By: **Cdr Chan Peng Cheong RMN** MBA (UM) BBA Hons (UKM)
CO KD MAHAMIRU & Squadron Leader

After taking command of the third ship in my naval career, allow me to share some of my experiences and what I believe is important as a Commanding Officer. The responsibility is heavy but the rewards that become embedded in our life are priceless. It is difficult to understand command until we have

success at all levels. We have to maintain a positive attitude to everything we do. Although we may be tasked with matters that we do not like and agree with, a positive attitude will help us to make them more pleasant and even fun.

The ship's company is our greatest asset. We cannot achieve full mission capable without the total commitment of our sailors onboard. Work

always take care of our sailors and in return they will take care of us. Treat each other with mutual respect and ensure we communicate effectively.

We must always give our best effort and never give up. We have to do our homework for every evolution and plan for contingencies. As the saying goes, "if we fail to plan then we plan to fail". Winning in any endeavor requires intensive

"The Commanding Officer can make things happen and he can also make things not to happen to his ship."

*Vice Admiral Datuk Ramlan bin Mohamed Ali
Fleet Operation Commander RMN*

had it. Over time I have managed to gather some general truths that I find necessary in coping with the challenges we face daily onboard naval ships.

As a Commanding Officer, we have to continually strive to promote a focused environment that is conducive to teamwork and

together as a team and always be open to new ideas. Everyone is indispensable and everyone plays an important role in our success. For that matter, we are in charge in providing the ship's company with adequate tools, training and opportunity to do their jobs better. We must

training. For that matter do not be passive about training and must strive for continuous improvement. Take ownership of what we do. If we are responsible to get something done, make it happen professionally.

We cannot accept sub-standard appearance or

conduct. No one is forced to join the navy and for that matter everyone must perform his best. In every instance where the Command accepts a low standard of performance, he validates a sense of what is "good enough". He simultaneously surrenders to a lower standard without hope of improvement. Achievement of high standards must come together with commitment by the Command to honour the level of effort expended by our sailors. In an inspection, if we only provide a cursory look at a sailor's effort, the next time, he will only do that work which is commensurate with a cursory inspection. This is not a measure of laziness on their part, rather, it is recognition of what value we place on their effort. If things in our area of responsibility are becoming slovenly and showing no attention to detail, first we have to ask ourselves, if we as the Command are the cause.

Our daily actions should be born out of integrity, honour, respect, courage, loyalty, accountability and commitment. Equipment and systems are categorized by capabilities. We are most often measured and remembered by our character. We should not be complacent and take things for granted with regards to safety of our sailors especially while performing our task at sea. Every one of us is a safety observer. If it doesn't



look or feel right, we must say something as we may save a life. Certain practices that are carried out "wrong enough" for "long enough", they become "right" and acceptable generally. As a Command, we must correct the situation even though it may be unpopular to fix the problem on the spot. Instilling moral courage in our sailors is the most important way we can develop them and get rid of their attitude of "it's only wrong if you get caught".

The level of knowledge is what permits us to recognize when something is wrong and to make a correct decision when something is not covered by a procedure. Knowing more than the minimum we think we must know breeds confidence and the ability to handle the unknown. All in all, we must "know our stuff" and "do it by the book"!

The cleanliness of our ship is a primary measure taken by a visitor. There has never been a good dirty ship. Cleanliness is a necessary ingredient



Not just ship handling skills

for a happy ship. There is no reason why we cannot keep an older ship clean. Having a clean ship requires a strong inspection program routinely. Know what to look for and "pick up". Care about what we see, and never "close one eye" or walk past something that is wrong. Find all ways of keeping our ship clean. We want our ship to look good, but never paint over rust.

Our goals and objectives must always be at the forefront of our thoughts. The capability to perform our mission and be the best will be achieved by our commitment to excellence. We want our ship to be most mission capable at sea as measured by any standard. We must strive for accident free and safe operations with no mishaps as the equipment and personnel onboard are too valuable to waste.

The bottom line is never losing sight of why we are here. We are assigned to command a warship. For that honour, we must always be

prepared to go in whatever way, which requires us to be mission capable. This will often mean that wife and family will have to take a secondary role to the mission.

If we do our jobs faithfully, we will contribute to making our ship better. It is imperative that we know our sailors, our equipment and ourselves. Develop the skills to optimally employ them at sea. Most importantly, combine that expertise with a great attitude. It may mean the difference between success and failure at sea.

The Command has got no fixed watch and no time set aside to relax or even to sleep. Thus, we must be able to delegate and willing to accept the responsibility for the failure of our subordinates. **Authority can be delegated but responsibility cannot.** We have to be strong, calm and wonderfully dependable. We as Commanding Officers want a ship of which we can be enormously proud. **S**



Safety First!



PENGENALAN

Sistem Divisyen/Bahagian adalah satu sistem pengurusan sumber tenaga manusia unik yang diamalkan oleh kebanyakan organisasi tentera laut di seluruh dunia, termasuk Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM). Tradisi mempraktikkan amalan Sistem Divisyen ini merupakan kesinambungan daripada asal usul penubuhan TLDM yang berhubung rapat dengan organisasi Tentera Laut Diraja British. Menurut perspektif sejarah, sistem ini bermula seawal tahun 1755 apabila Vice Admiral Thomas Smith dari Tentera Laut Diraja British mengutarakan cadangan; melalui arahan kepada semua pegawai kapal-kapal di bawah pemerintahannya; mewujudkan satu sistem pembahagian anak-anak kapal kepada kumpulan-kumpulan kecil

hampir kesemua organisasi tentera laut di seluruh dunia telah mengadaptasi penggunaan sistem pengurusan sumber manusia ini sama ada di kapal mahupun di pangkalan.

TLDM mengguna pakai sistem ini bertujuan untuk menjamin kesejahteraan, memberi keselesaan, kebahagiaan dan kesenangan kepada semua anggotanya. Ia juga diyakini dapat menjamin kebajikan anggota, urusan karier mereka dan mewujudkan perhubungan baik di antara seseorang Pegawai Bahagian dengan anggota-anggota di bawah kawalannya. Melalui Sistem Divisyen ini, anggota-anggota TLDM dapat mencurahkan semua masalah, rasmi dan peribadi, untuk mendapat bantuan serta bimbingan dari pihak berkenaan melalui saluran perkhidmatan yang tepat.

Keunikan sistem ini bukan sahaja terletak pada fakta bahawa ianya hanya diamalkan oleh organisasi tentera laut dan tidak oleh tentera darat atau udara, tetapi keunikan yang paling utama adalah hakikat persamaan konsep praktikalnya dengan amalan kaunseling kelompok secara profesional.

PERBINCANGAN

Secara umum, kelompok bermaksud dua atau lebih individu yang berinteraksi dan mengadakan satu corak hubungan yang stabil, berkongsi matlamat yang sama, dan memperakui keahlian masing-masing. Definisi profesionalnya mentakrifkan kaunseling kelompok sebagai satu proses perhubungan di antara seorang fasilitator dengan beberapa peserta kelompok bertujuan mempelajari dan menggunakan pengalaman tersebut sebagai penggalak perkembangan diri sendiri. Fokus matlamat kelompok adalah isu yang berkaitan dengan nilai, perhubungan antara insan, penyelesaian

SISTEM 'DIVISYEN' TLDM & KAUNSELING KELOMPOK: SATU PERBANDINGAN KONSEP

Oleh : **Lt Abu Yazid bin Haji Abu Bakar TLDM** BA Psychology (US)
Pegawai Staf Psikologi & Kaunseling

yang setiap satunya diketuai oleh seorang pegawai digelar Pegawai Bahagian, bertujuan meningkat serta memantau disiplin, mutu pelaksanaan tugas, dan kebajikan anak-anak kapal. Pengenalan awal sistem ini di dalam organisasi Tentera Laut Diraja British didapati telah membawa perubahan yang mendadak di mana layanan terhadap anak-anak kapal menjadi lebih berperi kemanusiaan, keberkesanan pelaksanaan tugas diperbaiki, dan tahap jangkitan penyakit di kalangan anak-anak kapal menurun. Seterusnya,

kepincangan, sikap dan perasaan ahli-ahlinya. Di dalam erti kata lain, kaunseling kelompok merupakan satu sistem sokongan kepada ahli dalam bentuk perkongsian maklumat, pengalaman dan sebagainya bertujuan membantu ahli melihat alternatif-alternatif penyelesaian masalah tanpa berhasrat mengubah diri seseorang ahli.

Perbandingan definisi di antara Sistem Divisyen TLDM dengan amalan kaunseling kelompok ini memperlihatkan persamaan konsep yang amat jelas dari segi matlamat serta objektif asas pembentukan kedua-duanya. Hakikat bahawa salah satu daripada tanggungjawab utama Pegawai Bahagian di dalam sistem Divisyen ini adalah mengendalikan sesi 'Kaunseling Divisyen' bagi membantu serta memberi nasihat terhadap permasalahan peribadi anggota – seperti yang dinyatakan dalam Buku Rujukan TLDM, *Divisional Handbook* – memberi bukti bahawa pembinaan sistem ini adalah berpandukan penerapan nilai dan norma kaunseling kelompok.





Perbandingan konsep secara lebih terperinci di antara kedua-dua sistem menampilkan persamaan ketara di dalam aspek-aspek berikut:

a. Peranan, Tanggungjawab dan Kualiti Fasilitator

Fasilitator di dalam amalan kaunseling kelompok berperanan sebagai 'moderator' untuk mengendalikan sesi serta memastikan tujuan serta matlamat asal penubuhan kelompok tercapai. Justeru, fasilitator harus memainkan peranan untuk menetapkan matlamat serta objektif kelompok, membina kepercayaan serta mewujudkan hubungan yang baik di kalangan ahli. Ciri dan kualiti diri yang perlu ada pada seseorang fasilitator kelompok yang baik merangkumi sikap bersungguh-sungguh, ceria, tabah, bersedia dengan pembelajaran baru, dan adil. Dalam konteks amalan sistem Divisyen TLDM pula, Pegawai dan Bintara Bahagian yang mempunyai fungsi seperti fasilitator kelompok berperanan memberi perangsang kepada setiap anggota, menjadi penyelia kepada semua aktiviti bahagian, memberi nasihat dan membantu anggota menyelesaikan sebarang masalah yang dihadapi, mengambil tahu sebarang aduan dan rungutan anggota bahagian, dan menunjukkan teladan (*role model*) yang baik serta bersikap tegas secara adil semasa mengendalikan hal-hal anggota bahagian. Justeru, dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab yang telah digariskan, mereka perlu mempunyai kualiti diri seperti adil, tekun, mudah didekati, berdiplomasi dan bersimpati, serta berdisiplin tinggi.

b. Fasa Pembinaan

Sesuatu kelompok yang hendak dibina perlu melalui tahap-tahap pembinaan terancang bermula dari awal pembentukan objektif dan matlamat kelompok sehinggalah sesuatu kelompok itu dibubarkan. Peringkat pembinaan sesuatu kelompok dipecahkan kepada enam fasa iaitu pra-pembinaan, awal, transisi, kerjasama, penutup, dan pos-penutup. Keenam-enam fasa

ini diisi dengan kepelbagaian aktiviti melibatkan proses-proses seperti temuduga penyingkiran ahli kelompok, perkenalan dan penyesuaian diri di kalangan ahli, pembinaan norma-norma dan orientasi praktikal kelompok, pembinaan kepercayaan di kalangan ahli, pencapaian tahap kejelekitan di kalangan ahli, penyelesaian serta rumusan, dan susulan serta penilaian. Sistem Divisyen TLDM turut melalui proses pembinaan yang hampir serupa bermula dari hari pertama seseorang anggota menjadi ahli Divisyen. Seseorang Pegawai dan Bintara Bahagian dikehendaki mengenali, memperolehi serta memupuk kepercayaan, dan membina hubungan dengan ahli barunya melalui sesi temuduga yang harus dilakukan secepat mungkin selepas ahli itu melapor diri. Proses ini seterusnya dilanjutkan dengan sesi berkenalan dengan ahli-ahli yang lain, perbincangan mingguan, pengendalian sesi 'Kaunseling Divisyen', dan sebagainya; rutin ini hanya akan berakhir apabila seseorang ahli itu bertukar keluar ke unit lain. Penekanan tinggi terhadap nilai perhubungan di antara Pegawai dan Bintara Bahagian dengan ahli-ahlinya di dalam sebarang pelaksanaan aktiviti-aktiviti Divisyen memperlihatkan persamaan matlamat dengan peringkat-peringkat amalan kaunseling kelompok.

c. Saiz

Di dalam amalan kaunseling kelompok, saiz kelompok yang ideal bagi komposisi ahli yang terdiri daripada golongan remaja dan dewasa ditetapkan di antara 7 hingga 10 orang. Sistem Divisyen TLDM pula, walaupun tidak menetapkan jumlah keanggotaan sesuatu bahagian secara jelas (ia bergantung kepada kekuatan keanggotaan sesuatu unit itu secara keseluruhan), tetap berusaha mengawal agar keanggotaan sesuatu bahagian itu tidak menjadi terlalu besar sehingga menimbulkan kesukaran kepada seseorang Pegawai Bahagian untuk mengenali anggotanya secara rapat dan akrab. Penetapan saiz bersesuaian bagi kedua-dua

sistem ini adalah bertujuan menjamin pengendalian yang berkesan kerana fasilitator berupaya memberi perhatian dan penumpuan terhadap setiap ahli di dalam sesuatu aktiviti. Walaupun berbeza dari segi kuantiti yang ditetapkan, rasional kepada penetapan tersebut masih dilihat sama dan selari di antara kaunseling kelompok dan sistem Divisyen TLDM.

KESIMPULAN

Sistem Divisyen TLDM telah menyediakan asas yang baik – berlandaskan pendekatan amalan kaunseling kelompok – untuk pengurusan sumber tenaga manusianya. Sistem ini, walaupun tidak bermodelkan kaunseling kelompok secara seratus peratus, telah menetapkan prosedur penjagaan kebajikan serta kesejahteraan anggota yang sejajar dengan prinsip dan amalan praktikal kaunseling kelompok. Pelaksanaan kaunseling kelompok yang sempurna mampu menimbulkan perasaan kekitaan di kalangan ahli, di samping menerbitkan nilai kejelekitan – kekuatan hasrat ahli-ahli sesuatu kelompok untuk kekal bersatu di dalam kelompok ataupun perasaan serta semangat memunyai, kesamaan, dan kesatuan. Sistem Divisyen TLDM juga berperanan menerapkan nilai dan semangat yang sama menerusi penekanan semangat *esprit de corps* (setiakawan sepasukan) di kalangan anggota. Jelasnya, hala tuju, matlamat dan hasil yang diharapkan dari kedua-dua sistem ini adalah hampir serupa.

Namun, apa yang sering diperkatakan kini adalah mengenai kegagalan sistem Divisyen TLDM ini berfungsi dengan sempurna. Persoalannya, bagaimana sistem yang telah dibuktikan berjaya lebih dua abad yang lalu, yang dibina berteraskan model kaunseling dan berpaksikan teori-teori kemanusiaan boleh dikatakan gagal mencapai matlamat yang ditetapkan organisasi? Pelbagai faktor dan kemungkinan boleh diteroka bagi mencari di mana silapnya.....S



BMW Royal Langkawi International Regatta 2004

Oleh: LK TLR Shuhaimi bin Saidin - PR MPL

BMW Royal Langkawi International Regatta 2004 berlangsung di Kelab Perahu Layar Diraja Langkawi mulai 1 hingga 6 Mac 2004. Kejohanan ini mempertandingkan 8 kategori merangkumi Premier Racing & Cruising, Sports Boat, Multihull Racing & Cruising, Club Cruising, Cruising Live Aboard dan Classic. Kejohanan ini disertai oleh lebih 700 pelayar dari pelbagai negara termasuk Brunei, Thailand, Singapura dan Malaysia.



JUARA! Bukan sekadar mengambil bahagian

Antara yang mewakili Malaysia dalam kejohanan ini adalah Kelab Perahu Layar TLDM (RMNYC) iaitu KDP 1 yang dianggotai oleh Lt Malik, Lt Hamdan, PW II Mior Salim, BM Zainal, BM Razman, Rahim Mat Zan (bekas pelayar optimis negara) dan KDP 2 yang dianggotai oleh LK Mohamed Fauzi, LK Norisham, LK Khairul, LK I Shamsudin, LK I Pradit Buntong serta Nik Asyraf Thaqid juga bekas pelayar optimis negara.

KDP 1 dan KDP 2 menyertai perlumbaan ini dalam kategori *Sports Boats* di mana KDP 1 telah memenangi tempat kedua dalam perlumbaan pertama, tempat kedua dalam perlumbaan ketiga dan tempat pertama dalam perlumbaan keempat. KDP 2 pula telah memenangi tempat pertama dalam perlumbaan ketiga dan tempat ketiga dalam perlumbaan keempat. Untuk pemenang keseluruhan dan memenangi Piala Sports Racing, KDP1 telah berjaya merangkul tempat pertama dan KDP 2 tempat ketiga. Syabas diucapkan kepada krew KDP 1 dan KDP 2.

Acara penutup telah di sempurnakan oleh YAM Tuanku Tan Sri Abdullah Ibnu Almarhum Tuanku Abdul Rahman (*Chairman & Commodore RLYC*) dengan dihadiri oleh Panglima Tentera Laut. **S**





Flying into the
Future

AGUSTAWESTLAND



*Congratulations to the
Royal Malaysian Navy
on its 70th Anniversary*

Sejenak Bersama PEGAWAI WAREN TLDM...

Oleh: LK 1 KNA Che Alang bin Che Latiff

Suaranya bagaikan halilintar membelah bumi. Derap langkahnya teratur memecah sunyi. Diukurnya setiap inci padang kawat dengan rasa gah. Pelatih gundah menanti waktu keringat akan diperah... "BARIS!.....BARIIS SEDIA!!". Inilah antara senario yang sering dilalui oleh seseorang *Raja Padang Kawat*. Kehadirannya pasti membangkitkan rasa cemas dan gentar setiap pelatih, kerana di bawah terik mentari inilah mereka semua akan 'dikerjakan'. Keringat mereka semua akan diperah dengan setiap arahan dan gerakan yang mesti diikuti. "...BERGERAK KE KIRI BERTIGA-TIGA! ...KE KIRI!!! PUSING!!". Itulah juga suasana yang perlu dilaluinya saban hari dalam mengendalikan para pelatih yang datang menyerah...

Tegas, bersuara lantang, segar, berkarisma dan kreatif adalah sebahagian sifat yang dimiliki oleh personaliti Samudera kali ini, Pegawai Waren Tentera Laut Diraja

Malaysia (PWTLD), dan Jurulatih Persenjaan (PW PPP (GI)) Ibrahim bin Mohd Zaini. Beliau yang kini bertugas di Bahagian Istiadat dan Protokol Markas Tentera Laut dilantik oleh Panglima Tentera Laut sebagai Pegawai Waren TLDM, jawatan tertinggi di dalam struktur anggota Lain-lain Pangkat (LLP) TLDM. Jawatan ini juga dikenali sebagai Regimental Sergeant Major (RSM), sama seperti yang dipraktikkan oleh Tentera Darat dan Udara. Pelantikan beliau juga telah mengembalikan kesinambungan serta memartabatkan anggota LLP setelah lebih 14 tahun jawatan ini tidak diisi.

Beliau yang dilahirkan pada 21 Julai 1959 telah mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Durian Tipus, Jekebu, Negri Sembilan. Sejak dibangku sekolah lagi, minatnya terhadap pasukan beruniform

tidak pernah padam. Minat jugalah yang telah mendorong beliau menghadiri pemilihan untuk menyertai TLDM pada tahun 1979 dan terpilih untuk menjalani latihan rekrut di Sembawang selama 6 bulan. Setelah tamat latihannya, beliau telah diperjawatkan di KD LANGKAWI sebagai seorang anggota kelas berkepakaran Peperangan Paras Permukaan (PPP). Selain menjalankan tugas dikawal sebagai Anggota Dalam Latihan (OJT), beliau terpilih menyertai pasukan khas bagi misi penandaan sempadan Terumbu Layang-Layang yang menjadi rebutan beberapa negara ketika itu.

Sebagai seorang yang berwawasan, beliau tidak pernah menoleh ke belakang. Kecenderungan pada kerja yang mencabar timbul selepas mengikuti kursus Lasykar Kelas 1 PPP, di mana beliau telah menanam cita-cita untuk menjadi seorang Jurulatih Persenjaan. Tahun 1994 mencatat detik gemilang baginya kerana dipilih mengikuti kursus Jurulatih Kawat dan Persenjaan di Pakistan Naval Ship (PNS) Bahador, Pakistan selama 9 bulan. Berbagai pengalaman ditimba selama di sana dan berkat usaha serta kegigihan, beliau lulus dengan cemerlang dan seterusnya diperjawatkan di Sekolah Jurulatih Kawat dan Persenjaan, KD PELANDOK bagi melatih anggota baru dalam bidang kawat dan persenjaan.

Bekas penuntut Sekolah Menengah Kebangsaan Teriang Hilir ini pernah berkhidmat di beberapa unit antaranya di Pusat Latihan Rekrut (PULAREK), KD SRI INDERA SAKTI, Markas Wilayah Laut 2 - Labuan dan Markas Bantuan TLDM. Beliau kini bertugas di Cawangan Istiadat dan Protokol, Markas Tentera Laut sejak 1999. Keupayaan beliau begitu terserlah kerana berjaya memikul pelbagai tanggungjawab yang cukup besar. Beliau juga telah terlibat sama mengendalikan beberapa upacara istiadat besar seperti Perbarisan Diraja, Pentauliah Panji-Panji TLDM, Istiadat Pengkebumian Diraja dan Perbarisan Hari ATM. Di atas khidmat cemerlangnya, beliau telah dikurniakan pingat dan darjah kebesaran antaranya pingat Bintang Angkatan Tentera (BAT), pingat Jasa Kebaktian (PJK) dan pingat Ahli Mangku Negara (AMN).

Beliau yang telah berkawin dan mempunyai 4 cahayamata mengakui tiada yang mustahil untuk



Hari bersejarah...

dicapai dalam hidup. "Di mana ada kemahuan pasti di situ ada jalan" pesan PW Ibrahim. Semangat untuk menabur jasa dan bakti semakin berkobar setelah beliau dilantik sebagai Pegawai Waren TLDM baru-baru ini. Dengan perantaraan ini bidang tugas beliau semakin meluas dan mencabar yang antara lain merangkumi:

- Bertindak sebagai penasihat PTL dalam segala polisi yang sedia ada atau yang akan dicadangkan.
- Menganggotai pasukan audit tahunan Inspektorat Jeneral (IJ) dan memastikan ianya berjalan lancar.
- Bertindak sebagai ketua dan penasihat kepada semua jurulatih kawad dan persenjaan TLDM.
- Bertindak sebagai penasihat kepada Panglima Tentera Laut dalam susunan acara istiadat/perbarisan rasmi TLDM.
- Bertindak sebagai Pegawai Waren Perbarisan hari ATM, di bawah anjuran TLDM.

Bagi beliau yang telah melalui liku-liku kehidupan TLDM hampir suku abad sehingga dilantik sebagai Pegawai Waren TLDM, beliau amat berterima kasih atas kepercayaan yang diberikan kepadanya. Tegasnya, pelantikan ini merupakan satu pengiktirafan kepada seluruh anggota LLP TLDM. Harapan beliau ialah supaya setiap anggota dapat melaksanakan kerja dengan jujur serta terus mengejar kecemerlangan selaras dengan hasrat dan wawasan TLDM untuk menjadi tentera laut yang berkualiti. **S**

Kursus Jurulatih Kawat dan Persenjaan di Pakistan



Regimental Sergeant Major Darat, Laut & Udara



Penembak TLDM Kebanggaan Negara

Oleh: **BK PBS (I) Sabaruddin bin Abas**

Sebutir Bintang Bergemerlapan... Bak mutiara berkilauan di dasar lautan. Itulah ungkapan yang layak diberikan kepada Laskar Kanan HDI Mohd Emran bin Zakaria, penembak handalan TLDM, ATM dan negara. Siapa menyangka bahawa anak jati Kg Simpang Tiga, Pengkalan Chepa, Kelantan ini dapat menapak begitu jauh dalam sukan menembak. Dilahirkan 29 tahun lalu, bakat beliau sebenarnya telah dikesan sejak kecil lagi. Arwah datuknya, Muhammad Yusof adalah insan yang mencetus semangat beliau ke arah menempa kegemilangan dalam sukan menembak. Menurut pemegang rekod kebangsaan acara raifel angin dan tiga posisi ini, permainan sewaktu kecilnya adalah senapang. Arwah

datuknya tak pernah jemu membuatkan senapang kayu baru jika patah. Datuknya tahu itulah satu-satunya permainan kegemaran cucunya itu.

Lasykar Kanan Hidrografi (LK HDI) Emran yang menyertai TLDM sejak 1994 kini bertugas di Bahagian Sumber Manusia, Marks Tentera Laut

memberitahu, penglibatan rasmi beliau sebenarnya telah bermula 13 tahun yang

Untukmu Malaysia. 2 Pingat Perak - Sukan Komanwel 98'

lalu. Detik permulaan untuknya ialah apabila beberapa pegawai Majlis Sukan Negara (MSN) dan Majlis Sukan Kelantan (MSK) datang ke kelasnya di Sekolah Menengah Pengkalan Chepa mencari bakat baru. Bapa kepada 2 orang anak ini telah memberanikan diri mengangkat tangan untuk turut serta dalam pemilihan dan akhirnya berjaya. Setelah terpilih, beliau mengikuti program khas dan menjalani latihan di bawah kelolaan MSK dan seterusnya dipilih mewakili Kelantan.

Selepas itu, semuanya menjadi catatan sejarah. Satu-persatu pingat dimenangi hasil bidikan cemerlang beliau. Bermula dengan kejohanan menembak di peringkat TLDM, ATM, Sirkuit Kebangsaan dan antarabangsa. Kejayaan paling membanggakan apabila berjaya menyumbang 2 pingat perak dalam sukan Komanwel Kuala Lumpur 1998. Selain itu, beliau pernah memenangi pingat emas di Kejohanan Menembak Komanwel di New Zealand, Asia Tenggara selain beberapa pingat perak serta gangsa di Sukan SEA. Kecemerlangannya dalam sukan menembak terbukti apabila berjaya melayakkan



Menerima Pingat Pangkuan Negara dari SPB YDP Agong

diri ke Kejohanan Dunia 5 tahun berturut-turut mulai 1998.

Anak sulung dari 3 beradik ini bukan saja cemerlang dalam bidang sukan. Beliau juga memiliki kelulusan Diploma Sains Sukan dari UiTM. Kegemilangan prestasinya turut melayakkan beliau dikurniakan dengan pelbagai anugerah kecemerlangan sukan, antaranya ialah; Olahragawan TLDM 4 tahun berturut-turut (1999- 2002) serta Olahragawan ATM dan UiTM bagi tahun 2000 dan 2002. Selain itu, beliau juga pernah dicalonkan untuk anugerah Olahragawan Kebangsaan. Kejayaan yang dikecapi hari ini, adalah hasil komitmen dan usaha gigih beliau selama ini di samping dorongan kuat arwah datuknya. Beliau juga mendapat sokongan dan galakan yang jitu dari Kementerian Pertahanan khususnya TLDM dan ATM. Menurut beliau yang kini berlatih di bawah projek gemilang 2006; Sukan Asia dan Sukan Komanwel, tanpa sokongan kuat dari Panglima Tentera Laut serta beberapa pegawai Kanan TLDM antaranya Kept Ahmad Kamarulzaman, beliau tidak mungkin dapat melangkah sejauh ini.

Untuk masa depan, beliau bercita-cita untuk mengharumkan nama negara di peringkat lebih tinggi seperti Kejohanan Olimpik. Kegagalan yang lalu hanya menguatkan lagi azam beliau bagi melengkapkan koleksi kejayaan yang telah dicapai. Selain itu, beliau juga berhasrat untuk menaikkan martabat ATM dan TLDM dalam melahirkan lebih ramai bakat-bakat baru dalam sukan menembak ini. Seiring dengan matlamat dan iltizam, beliau mempelawa kepada semua anggota yang berminat untuk menceburi bidang ini tampil kehadapan dan menyahut cabaran dalam usaha mengharumkan nama negara dan ATM, ujarnya mengakhiri perbualan. **S**



Bersama Chief-de-Mission, Datuk Khalid Yunus



Kepulangan Semula Kombo Gelombang Biru Semakin Rancak

Oleh: Aboy, PR FOC RMN

Gelaran 'Juara TV 1978' dijadikan jalan rintis bagi Kombo Gelombang Biru mengorak langkah lebih jauh di bidang seni. Di awal 80-an, kumpulan ini cukup popular di kalangan peminat seni tanahair apatah lagi ianya seangkatan pemuzik yang sedang mengukir nama ketika itu seperti Alleycats, Carefree dan Black Dog Bone.

Menyingkap sejarah, kumpulan ini ditubuhkan oleh lapan anggota Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) pada tahun 1978 dan istimewanya mereka sempat merakamkan sebuah album berjudul *Kami Belayar Jauh* pada tahun 1984. Sejak penubuhannya, pelbagai kejayaan telah diraih kumpulan ini dan tidak keterlaluan jika dikatakan Kombo Gelombang Biru berjaya mengangkat nama TLDM di mata masyarakat ketika itu. Namun, nasib dan populariti tidak menyebelahi kumpulan berbakat ini. Ini mungkin disebabkan kurangnya promosi terhadap album pertama mereka walaupun lebih separuh dari lagu yang dihidangkan di dalam album tersebut menjadi siulan ramai.

Seakan berkubur, nama Kombo Gelombang Biru semakin dilupakan walaupun ianya masih aktif memenuhi undangan di majlis-majlis keramaian samada melibatkan pasukan TLDM mahupun agensi luar. Realitinya, kumpulan kecil berbakat besar

ini masih lagi bertahan walaupun ahlinya sentiasa bertukar ganti. Keadaan itu terpaksa dihadapi kerana ahlinya perlu menarik diri apabila bersara dari TLDM.

Walaupun masalah kerap bertukar anggota seakan 'selumbar' bagi Kombo Gelombang Biru dalam usaha meraih tempat di hati peminat seni suara

masa kini, namun kesungguhan anggota baru yang dipimpin beberapa muka lama membawa sinar baru dalam melonjak kembali nama kumpulan ini di persada seni.

Mengekalkan nama Gelombang Biru sebagai 'trademark' bagi kombo ini, ia yang kini dianggotai seramai 14 anggota gabungan pelbagai kepakaran seperti Pancaragam, Teknisyen, *Steward*, Bendari (Tukang Masak) dan Teknisyen Stor ini berjaya menggilap semula bintang yang sedikit suram beberapa ketika lalu. Malah kalau sedikit masa lalu ia hanya bertapak di hati peminat-peminat veteran, kini wajah baru yang diberi nafas baru ini sudah mampu menambat hati peminat berbilang usia. Lebih dari itu, kumpulan ini cukup sinonim dengan persembahan yang melibatkan orang kenamaan serta persembahan DiRaja.


Antara keistimewaan Kombo Gelombang Biru ialah kebolehan mendendangkan lagu dalam pelbagai bahasa dan rentak seperti lagu Melayu, Inggeris, Cina, Jepun, Hindustan dan sebagainya. Lagu-lagu yang dinyanyikan menepati citarasa semua peringkat umur, tua ataupun muda bergantung kepada kesesuaian majlis atau lokasinya.

Kepelbagaian konsep yang dibawa Kombo Gelombang Biru juga merupakan kelebihan dan keistimewaan kerana ia memudahkan mereka menyesuaikan persembahan dengan majlis. Selain itu, Kombo



Ahli terkini...

Kenangan..
Kulit Album pertama





Gelombang Biru juga sering diberi kepercayaan mengiringi persembahan penyanyi popular tanahair. Antaranya ialah Siti Nurhaliza, Jeffridin, L Ramli, N D Lala, Yusni Hamid, Maya, Eisha dan ramai lagi (sekadar menyebut beberapa nama).

Bagi kumpulan muzik berbakat ini, peluang yang diberikan kepada mereka adalah satu penghormatan yang besar dan cukup bermakna. Menurut Laskar Kanan Pancaragam (LK PGM) Abd Rahman bin Abd Malik, anggota paling lama bersama Kombo Gelombang Biru, peluang mengiringi artis popular tanahair sememangnya satu pengiktirafan yang tidak boleh dipandang sebelah mata. Baginya, bukan senang pihak pengurusan artis meletakkan kepercayaan kepada sesebuah kumpulan muzik untuk mengiringi artis naungan mereka, lebih-lebih lagi jika artis itu popular dan ternama. Lebih berat lagi sekiranya majlis tersebut melibatkan tetamu kenamaan.

"Susah hendak memuaskankan hati semua pihak sebenarnya kerana mereka mempunyai idea macam-macam dan tanggapan tersendiri. Citarasa pun tak sama. Kami inginkan persembahan yang terbaik dan sentiasa berusaha ke arah itu." Jelasnya lagi. Beliau kini masih di dalam proses untuk diserapkan semula ke kombo tersebut melalui Pasukan Simpanan Sukarela TLDM (PSSTLDM) setelah menamatkan perkhidmatan dua tahun lalu. Beliau yang cukup berpengalaman merupakan tulang belakang kumpulan tersebut. Susunan dan kesesuaian lagu untuk sesebuah pertunjukan adalah keistimewaan beliau.

Mungkin ramai yang menganggap hari-hari yang dilalui anggota kombo ini hanya bersisa di dalam studio sahaja, namun aktiviti mereka tidak terbatas sekadar itu. Di samping membuat latihan harian, mereka turut melakukan aktiviti sukan secara intensif dan riadah berkumpulan untuk mengekalkan stamina serta memastikan kesihatan mereka di tahap yang baik. Ini kerana kebiasaannya sesuatu persembahan memakan masa yang panjang (sekurang-kurangnya empat jam tanpa henti) dengan sekurang-kurangnya 40 buah lagu untuk didendangkan.

Bagaikan 'mati hidup semula', kini Kombo Gelombang Biru semakin laris memenuhi undangan bagi pertunjukan pentas. Tidak lagi mahu berpeluk tubuh sahaja, mereka semakin rancak mengatur strategi bagi memastikan kejayaan yang pernah diukir generasi pertama akan berulang lagi dengan penampilan yang lebih menyakinkan. Lebih dari itu, mereka ingin membuat 'kepulangan' semula kombo ini di dalam industri muzik, lebih bermakna dengan melahirkan album kedua sebagai kesinambungan album pertama yang memuatkan lagu-lagu Blues, Pop, Slow Rock, Cha Cha, Latin, Dangdut serta pelbagai rentak yang pernah mempopularkan kumpulan ini sedikit masa lalu.

Bagi mereka yang berminat untuk menjemput Kombo Gelombang Biru membuat persembahan, sila berhubung terus ke pasukan ini di talian 05-6803150. **S**



Kenangan... Bersama Jefri Din



Senada seirama



Di studio Gelombang Biru



Pose A-Go-Go...

"Tribute" Sidang Redaksi Samudera



Kept Ahmad Kamarulzaman
bin Hj Ahmad Badaruddin TLDM



Lt Kdr Fadhil bin Abdul Rahman TLDM



Lt Rosdi bin Mohamad TLDM



Lt Karimah binti Awi TLDM



Lt Kamaruzaman bin Ahmad TLDM



Lt Masliza binti Maaris TLDM



Lt Nurkahayu @ Nurfatimah
binti Khalid TLDM



Lt Rosilawati binti Mamat TLDM



BK PBS (I) Sabaruddin bin Abas



LK 1 KNA Che Alang bin Che Latiff



LK 1 KNA Iswardi bin Rashidi




LK 1 KNA Halimahton
Sa'adiah binti Kamsani



LK 1 RGR Azza binti Alwee



LK 1 RGR Normahaily binti
Mohd Nor (ABOY)



Pemenang Siri 3/2003!!!

Tahniah kepada para pemenang bagi
Silangkata **SAMUDERA** Siri 3/2003.

Baucer Penginapan 3 Hari/2 Malam

1. Aiza Salwa binti Hj. Alwi
Sungai Petani, Kedah

Pemenang Saguhati

2. Syarifah Hanim binti Syed Bab
Kuantan, Pahang
3. Noorsham bin Mustaffa
Seremban, Negeri Sembilan
4. Mohd Salleh bin Mat
Lumut, Perak

Merealisasikan Sijil Kemahiran Malaysia Peranan dan Kepentingan kepada Warga TLDM

oleh: PW 1 TLR Kamarudin bin Abu Samah - MTL-Sumber Manusia (Pembangunan)

Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK) yang bernaung di bawah Kementerian Sumber Manusia telah ditubuhkan pada Mei 1989. Penubuhan MLVK ini ialah bagi merumus, menggalak dan menyelaras strategi dan program latihan vokasional dan perindustrian sejajar dengan perkembangan dan pembangunan ekonomi negara. Objektif utama penubuhan MLVK ialah:

- Mewujudkan satu sistem penyelarasan latihan vokasional dan perindustrian yang menyeluruh dan bersesuaian dengan strategi dan objektif pembangunan teknologi.
- Menentukan pencapaian tahap kemahiran seimbang dengan tahap kemajuan teknologi.
- Menyediakan rancangan bagi menggunakan sepenuhnya potensi latihan di loji loji syarikat, pusat latihan dalam Angkatan Tentera Malaysia dan institusi-institusi latihan awam.

Bagi merealisasikan objektif ini, MLVK memainkan peranan aktif di dalam menyediakan tenaga mahir yang trampil dan berkualiti bagi menampung keperluan industri menerusi Persijilan Kemahiran Malaysia atau lebih dikenali sebagai Sijil Kemahiran Malaysia (SKM). Konsep pelaksanaan persijilan ini berasaskan kepada penilaian prestasi yang memerlukan seseorang calon mencapai taraf 'Trampil' bagi setiap tugas yang diberi. Konsep latihan kemahiran ini telah diguna pakai di kebanyakan negara-negara industri seperti England, Sweden, German, Amerika dan Kanada. Menerusi latihan kemahiran ini, MLVK akan mengiktiraf dan mengeluarkan sijil yang dibahagikan kepada 4 kategori, iaitu SKM Tahap 1, 2 dan 3, Diploma Kemahiran Malaysia dan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia.

Sejajar dengan perkembangan ini, Angkatan

Tentera Malaysia (ATM) menerusi Markas ATM turut mengambil peranan aktif di dalam mendapatkan pengiktirafan untuk pelbagai bidang kemahiran yang diberikan kepada anggotanya. Di antara kemahiran yang diberi perhatian utama ialah bidang ICT. Kursus yang dianjurkan bersama MLVK termasuklah Pembantu Juruteknik Sistem Komputer, Pembantu Tadbir Sistem Maklumat, Artis Multimedia Animasi dan Artis Multimedia Audio. Jangkamasa kursus di antara 3 hingga 6 bulan.

TLDM menerusi Cawangan Sumber Manusia Markas Tentera Laut dengan kerjasama Markas Pendidikan dan Latihan TLDM (MPL TLDM) tidak ketinggalan dalam menjayakan matlamat ini. Bermula 1995, seramai 3277 anggota TLDM telah mendapat SKM bagi tahap 1 dan 2 di dalam pelbagai bidang kemahiran seperti Penyejuk Bekuan dan Penyaman Udara (Komersial) Tahap 1, Pembantu Penyediaan Makanan dan Pramusaji Tahap 1, Mekanik Pesawat bagi kelengkapan bantuan darat (Avionik) Tahap 2, Mekanik Kenderaan Motor Tahap 1 dan 2.

Program latihan kemahiran ini dijalankan menerusi dua cara iaitu melalui Pusat Bertauliah (PB) dan Pentauliah Pencapaian Terdahulu (PPT). Di antara PB yang aktif ialah MPL TLDM (Fakulti Logistik dan Fakulti Kejuruteraan), KD Rajawali dan Depot Senggaraan Kenderaan TLDM.

Cawangan Sumber Manusia-Pembangunan (SM-Pemb) berperanan di dalam merencana hala tuju ke arah mendapatkan seberapa banyak pengiktirafan dari MLVK bagi pelbagai kursus yang dijalankan di dalam TLDM. Fungsi ini turut dipanjangkan kepada perkara berikut:

- Menilai dan mengkaji senarai Standard Kemahiran Kebangsaan (*National Occupational Skill Standards – NOSS*) yang sesuai dilaksanakan di pusat-pusat latihan dan unit-unit TLDM.
- Memohon kelulusan dari MLVK sebagai Pusat Bertauliah untuk melaksanakan Program Persijilan Kemahiran Malaysia melalui sistem pentauliah bagi bidang-bidang yang telah dikenalpasti bersesuaian dan dapat dilaksanakan di pusat-pusat latihan dan unit-unit berkenaan.
- Merancang dan menyelaras keperluan kursus yang berkaitan dengan pengiktirafan MLVK.
- Merancang program perluasan skop bidang pentauliah dan peningkatan tahap Standard Kemahiran Kebangsaan yang dilaksanakan.
- Bekerjasama dengan pihak MLVK dan agensi berkenaan bagi mengenalpasti dan membangunkan Standard Kemahiran Kebangsaan dalam bidang kemahiran yang diperlukan.
- Bekerjasama dengan MLVK di dalam membuat kajian untuk membangunkan Standard Kemahiran Kebangsaan



berdasarkan trend-kepakaran TLDM yang bersesuaian.

- Mengkaji keperluan dan menyelaras usaha peningkatan peralatan latihan pusat bertauliah TLDM supaya dapat memenuhi kehendak tahap Standard Kemahiran Kebangsaan yang dilaksanakan.

Bagi tahun 2004, SM-Pembangunan berhasrat untuk menjadikan Pusat Selam TLDM, PASKAL dan Sekolah Teknologi Maklumat di MPL TLDM sebagai Pusat Bertauliah baru. Antara program latihan kemahiran yang dirancang ialah Pemandu Selam Skuba Rekreasi Tahap 1, Penyelam Udara Bekalan Pemukaan Tahap 3, Pengawal Peribadi, Pembantu Keselamatan Tahap 1 dan Pembantu Tadbir Sistem Maklumat Tahap 2.

Berdasarkan statistik dan maklumat yang ada di SM-Pemb, ramai di kalangan warga TLDM, pegawai atau LLP, telah didedahkan dan dilatih hingga ke peringkat tertinggi di dalam Konsep Latihan Kemahiran MLVK. Walau bagaimanapun, pelaksanaan konsep latihan kemahiran MLVK di dalam TLDM agak perlahan disebabkan mereka yang menerima latihan ini tidak dimanfaatkan sepenuhnya. Justeru itu MTL menerusi SM-Pemb akan menentukan perkembangan program latihan kemahiran ini diselaras dan terus dipantau bagi memastikan latihan dan kepakaran yang ada di dalam TLDM mendapat pengiktirafan yang sewajarnya khususnya Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan.

Sijil Kemahiran yang diterima akan membuka peluang lebih baik untuk warga TLDM meneroka kerjaya kedua setelah bersara dari perkhidmatan kelak. Selain dari itu, negara juga akan dapat memanfaatkan tenaga mahir dan terlatih terutama dalam membangunkan industri maritim dan pertahanan. **S**





**Selesa - Rumah keluarga warga
KD SRI SEMPORNA**

Jenayah merentasi sempadan seperti peristiwa penculikan di Pulau Sipadan dan Pandanan, Sabah 4 tahun lalu adalah antara beberapa masalah keselamatan yang diberikan perhatian serius oleh kerajaan dan pasukan keselamatan.

Pelbagai tindakan diambil walaupun melibatkan kos yang tinggi bagi menangani masalah ini. Antaranya ialah melancarkan Ops Pasir dengan menempatkan anggota tentera di pulau-pulau terpencil. Apa yang jelas kerajaan begitu komited untuk melihat kesejahteraan rakyat terjamin dan kedaulatan negara terbela setiap masa. Dan, langkah besar ke arah menjamin keselamatan itu ialah dengan membina Pangkalan Hadapan TLDM di Semporna, Sabah.

Pangkalan yang menempatkan Markas Pasukan Khas Laut (PASKAL), unit elit TLDM itu adalah untuk menjamin perairan negara tidak mudah dibolosi atau dicerobohi oleh anasir yang tidak dialukan. Sekaligus membuktikan kesungguhan kerajaan dalam memastikan keselamatan dan kedaulatan negara terus terjamin. Ini kerana pangkalan berharga RM145 juta ini juga boleh berfungsi sebagai pangkalan hadapan logistik kepada aset TLDM yang beroperasi di perairan Sabah Timur. Perairan Sabah Timur termasuk Laut Sulu, adalah kawasan strategik bagi Malaysia kerana kepentingannya sebagai laluan perhubungan laut (SLOC), laluan perdagangan antarabangsa, kawasan perikanan dan hasil lautan serta berpotensi tinggi dalam bidang pelancongan dan sumber asli. Kapal TLDM yang beroperasi di perairan Sabah Timur sentiasa memerlukan bantuan logistik yang mantap dan berterusan.

Pangkalan Hadapan TLDM Semporna telah dibuka dengan rasminya oleh Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Hj Abdul Razak pada 1 Mac 2004 dengan nama KD SRI SEMPORNA. Ia dilengkapi dengan pelbagai kemudahan termasuk riadah dan rekreasi bagi menjamin kesejahteraan warga yang tinggal di sini. Antaranya ialah kolam renang, gimnasium, kompleks sukan, padang bola dan stadium serta surau. Di dalam ucapannya Dato' Sri Mohd Najib melahirkan harapan agar masyarakat setempat dan warga



Jeti Operasi untuk kapal TLDM berlabuh

Bangunan pentadbiran



PANGKALAN HADAPAN TLDM KD SRI SEMPORNA

Oleh: PW II KNA Kamal bin Abdul Muid, PR MTL



Standard - Kemudahan kolam renang di dalam kawasan pangkalan

TLDM dapat bekerjasama selaras hasrat kerajaan supaya 'Rakyat dan Tentera Berpisah Tiada'.

Sempena dengan upacara itu, Dato' Sri Mohd Najib telah dianugerahkan Beret Kehormat PASKAL, beret ungu yang menjadi lambang kebanggaan Pasukan Khas Laut.

Mengimbas kembali penubuhan KD SRI SEMPORNA, cadangan penubuhan pangkalan ini telah dimulakan sejak Julai 1996. Tapak di Batu Hilas ini dipilih berdasarkan kajian fizikal, faktor geografi dan kesesuaiannya menampung keperluan operasi kapal-kapal TLDM. Kerja pembinaan dimulakan pada Disember 1999.

Penubuhan Pangkalan Hadapan TLDM di Sabah adalah yang ketiga selepas KD SRI TAWAU dan KD SRI SANDAKAN. Ini jelas menunjukkan kerajaan pusat dan negeri Sabah memberi penuh komitmen dan memandang tinggi keupayaan TLDM khasnya PASKAL dalam mengamankan aspek keselamatan perairan negara di rantau itu.

Peranan dan objektif Pangkalan Hadapan digariskan seperti berikut:

- Mengurang dan mencegah aktiviti keganasan

maritim serta mencegah kemasukan pendatang tanpa izin.

- Menyediakan kemudahan logistik kepada ATM serta agensi penguatkuasaan maritim
- Menjimatkan masa dan kos perjalanan, bantuan logistik, penyelenggaraan dan pentadbiran armada TLDM.
- Merangsang pertumbuhan ekonomi setempat di samping membantu integrasi nasional dan kebudayaan.
- Meningkatkan pembangunan industri tempatan.

Menurut Panglima Tentera Laut, Laksamana Dato' Sri Mohd Anwar, pangkalan ini menjadi pemangkin kepada kemantapan pertahanan negara. Ia juga dapat mencegah ancaman lanun di Pulau Sipadan dan Ligitan serta perairan berhampiran. Selain tiga pangkalan sedia ada, sebuah pangkalan TLDM terbesar di Sabah sedang dibina di Teluk Sapangar, Kota Kinabalu bagi pengoperasian Angkatan kapal selam yang akan memasuki perkhidmatan TLDM menjelang 2007. **S**

Heartiest Congratulations

From
Dato' Mohd. Nadzmi Mohd. Salleh,
The Board of Directors, Management & Staff

Nadi Defence Industries Sdn Bhd
Kima Sdn Bhd
Puspamara Sdn Bhd
PNP Sdn Bhd

With you into the future




"NAVY PEOPLE"

Kamilah warga Tentera Laut, lelaki dan wanita, penuh dedikasi dan komited, dalam memberi khidmat kami, demi negara. Kami bekerja; sepenuh dedikasi, sebagai rakan kepada seluruh warganegara yang berkongsi *our sense of duty and purpose.*

Kelengkapan dan persenjataan terbaik memerlukan kami bagi memaksimumkan potensinya. Warga Tentera Laut akan memastikan, kemenangan kekal milik kita - *setiap ketika.*

Cabaran buat kami hanyalah, untuk menarik dan mengekalkan pemuda-pemudi, warganegara Malaysia, di dalam suasana tenaga kerja yang sangat mencabar dewasa ini. Dengan menjadikan Tentera Laut bidang kerjaya yang amat diimpikan oleh semua warganegara, selain menjadi kerjaya yang *engaging and fulfilling to serve.*

Ke arah itu, barisan kepimpinan TLDM telah mengenalpasti dan menggariskan objektif-objektif strategik yang menyeluruh, dan menyediakan kaedah untuk mengukur kewibawaan polisinya, dalam melahirkan sumber manusia yang bakal memenuhi keperluan dan kehendak hari ini, serta masa hadapan, sebagai sebuah **ANGKATAN TENTERA LAUT ABAD KE-21.**







SEKALI SAUJH DILABUH...

Oleh: Lt Kdr Suhaimi bin Sulaiman TLDM

Alkisah, walaupun kita boleh berbangga dengan perolehan peralatan-peralatan baru, aset-aset canggih, pemenang berbagai anugerah kualiti dan menerima masuk graduan-graduan universiti yang berkepakaran dan mempunyai anggota-anggota berkelulusan tinggi, namun jika kita tidak bersama menyumbang dan berusaha gigih membendung kelemahan-kelemahan persekitaran nescaya apa yang disasarkan oleh pucuk pimpinan TLDM mahupun ATM terbantut dan terus menemui jalan buntu. Tidak dinafikan pembentangan Sasaran Kerja Tahunan (SKT) memang mengagumkan dan rata-rata semua unit dalam TLDM berjaya mencapai SKT mereka dengan cemerlang. Adakah ia dicapai dengan usaha murni semua anggota? Atau sebilangan kumpulan anggota? Atau juga 'one man show'? Atau 'on paper evaluation and assessment'?

Visi dan misi telah dilakar dan dipaparkan di setiap ruang dalam TLDM. Sewajarnya ia dijadikan panduan serta pegangan kita melaksanakan komitmen dan amanah yang disandarkan kepada kita. Kesungguhan kerja yang digandingkan keikhlasan adalah kunci penting untuk berjaya. Dan sejauh mana kejayaan itu diukur pula terpujanglah kepada hasil yang dikeluarkan kelak. Apapun, dalam apa jua fenomena dan keadaan atau di organisasi mana pun kita bernaung, tidak dinafikan terpancar kelemahan-kelemahan samada disedari mahupun tidak. Kelemahan ini jika tidak ditapis dan ditepis seadanya lambat laun akan menjadi faktor yang boleh menjejaskan kemapanan semangat juang sesebuah pasukan. Antara kelemahan yang penulis sempat teropong, yang perlu mendapat perhatian semua termasuklah:

• KETIDAHAN PERPADUAN

Penulis perhatikan kita sering berpecah dan tiada kesepakatan apabila membentangkan sesuatu perkara. Walaupun perbincangan dan pengimplimentasian secara sihat berlaku namun akhirnya pihak yang tidak berpuas hati akan menuding jari kepada pihak yang satu lagi. Paling memeritkan akan berlaku tindakan yang tidak rasional seperti menulis di akhbar tanpa pengetahuan pihak atasan atau memajukan surat layang, yang mana etika ini tidak selaras dengan prinsip yang digariskan oleh perkhidmatan. Contohnya penulis ada terbaca mengenai larangan memakai jaket atau apa jua pakaian luar yang dijadikan pelindung pakaian seragam semasa memasuki Pangkalan TLDM Lumut. Ini baru contoh yang terpercil. Apapun senarionya, kepada yang tidak mengetahuinya, memakai jaket atau pelindung pakaian seragam semasa memasuki mana jua pangkalan tentera adalah tidak dibenarkan cuma dahulu kita tidak praktikkan. Alasan di sebalik larangan ini ialah keselamatan dan rasanya tidak perlulah penulis menghuraikannya di sini. Cukuplah sekadar penulis katakan ia sebagai salah satu cegah rintang menghalang penceroboh daripada memasuki pangkalan tentera. Sememangnya semua perkara baru yang hendak diketengahkan atau diimplimentasikan dalam TLDM mestilah mengambil kira beberapa faktor termasuklah kesepakatan semua pihak dengan meminggirkan kepentingan peribadi. Kepentingan organisasi mestilah menjadi wadiah apabila pembaharuan dilaksanakan. Setiap perubahan positif hendaklah diterima pakai 100% tanpa persoalan. Pentingkanlah organisasi dan kekuatan kita sebenarnya jika dibandingkan dengan perkhidmatan lain ialah semangat muafakat dan kemesraan. Biarlah kita berbalah pandangan tapi di akhirnya kita sama-sama mendokong setiap usaha dan pembaharuan yang dirancang.

• SIKAP TIDAK MEMENTING ILMU

Tidak dinafikan, sesetengah daripada kita hanya mementingkan kemewahan dan materialistik. Kepentingan ilmu diabaikan dan hanya dijadikan mainan mulut. Penulis amat bersetuju dengan tema hari TLDM ke 69 yang lalu iaitu 'Ilmu Dan Kualiti Untuk Berjaya'. Ilmu dan kualiti seharusnya bergerak seiringan. Jika kita berilmu kita boleh duduk dan berdiri segandingan orang lain yang bijak pandai. Pepatah ada mengatakan tanpa ilmu kita senang ditindas. Penulis percaya jika TLDM berjaya mensasarkan anggotanya menjadi

insan berilmu nescaya kita akan menjadi sebuah organisasi yang disegani lagi digeruni. Perkara-perkara yang menyentuh ilmu pengetahuan baik perihal organisasi, umum dan global hendaklah dipanjangkan ke segenap lapisan anggota melalui pelbagai bentuk dan rangkaian. Pegawai bahagian semestinya memainkan peranan utama dan orang yang paling bertanggungjawab dalam mengemukakan perkara baru kepada anggota di bawah naungan. Program-program berbentuk kesedaran dan ilmiah diperbanyakkan dengan tidak melupakan penglibatan anggota bawahan. Soalan dan pertanyaan berbentuk ilmu pengetahuan (kepakaran, organisasi, umum dan global) menjadi perkara pokok dalam setiap temuduga kenaikan pangkat.

• SIKAP KEPURHAN

Penulis rasa dalam banyak kelemahan, kelemahan ini yang paling berleluasa dan paling ketara. Individu sedemikian sebenarnya tidak mempunyai maruah diri dan nilai kehidupan sejati. Semestinyalah sikap ini dikikis daripada budaya dan amalan kita. Mungkin kita tidak berapa endah dengan kelemahan ini namun jika kita masih lagi terus berpaut dan bermegah kepada prinsip ini nescaya organisasi kita akan dipenuhi oleh individu-individu yang tidak amanah dan ikhlas dalam komitmen mereka. Nah, kalau permulaannya menampakkan ketidakupayaan masakan pengakhirannya membuahkan hasil yang lumayan? Mengapa sukar amat untuk kita bekerja dengan jujur dan berbekalkan ketelusan? Mungkin kita terlupe bahawa asas untuk berjaya ialah kita sendiri mengamalkan kerja yang sihat setiap masa.


• AMALAN MAKSIAH DAN RASUAH

Secara optimis, penulis dapat mengagak kelemahan ini masih berlaku. Dan penulis ingin mengajak pembaca mengimbu apa yang berlaku kepada negara-negara atau orang perseorangan yang mengamalkan perkara ini. Kesemuanya hancur dan langsung tidak dihormati. Mahukah kita menjadi seperti mereka? Namun mengapa perkara ini amat sukar dibendung? Kehidupan hedonis dan menghalalkan yang salahlah jawapannya. Sesuatu yang salah, apabila kerap diamalkan akan menjadi ikutan, dan lama kelamaan diterima pakai seterusnya menjadi amalan dan budaya. Di tahap ini, percayalah ia amat sukar dibuang. Penulis terpaksa mengaku bahawa penulis amat khuatir jika kita tidak serius membendung kelemahan ini. Penghinaan oleh masyarakat sejagat tidak boleh dipandang sepi. Kepercayaan terhadap kita juga akan pupus dan akhirnya jadilah kita sebuah pasukan yang hanya ada nama tanpa imej. Setiap individu yang didapati mempunyai kaitan terhadap kelemahan ini semestinya tidak diberi peluang kedua. Jalan terbaik ialah diberhentikan daripada perkhidmatan supaya organisasi yang kita banggakan ini kekurangan orang yang rendah moral dan akhlakunya. Kita tidak mahu kerana nila setitik rosak susu sebelanga. Tindakan serius boleh menjadi cegah rintang yang berkesan membendung kelemahan ini.

Penulis ingin mengajak para pembaca sekalian menjenguk sejenak pencapaian kita yang lalu. Adakah kita setulinnya berpuas hati dengan apa yang dicapai selama ini? Atau kita sentiasa merperkasakan laungan takpalah, biarlah dan lantaklah apabila melihat kelemahan-kelemahan di atas mendominasi kita? Adalah menjadi tanggungjawab semua untuk memastikan kita tidak semakin tenggelam malah terus berdaya mengemudi TLDM dengan cemerlang. Tujuh Puluh tahun adalah satu jangka masa yang terlalu panjang untuk kita berubah. Tapi adakah kita telah berubah sepenuhnya? Kelemahan di atas merupakan sebahagian daripada begitu banyak kelemahan-kelemahan yang ada pada kita. Dan setiap kelemahan boleh di atasi sewajarnya. Justeru penulis tidak nampak sebarang kepincangan untuk berganjak atau berubah daripada kepompong kelemahan kerana TLDM kini semakin dibanjiri dengan pewaris yang memiliki andalan dan kredibiliti untuk merubah. Wassalam. **S**



Surpassing threats now and in the future



Bofors 40 and 57 Mk3 naval guns together with the technologically unparalleled 3P ammunition ensure tactical freedom on all levels of conflict.

www.boforsdefence.com

 **BOFORS**
DEFENCE

Partnership in Action



BAE SYSTEMS

www.baesystems.com